

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 42**Khamis****6 Julai 2006**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman	28)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Pelindung 2006	(Halaman	29)
Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006	(Halaman	44)
USUL:		
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman	97)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:		
Masyarakat India Tidak Mendapat Faedah Dari pada Program RMK-9		
- <i>Y.B. M. Kula Segaran [Ipoh Barat]</i>	(Halaman	97)
Masalah Penukaran status Agama Dalam Sijil Kelahiran Tiga Beradik Kaum India		
- <i>Y.B. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]</i>	(Halaman	101)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 6 Julai 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran pemimpin-pemimpin masyarakat dari Parlimen Tanah Merah seramai 120 orang.... [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, soalan saya Nombor 1.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mereka datang kerana Yang Berhormat ada soalan hari ini.... [*Ketawa*]

1. **Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah perancangan kementerian dalam penanaman ubi kayu kanji dan senaraikan kegunaan-kegunaan yang boleh dibuat daripada ubi, batang dan daun ubi kayu.

Timbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian telah pun mempunyai rancangan untuk meningkatkan lagi pengeluaran ubi kayu yang mana merupakan di antara tanaman yang berpotensi dan akan dibangunkan secara besar-besaran di bawah Pelan Tindakan Imbangan Perdagangan iaitu *Balance of Trade Plan*

Sasaran untuk pengeluaran ubi kayu menjelang 2010 adalah sebanyak 88,480 tan. Menjelang 2010, beberapa kawasan akan ditanam dengan ubi kayu dan negeri-negeri yang telah dikenal pasti untuk penanaman ubi kayu ialah negeri Johor, Perak, Kelantan dan Selangor. Pada tahun 2005, kawasan yang ditanam dengan ubi kayu adalah dianggarkan seluas 1,419 hektar dengan pengeluaran sebanyak 19,958 tan. Kebanyakan ubi kayu yang dirancang ini adalah dari jenis ubi kayu yang boleh diproses sebagai kerepek dan tapai bagi menggalakkan lebih ramai usahawan menceburkan diri dalam industri pemprosesan dan industri asas tani.

Tuan Yang di-Pertua, kegunaan-kegunaan yang boleh dibuat daripada ubi, batang dan daun ubi kayu adalah seperti berikut:

Dari Ubi:

- Ubi kayu manis yang mempunyai kandungan *cyanide* yang rendah dan selamat dimakan biasanya digunakan

dalam penyediaan kuih tradisional seperti bubur cacar dan lain-lain atau diproses sebagai kerepek dan tapai ubi.

- Ubi kayu jenis pahit yang mengandungi *cyanide* yang tinggi boleh dijadikan sebagai makanan haiwan dengan syarat kandungan *cyanide* nya didetoksifikasikan terlebih dahulu.

Bagi kegunaan batang -

Pokok ubi kayu pula boleh digunakan untuk tujuan berikut:

- bahan tanaman atau benih;
- sebagai *particle board* untuk dinding akustik; dan

Untuk kegunaan daun

- ia boleh dijadikan ulam;
- juga sebagai sumber enzim; dan
- sumber asid *amino*.

Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Ubi kayu ataupun *tapioca* satu masa dahulu iaitu tahun 1972 amat digalakkan penanamannya oleh kerajaan. Cuma akhir-akhir ini kita nampak dari segi perkembangannya agak perlahan dan saya berterima kasih kepada kerajaan kerana dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini satu inisiatif telah diambil untuk mempertingkatkan pengeluaran ubi kayu kanji, khususnya.

Di negara Thailand merupakan eksport kedua selepas beras bagi ubi kayu kanji ini. Saya ingin bertanyakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sama ada kerajaan akan mengambil langkah-langkah supaya penanaman ubi kayu ini melibatkan orang-orang kampung secara menyeluruh, di mana banyak tanah terbiar yang ada di dalam negara kita ini yang tidak ditanam sedangkan ubi kayu ini mudah ditanam. Ini kerana ia mudah untuk hidup di tanah Malaysia ini.

Dan, apakah bantuan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: ...yang kementerian boleh berikan kepada petani-petani yang ingin mengusahakan ubi kayu di kampung-kampung.

Sekian. Terima kasih.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat telah menyebut bahawa dari segi hektar penanaman ubi kayu telah jatuh dalam dua tahun. Ini adalah satu fakta. Masalahnya adalah kerana kebanyakan petani-petani telah menukar daripada menanam ubi kayu kepada kelapa sawit. Dan, tadi ada dimaklumkan bahawa ubi kayu, ia bukan

semua tanah boleh tanam ubi kayu. Kita telah cuba hendak menggalakkan. Hanya di tanah 'lom' dan di tanah rata sahaja, so ini maknanya tanah bukit, tanah liat dan tanah pasir adalah tidak sesuai. Yang pertama.

Berkaitan dengan penanaman ubi kayu kanji, masalah sekarang adalah sebab ubi kayu ia ada dua jenis iaitu ubi kayu manis dan ubi kayu pahit yang dibuat kanji. Sekarang ubi kayu manis harganya di pasaran adalah 30 sen hingga 35 sen sekilo tetapi untuk ubi kayu pahit yang dibuat kanji hanya 18 sen. Ini bermakna petani-petani tradisional tidak menceburi dalam menanam ubi kayu kanji. Masalah di sana. Dan, hanya syarikat swasta yang ada kilang memproses ubi kayu kanji yang akan membuat penanaman ubi kayu kanji sebagai integrasi.

Walau bagaimanapun, dalam beberapa tahun ini, kementerian telah mula program untuk menggalakkan lebih ramai petani tradisional menceburi dalam bidang menanam ubi kayu. Seperti yang tadi saya nyatakan, adalah hasrat kita di antara tahun 2005 ke 2010, kita berhasrat supaya menambah empat kali ganda pengeluaran ubi kayu. Oleh itu, kita telah mula adakan kursus dan seminar untuk menggalak petani-petani yang sedia ada dan yang baru. Sekarang kita ada dana 3F untuk pengeluaran ubi kayu.

Saya juga ingin maklumkan bahawa MARDI telah membuat penyelidikan. Sekarang kita ada *variety* ubi kayu Srikanji 1 dan Srikanji 2. Baru-baru ini, pada tahun dahulu, MARDI telah mengeluarkan satu manual untuk menolong petani-petani macam mana menanam ubi kayu. Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sabak Bernam, sebut pasal ubi, memang sangat sensitif kerana ini salah satu daripada tanaman yang kira-kira 15 tahun yang lepas telah digalakkan oleh kerajaan terhadap petani iaitu ubi kayu, ubi plastik. Jadi, dengan janji kerajaan untuk membeli balik apabila matang ubi ini dalam tempoh lapan bulan, maka tidak laku.

Jadi oleh kerana itu, saya ingin dengar pandangan ataupun maklumat daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah jaminan daripada pihak petani kalau mereka melibatkan diri dalam perusahaan ini untuk harga yang baik itu dapat diberikan kepada mereka. Ini kerana, di Sabak Bernam, tanahnya cukup subur, tanam apa sahaja. Malah, orang kata cocok apa sahaja mesti naik. Jadi maknanya, kalau ini dapat dikembangkan, maka saya yakin....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: ...Rancangan kerajaan untuk mengembangkan pertanian itu akan dapat disebar dengan baik. Dengan maaf, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Mah Siew Keong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Kita tidak nafikan bahawa sekarang negara kita mengimport banyak, berbilion-bilionlah makanan seperti jagung, bijian dan gula. Ubi kayu berpotensi ganti sebahagian dari import. Oleh itu, tadi saya nyatakan bahawa kita telah mula rancangan untuk menggalakkan penanaman ubi kayu.

Masalahnya tadi Ahli Yang Berhormat sebut adalah dari segi harga yang naik turun. Oleh itu, FAMA agensi, kementerian juga telah mula mengkaji dengan lebihnya *contract farming* yang memberi satu jaminan harga kepada petani-petani ini supaya mengelakkan adanya kesusahan bila harga turun dengan terlalu banyak. Dari segi ini, sekarang FAMA telah mengkaji tanaman-tanaman yang kita dapat membuat kontrak dengan petani-petani ini.

Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, satu soalan lagi untuk ubi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya. Tanya selepas inilah.... [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan. Ini ubi Tuan Yang di-Pertua, kita pun sudah sombong dengan ubi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hmm, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dahulu, ubi ialah makanan menyelamatkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak apa. Selepas 11.30 masa Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...bangsa negara kita Tuan Yang di-Pertua, waktu Jepun Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup! Dato' Goh Yang Berhorat bagi Rasah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagi saya peluang, boleh Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun janganlah macam Perancis, sudah menang malam tadi, Tuan Yang di-Pertua punya pasukan.... [*Ketawa*] Bagi peluanglah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya ucap tahniah Tuan Yang di-Pertua menang, Perancis.... [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat semalam, sampai sekarang pun belum tidur.... [*Ketawa*] [*Dewan gamat seketika*]

2. Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kerajaan mempunyai satu jawatankuasa khas untuk membuat tinjauan dan memberi nasihat kepada penduduk-penduduk di kawasan tinggi supaya tidak terdedah kepada bahaya tanah runtuh memandangkan kejadian tersebut kerap berlaku di kawasan-kawasan tinggi dan mengancam keselamatan orang ramai.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya telah menubuhkan sebuah unit khas untuk menguruskan cerun dan masalah tanah runtuh di sepanjang lebuhraya dan lereng bukit yang berhampiran dengan lebuhraya. Unit khas tersebut pada masa ini sedang mengenal pasti

kawasan-kawasan yang bermasalah dan apabila berlaku keruntuhan, cerun akan menghantar maklumat menggunakan peralatan melalui satelit dan telefon kepada ibu pejabat Jabatan Kerja Raya.

Sebuah pusat kawalan untuk memantau kedudukan cerun dan lereng bukit perlu ditubuhkan untuk membuat laporan ke ibu pejabat Jabatan Kerja Raya. Apabila berlaku pergerakan tanah di lapisan bawah dan lapisan atas, pihak kerajaan memerlukan perbelanjaan besar untuk menubuhkan sebuah stesen pemantauan yang lengkap yang mana pada masa ini sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Saya sangat menghargai cadangan Yang Berhormat untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi memaklumkan orang ramai yang tinggal di sekitar kawasan lereng bukit apabila mereka menghadapi bahaya tanah runtuh. Tindakan tersebut akan dapat menyelamatkan nyawa dan harta benda dan akan diberi pertimbangan serius oleh kementerian saya sebaik sahaja sistem pemantauan berpusat disiapkan.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Adakah Kementerian Kerja Raya membuat rondaan ke kawasan yang didapati mungkin boleh berlaku runtuh tanah di tepi jalan raya dan lebuh raya? Berapa lama sekali rondaan dijalankan? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, di seluruh Lebuhraya Utara Selatan, ada juga syarikat PLUS sedang memasang beberapa alat-alat untuk memberi maklumat berkenaan dengan masalah cerun. Selain daripada itu, kami juga telah menghantar pegawai-pegawai daripada kementerian untuk menyiasat dan juga mendapat tahu keadaan di beberapa tempat yang mana kita percaya ialah bahaya. Jadi, inilah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh kementerian saya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kementerian memang mempunyai rancangan yang tertentu untuk mengawal dan juga menguruskan cerun-cerun bukit yang berbahaya kepada nyawa dan juga harta benda. Tetapi baru-baru ini banyak kes berlaku seperti yang berlaku di Genting Highlands dan juga di Ulu Klang di mana selepas berlaku sesuatu bencana, baru ada tindakan ataupun baru *two persons* menuding jari di antara kerajaan negeri, jabatan dan juga Kerajaan Persekutuan dan seterusnya.

Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian Yang Berhormat bersedia menjadi, orang kata apa, *initiator*, yang utama untuk mengurangkan ataupun mendapat satu strategi yang lebih berkesan lagi untuk mengurangkan bencana ini di masa-masa akan datang. Ini kerana, kalau kita kata bahawa selepas satu bencana berlaku, maka baru *reactive* kepada perkara itu, itu sudah terlambat. Saya fikir ramai rakyat ataupun penduduk pun tidak begitu gembira. Apakah rancangan ataupun apakah tindakan yang lebih tegas daripada kementerian Yang Berhormat Menteri? Saya ingin dapatkan sedikit penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, dua-dua perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, satunya di Genting. Ini luar daripada kawasan jalan dan lain-lain. Selain daripada itu, kawasan itu di bawah jagaan pihak-pihak bertanggungjawab untuk Genting. Jadi, mereka tidak memberitahu apa-apa maklumat kepada kita. Walau bagaimanapun, kita telah menghantar beberapa jurutera untuk mengambil tindakan ke atas itu. Beberapa perkara sudah dapat diselesaikan sekarang. Selain daripada itu, apa yang berlaku, kali yang kedua di mana seorang anak telah mendengar. Ini di luar kawasan kita dan juga kawasan di mana ada juga pemaju-pemaju menjalankan aktiviti-aktiviti sendiri, tidak peduli berkenaan dengan rumah-rumah yang sedia ada.

Jadi, kami tidak mempunyai kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan atau untuk memberi nasihat kepada mereka. Oleh kerana ini masuk dalam kawasan-kawasan kuasa majlis perbandaran, kami lebih-lebihnya selepas siasatan telah diselesaikan, kita menghantar surat dan juga menghantar arahan kepada Majlis Perbandaran minta semua penghuni-penghuni rumah keluar daripada rumah. Ini arahan daripada JKR. Jikalau tidak, barangkali ada juga lebih banyak kemalangan seperti apa yang berlaku.

Jadi seperti apa yang diminta oleh Yang Berhormat untuk mengadakan satu kawalan untuk keseluruhan untuk negara, ini boleh dijadikan sebagai satu perkara yang akan memakan belanja yang paling tinggi. Jadi kita akan menjalankan di kawasan di mana kita percaya iaitu bahaya, di sana kita akan mengadakan beberapa pemantauan sedang dipasangkan.

2. Dato' Paduka Badruddin bin Amiruldin [Jerai] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan tentang projek penswastan Ibu Pejabat Polis Daerah Yang oleh Nicesaga Development Sdn. Bhd. Apakah status projek tersebut dan tindakan-tindakan yang telah diambil ekoran laporan polis yang telah dibuat terhadap syarikat tersebut dan apakah Kerajaan akan meneruskan pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Yan dalam RMK-9.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tuan Yang di-Pertua kerajaan telah menandatangani Perjanjian Penswastan bagi Projek dengan syarikat Nicesaga Development pada tahun 1997 iaitu cadangan membina IPD dan perumahan untuk Kuala Muda, Pendang dan Yan. Kos keseluruhan projek tersebut adalah berjumlah 109,378,000. Perpecahan projek adalah seperti berikut:

- (i) IPD Kuala Muda RM53,671,709;
- (ii) IPD Pendang RM29 juta; dan
- (iii) IPD Yan RM26 juta.

Projek Pakej Penswastan tersebut, pihak Nicesaga telah berjaya menyiapkan IPD Kuala Muda sahaja. Dan kemudiannya menyatakan hasrat untuk menarik diri daripada tidak melaksanakan projek tersebut dan projek-projek tersebut telah terbengkalai sehingga sekarang. Walau bagaimanapun, kerajaan telah dengan persetujuan EPU Unit Perancang Ekonomi telah menarik balik projek tersebut dan satu laporan polis telah dibuat mengenai projek tersebut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham bahawa projek ini memang terbengkalai dan telah banyak kali saya kemukakan. Jadi saya hendak tahu apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap Syarikat Nicesaga kerana tanah tersebut asal tanah polis diswastakan sebagai *gross* subsidi projek. Rumah telah disiapkan, bangunan, kedai telah disiapkan. Tidak ada lagi tanah kerajaan di situ, jadi projek terbengkalai jadi apa nak jadi dengan IPD Yan dan IPD Pendang? Apakah tindakan yang akan diambil dan setelah laporan polis dibuat kepada Syarikat Nicesaga, apakah yang telah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Soalan sudah keluar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal jawab tak penuh. Ini tambah sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun semalam Perancis menang 1-0.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu Sri Gading punya *team*, bukan saya punya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya. Tuan Yang di-Pertua Portugal. Saya Brazil kalah awal lagi. Jadi boleh tak Timbalan Menteri tolong saya perelaskan saya, bila projek ini kalau dah syarikat swasta tidak boleh buat adakah IPD Yan dan IPD Pendang akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan?

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi seperti yang mana saya maklumkan tadi bahawa laporan polis telah dibuat dan EPU telah menamatkan kontrak syarikat berkenaan dan tindakan undang-undang akan diambil kepada syarikat berkenaan kerana telah gagal menyiapkan projek-projek seperti mana perjanjian yang telah dibuat. Mengenai IPD Yan dan Pendang kita akan tender tidak berapa lama lagi dan kerja-kerja urusan tender sedang dilakukan oleh pihak kementerian. Dan akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Pada sesi yang lepas saya telah bertanya soalan IPD Pendang ini kepada Timbalan Menteri. Jawapan yang diberikan adalah mereka telah menghantar surat kepada syarikat itu dan menunggu enam bulan untuk mengambil tindakan.

Jadi sekarang persoalan yang akan saya timbulkan, apakah masa enam bulan telah berlalu dan minggu lepas saya nampak di hadapan IPD Pendang telah di *clear*, dicerahkan hutan-hutan dia. Apakah enam bulan ini telah berlalu dan telah dikeluarkan tender baru setelah surat-surat daripada laporan polis itu telah dikeluarkan kepada Syarikat 'Niaga Sari' ini. Penjelasan yang ingin saya dapatkan, apakah pencerahan di kawasan IPD Pendang untuk membuat IPD Pendang yang baru ataupun kontrak yang baru telah dikeluarkan. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Mengenai IPD Pendang adalah berbeza sedikit dengan IPD Yan kerana Yan belum dimulakan apa-apa lagi. Di IPD Pendang kerja telah dilaksanakan. Jadi kita kena *value* balik berapa banyak kerja yang telah dilaksanakan dan hasil daripada kajian yang telah dibuat, ia telah melaksanakan lebih kurang 27 %. So sebab itulah kita terpaksa kena *clear* tempat itu untuk membuat *assesment* dan tidak berapa lama lagi seperti mana yang saya maklumkan bahawa tender akan dikeluarkan.

4. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Menteri Kesihatan menyatakan keadaan HIV/AIDS dalam negara. Apakah peruntukan kewangan dan langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah dan merawat penyakit ini termasuk keberkesanan penyertaan beliau di dalam penemuan antarabangsa mengenai wabak ini.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Mac 2006, jumlah terkumpul kes jangkitan HIV adalah seramai 71,676 orang di mana seramai 10,959 daripadanya adalah pesakit AIDS dan 8,334 telah meninggal dunia akibat AIDS. Didapati 88% yang dijangkiti adalah lelaki dan 70% berpunca dari perkongsian jarum di kalangan penagih dadah suntikan.

Kerajaan telah melipatgandakan peruntukan HIV/AIDS daripada RM200 juta kepada RM500 juta untuk lima tahun daripada 2006 hingga 2010. Pertambahan peruntukan ini adalah untuk menyempurnakan pelaksanaan 6 strategi utama yang terkandung di dalam Pelan Strategi Kebangsaan bagi HIV/AIDS yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 12 April 2006.

Enam strategi utama adalah seperti berikut:

- (i) pengukuhan kepimpinan, komitmen, kolaborasi dan advokasi dalam memerangi HIV/AIDS di peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri dan daerah;
- (ii) peningkatan keupayaan teknikal, tenaga manusia dan sumber kewangan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program;
- (iii) pengurangan risiko jangkitan HIV di kalangan penagih dadah dan pasangan seks mereka;
- (iv) pengurangan *vulnerability* jangkitan HIV di kalangan wanita, remaja dan kanak-kanak;
- (v) pengurangan *vulnerability* jangkitan HIV di kalangan golongan terpinggir seperti pekerja seks, *transsexual* dan MSM (*men having sex with men*); dan
- (vi) peningkatan *accessibility* kepada informasi HIV/AIDS serta perkhidmatan-perkhidmatan pencegahan, rawatan, penjagaan dan sokong bantu kepada yang terlibat dengan jangkitan HIV/AIDS.

Untuk memastikan pendekatan multisektoral yang lebih berkesan bagi melaksanakan strategi di atas, kerajaan telah mengujudkan satu Jawatankuasa Kabinet bagi HIV/AIDS yang

dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa Kabinet ini akan dibantu oleh Jawatankuasa Penasihat Kebangsaan bagi AIDS yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan bagi AIDS yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Semasa Yang Berhormat Menteri Kesihatan menghadiri *High Level Meeting on HIV/AIDS* di New York, kebelakangan ini pihak UNH telah merakamkan penghargaan kepada Malaysia di atas komitmen dan inisiatif yang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk membendung penularan HIV di kalangan penagih dadah melalui *Harm Reduction Programme*. Pengiktirafan ini telah mendorong badan-badan antarabangsa bersedia untuk memberi sokongan teknikal dan lain-lain lagi bentuk kerjasama bagi meneruskan pendekatan-pendekatan yang telah diusahakan oleh Malaysia.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mudah-mudahan strategi utama dapat dijayakan di negara ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan iaitu bilangan HIV AIDS ini yang dikatakan lebih 71% ataupun 71,000 dan apakah bilangan yang dijangka masih tidak termasuk dalam angka ini. Adakah ini lima kali ganda daripada angka 71,000 dan kita pun tidak mahu seperti IPD di Yan tadi itu yang terbengkalai dan sebagainya.....
[Disampuk] [Dewan riuh]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Ini kalah bola Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...*[Ketawa]* Kalah.! Saya sokong Perancis.... *[Dewan semakin riuh]* Cuba tanya TV3 itu....

Beberapa Ahli: Soalan-soalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menguatkuasakan strategi utama kita ini, adakah kita mempunyai bilangan penguat kuasa yang cukup komited seperti yang disebutkan oleh UNH tadi, kita komited dan adakah kita mempunyai bilangan penguat kuasa yang cukup untuk menangani masalah ini kerana Yang Berhormat, misalnya Yang Berhormat menjalankan kempen yang baik tetapi di dalam Dewan juga ada orang merokok, di luar mereka merokok....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, terkeluarlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak terkeluar, ini kempen kesihatan. Kempen untuk menentang rokok, menentang AIDS dan pencegahan penyakit dan sebagainya... *[Dewan riuh]*.

Salah satu strategi utamanya ialah kepimpinan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Merapulah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana merapu pula. Kita hendak galakkan pimpinan. Kita tidak mahu Ahli Parlimen merokok dan Yang Berhormat bagi Pekan pun tidak merokok. Itu suatu contoh yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Hendak kata Sri Gading kah? Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jangan merapulah... [*Dewan semakin riuh*]

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Sebenarnya kami tidak dapat memberi anggaran yang tepat bahawa apa yang didaftarkan ialah 71,676. Kami sukar untuk mengenal pasti bilangan kes yang dijangkiti HIV tetapi tidak dilaporkan atau tidak didaftarkan. Tidak dapat dinafikan dia berlaku khususnya di kalangan penagih dadah kerana kita sedia maklum apabila penagih dadah ini sebahagian besarnya terpinggir dan tidak ada hubungan langsung dengan keluarga, saudara mara dan apabila mereka mati, biasanya dia akan dilaporkan sebagai kematian disebabkan oleh demam dan sebagainya dan kes-kes ini tidaklah dimasukkan di dalam pendaftaran.

Saya yakin bilangan kes HIV yang ada di negara kita boleh dikatakan lebih tinggi daripada 71,000 yang dilaporkan. Kami tidak dapat memberi nisbah yang mengatakan satu yang didaftar ada dua yang tidak didaftar. Kami tidak berani membuat spekulasi itu.

Berkaitan dengan soal pendidikan atau promosi mencegah HIV, seperti kempen-kempen pendidikan, dia merupakan suatu proses berterusan, kempen melalui media, kempen melalui media cetak, TV dan sebagainya, seminar dan kumpulan atau sasaran yang tertentu dan kebelakangan ini kami di Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat keputusan supaya kursus-kursus khidmat negara seharusnya mengandungi modul berkaitan dengan HIV dan untuk menunjukkan *political commitment* yang tinggi, komiti ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Ini menunjukkan kerajaan komited dan bersungguh-sungguh untuk menangani masalah ini.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satulah Yang Berhormat. Tambahan satu soalan.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Yang Berhormat, adakah ubat anti *retroviral generic* digunakan secara meluas oleh Kementerian Kesihatan dan adakah keberkesanannya setanding dengan yang asli. Kalau diizinkan yang keduanya memandangkan ubat generik ini jauh lebih murah adakah dengan itu kita telah mencapai sasaran yang ditetapkan oleh WHO tentang akses pesakit kepada ubat *anti retroviral* iaitu *3 by 5 initiative* dengan izin. Terima kasih.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ampang. Dari segi kos *anti retroviral*, di Malaysia kita membenarkan import generik dan dengan itu kos rawatan telah menurun secara dikatakan mendadak daripada RM1,200 kepada RM220. Kebelakangan ini, kita sudah menciptakan atau menghasilkan melalui perkilangan di Malaysia – *3 in 1* dan ini telah

dapat menurunkan kos sehingga RM150 seseorang dan dengan itu kita sudah dapat meningkatkan bilangan pesakit HIV yang boleh mendapat *anti retroviral*.

Pada tahun yang lepas kami sudah dapat mencapai hingga 4,800 dan kalau ikut sasaran atau matlamat yang telah ditetapkan oleh WHO 3 by 5, Malaysia seharusnya mencapai 5,000. Dengan itu boleh dikatakan kita hampir mencapai. Walau bagaimanapun, kami yakin pada tahun ini kita akan meningkat bilangan yang akan menerima *anti retroviral drugs* ini hinggalah 8,000 sampailah 10,000.

5. Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap] minta Menteri Penerangan menyatakan penjelasan tentang peraturan baru dalam penubuhan Komuniti Bestari dan apakah kesan ke atas Komuniti Bestari sedia ada yang tidak berfungsi.

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kajian terhadap keberkesanan pelaksanaan program Komuniti Bestari di seluruh negara, Kementerian Penerangan mendapati bahawa penubuhan Komuniti Bestari mengikut peraturan baru iaitu berdasarkan mukim akan memberi lebih faedah terutamanya dari segi pengurusan maklumat dan aktiviti.

Penubuhan berdasarkan mukim akan mempercepatkan proses penyebaran maklumat serta dapat melicinkan pelaksanaan aktiviti melalui gabungan antara kampung-kampung yang wujud dalam mukim-mukim berkenaan. Melalui gabungan beberapa buah kampung dalam satu mukim, pelaksanaan antara aktiviti akan lebih berkesan kerana penglibatan penghulu-penghulu atau penggawa-penggawa dengan semua ketua-ketua kampung sebagai jawatankuasa akan memberikan keberkesanan yang maksimum.

Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai mukim, penubuhan adalah mengikut kampung-kampung atau gabungan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau gabungan Jawatankuasa Penduduk atau Jawatankuasa Taman-taman Perumahan. Penubuhan mengikut mukim tidak akan memberi kesan yang negatif kepada mana-mana komuniti bestari sebaliknya akan menimbulkan kesan yang positif dan bagi mana-mana komuniti bestari yang tidak berfungsi, Kementerian Penerangan telah mengambil beberapa tindakan untuk mengaktifkan Komuniti Bestari berkenaan dan menggantikannya dengan Komuniti Bestari yang baru.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Dahulu kita difahamkan bahawa Komuniti Bestari dinamakan sebagai K3P. Apakah tujuan sebenar kita menukarkan K3P kepada Komuniti Bestari dan tujuan-tujuan penubuhannya untuk kepentingan rakyat di peringkat bawah dan adakah terdapat apa-apa peruntukan untuk pihak Komuniti Bestari menggerakkan aktivitinya di peringkat mukim ataupun kampung yang telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, tujuan K3P ditukar kepada komuniti bestari adalah bertujuan untuk lebih mengaktifkan kampung yang terlibat dan memperluaskan aktiviti yang dilaksanakan. Dahulunya kumpulan pendengar, penonton dan pembaca ini melibatkan kampung-kampung yang terpilih sahaja. Kini ianya melibatkan seluruh mukim-mukim di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Dalam hal ini keseluruhan mukim apabila ianya terlibat dengan program ini akan secara langsung melibatkan semua penduduk di kawasan berkenaan. Pada tahun ini dan insya-Allah dalam tahun-tahun yang berikutnya peruntukan akan diberikan sebanyak RM8,000 bagi setiap Komuniti Bestari di mana RM3,000 adalah untuk belanja pentadbiran dan RM5,000 adalah untuk melaksanakan aktiviti dan saya mengharapkan agar Ahli-ahli Parlimen dapat membantu Kementerian Penerangan bagi mewujudkan Komuniti Bestari ini di peringkat mukim atau daerah masing-masing di Kelantan, dan kita berharap keberkesanan program ini akan dapat membantu untuk melaksanakan integrasi antara kaum atau penduduk di Komuniti Bestari berkenaan di samping dapat melaksanakan beberapa program yang telah disusun atur untuk tujuan integrasi rakyat secara keseluruhannya.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Salah satu program terbaru Kementerian Penerangan adalah Pusat Maklumat Rakyat. Saya rasa program ini amat baik sekali, walau bagaimana pun Pusat Maklumat Rakyat ini tidak begitu meluas dari sudut publisitinya. Saya dapati masih ramai yang tidak mengetahui adanya Pusat Maklumat Rakyat dan saya ingin mendapat satu jawapan daripada Timbalan Menteri tentang apakah usaha-usaha yang akan terus dibuat oleh kementerian untuk *upgrade* lagi dengan izin, Pusat Maklumat Rakyat ini untuk menjadikan ia lebih berkesan. Apakah kayu pengukur yang boleh digunakan untuk kementerian bagi memastikan Pusat Maklumat Rakyat ini benar-benar berkesan. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini tidak ada kaitan secara langsung dengan soalan asal namun sebagai sahabat saya, saya menjawab soalan itu demi kepentingan umum.

Pusat Maklumat Rakyat atau PMR adalah merupakan program yang memberikan maklumat kepada rakyat yang ditempatkan di pejabat-pejabat penerangan daerah. Setakat ini terdapat kurang lebih 70 pusat maklumat rakyat yang sedang beroperasi. Namun dengan kewujudan Komuniti Bestari Tuan Yang di-Pertua, kita akan mewujudkan Pusat Maklumat Rakyat mini di mana setiap Komuniti Bestari akan diletakkan sekurang-kurangnya dua set komputer yang akan disambungkan terus kepada Pusat Maklumat Rakyat di peringkat kebangsaan supaya penduduk-penduduk kampung khususnya pelajar-pelajar sekolah akan memperoleh maklumat melalui Pusat Maklumat Rakyat mini ini.

Di samping itu dengan kerjasama sebuah syarikat swasta, sebuah yayasan, Kementerian Pelajaran dan Bank Negara, insya-Allah, Kementerian Penerangan melalui Jabatan Penerangan

akan bekerjasama untuk dengan izin, *refurbish computer* yang telah diguna untuk dipakai semula dan ditempatkan di Pusat Maklumat Rakyat mini ini supaya lebih ramai lagi pengguna-pengguna Pusat Maklumat Rakyat ini akan mendapat faedah. Manakala kayu pengukur yang digunakan ialah dari segi berapa ramai kehadiran pengguna-pengguna PMR dan apakah maklumat-maklumat yang diperolehi berdasarkan kepada kategori maklumat yang kita klasifikasikan dan kita akan mempertingkatkan lagi sumber maklumat yang diperolehi berdasarkan kepada permintaan dari masa ke semasa.

6. Dato' Mohd Zaid bin Ibrahim [Kota Baharu] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, kenapakah seseorang Islam itu tidak dibenarkan melanggan sesebuah saluran televisyen kabel yang mempertontonkan lumba kuda.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat antara syarat-syarat utama yang dikenakan dalam Lesen Penyiaran Televisyen Swasta dan Garis Panduan Kod Kandungan ialah memastikan bentuk kandungan siaran yang disiarkan kepada orang awam tidak mengandungi unsur-unsur perlakuan sumbang, lucah, mengancam atau jelik sifatnya. Ini termasuklah unsur-unsur pertaruhan dan perjudian seperti siaran lumba kuda yang pada tanggapan umum adalah bertentangan dengan nilai-nilai moral dan tidak sesuai untuk tontonan umum khususnya kepada penonton-penonton beragama Islam. Kementerian ini melalui SKMM sentiasa memantau dengan rapi dari masa ke semasa kandungan siaran televisyen swasta bagi memastikan ia mematuhi syarat-syarat lesen penyiaran serta Garis Panduan Kod Kandungan. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini bukan soalan agama ataupun moral. Saya bertanya bukan syarat-syarat yang dikenakan oleh kementerian. Saya tanya, mengapakah diskriminasi ini dilakukan? Apakah asasnya, apakah ia berasaskan undang-undang kita atau Perlembagaan kita, ataupun kita buat keputusan ini semata-mata kerana pendirian kita dan moral kita?

Saya bertanya bukan soal judi kerana saya sebagai Wakil Rakyat Kota Bharu, Kelantan sudah tahu dengan hal agama, kita semua. Soalnya bukan soal judi, soalnya ialah apakah asas larangan ini? Sebab kalau hendak katakan berjudi Tuan Yang di-Pertua, semalam bola sepak pun ada juga orang berjudi, apakah kita hendak haramkan bola sepak. Jadi saya ingin tahu, saya bimbang kerana kita negara Islam yang moderate, yang berasaskan undang-undang dan Perlembagaan, itu yang kita selalu katakan. Perkara 8 Perlembagaan mengesahkan yang kita ini tidak boleh diskriminasi kecuali keadaan-keadaan tertentu. Jadi apabila kerajaan dan jabatan membuat keputusan yang berasaskan lain daripada Perlembagaan, saya ingin tahu apa sebab?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Baharu terlebih dahulu saya terangkan bahawa siaran lumba kuda ini disiarkan melalui perkhidmatan

teleshop yang melalui siaran ASTRO yang diberikan khidmatnya kepada *Pan Malaysia Pool*. Bagi pelanggan yang ingin menerima perkhidmatan *teleshop* ini mereka perlulah membuat satu permohonan ataupun menjadi ahli kepada *Pan Malaysia Pool* terlebih dahulu. Untuk itu mana-mana siaran ini sebenarnya tidak ada kena-mengena kepada mana-mana penganut agama tetapi untuk mendapat menjadi *subscriber* untuk siaran ini, mereka terlebih dahulu kena menjadi ahli kepada *Pan Malaysia Pool*.

Untuk menjadi ahli *Pan Malaysia Pool* itu tertakluk kepada syarat-syarat *Pan Malaysia Pool* itu sendiri ini. Maka ia tidak terjejas sama ada bangsa mana, agama mana hendak mendapat siaran itu bukan soalnya, kerana asalkan mereka ini ahli kepada *Pan Malaysia Pool*, mereka boleh mendapat siaran lumba kuda ini. Maka tidak sampai..., sama ada berjudi untuk bola sepak kah atau lumba kuda dan sebagainya, tidak sampai ke situ asalkan mereka menjadi ahli *Pan Malaysia Pool*, mereka boleh dapat siaran ini. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu secara mendalam sedikit kerana Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa kita ada kawalan terutama sekali siaran-siaran yang dipancar melalui ASTRO dan setengah-setengah stesen televisyen ini. Saya telah difahamkan bahawa pihak JAKIM ini telah mengeluarkan aturan peraturan untuk pakaian dan tingkah laku orang hendak *appear* dalam televisyen itu dalam persembahan-persembahan yang tertentu. Jadi adakah aturan peraturan dan cadangan ini telah digunapakai oleh pihak stesen-stesen televisyen swasta dan juga yang milik kerajaan, itu satu.

Zaida

Yang keduanya, saya hendak tahu kerana negara ni boleh dijajah melalui ala tentera, ala ekonomi dan ala hiburan. Jadi yang ala hiburan ini dia masuk mai sampai dalam bilik rumah, sampai dalam bilik rumah dia boleh mai. Jadi apa langkah kerajaan untuk memastikan bahawa hiburan yang keterlaluan ini juga akan merosakkan moral dan akhlak masyarakat kita di masa akan datang? Apakah tindakan kementerian? Benda ini telah berlaku, kita tengok kadang-kadang kelakuan orang, juruacara-juruacara agak keterlaluan. Menjerit tidak tentu hala. Dan kita tengok kadang-kadang apabila kita punya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...penyanyi-penyanyi telah jadi popular, dia lupa daratan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup. Soalan tidak payah begitu panjang, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dah panjang ke Tuan Yang di-Pertua? Sikit lagi boleh tak, sikit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Cukup? Jadi Timbalan Menteri yang agak muda dan kacak ini beri sedikit jawapan yang boleh diterima oleh kita dan saya. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Kementerian bersama-sama Yang Berhormat memandang serius perkara ini. Oleh kerana kementerian memandang begitu serius perkara ini, maka kementerian ini telah bekerjasama dengan kementerian yang memahami unsur budaya dan sebagainya iaitu kementerian KeKKWa - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Di samping itu kementerian ini juga bekerjasama dengan Kementerian Penerangan yang mana pada ketika ini kementerian berada pada satu tahap mengumpulkan segala garis panduan yang sama ada dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan mahupun garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bersama-sama dengan IKIM dan sebagainya untuk mengeluarkan satu panduan untuk segala siaran-siaran TV ataupun siaran-siaran radio yang hendak dikeudarkan pada orang ramai.

Begitulah keprihatinan kementerian ini terhadap pandangan Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat kemukakan sebentar tadi. Terima kasih.

7. **Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]:** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah positif kementerian bagi menentukan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha memartabatkan kedudukan Bahasa Melayu, selari dengan statusnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pensiangan. Seajar dengan Perlembagaan Undang-undang dan akta yang berkaitan dengan bahasa Melayu, kerajaan telah dan sedang berusaha untuk memelihara kedudukan dan martabat bahasa Melayu di negara ini. Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Dewan Bahasa dan Pustaka berusaha membina bahasa Melayu sebagai bahasa moden, bahasa ilmu dan bahasa yang digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat di Malaysia.

Antaranya menghasilkan kompas bahasa yang lengkap dan mantap seperti Satu Juta Istilah Dalam Pelbagai Bidang Ilmu, Kamus Lengkap Bahasa Melayu, Kamus Istilah Dalam Pelbagai Bidang Ilmu, Tatabahasa Baku, serta penerbitan lebih daripada 5,000 judul buku berbahasa Melayu termasuk dalam bentuk elektronik.

Yang kedua, memperkasa bahasa Melayu dengan menubuhkan beberapa buah jawatankuasa baru dan mengerahkan beberapa jawatankuasa sedia ada seperti Jawatankuasa Memperkasa Bahasa Kebangsaan, Jawatankuasa Dasar Buku Negara dan Jawatankuasa Penyelarasan Bahasa Dalam Media Penyiaran.

Yang ketiga, mengeluarkan Surat Pekeliling Am Bil 1/2006 bertajuk Langkah-langkah Memperkasa Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam bertarikh 22

Disember 2005 telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara sebagai langkah untuk memperkasa bahasa kebangsaan dalam perkhidmatan awam.

Keempat, mengadakan Bulan Bahasa dan Sastera Negara pada setiap tahun dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Kementerian Penerangan.

Di samping itu, usaha juga telah dilaksanakan oleh jabatan dan agensi kerajaan yang lain terutamanya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Kementerian Penerangan, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia. Terima kasih.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada timbalan menteri. Soalan tambahan, Pusat Pengajian Melayu dan bahasa Melayu telah perlu diperbanyakkan lagi terutamanya di Eropah, Timur Tengah Amerika Selatan iaitu di Brazil dan Argentina. Tanpa mengabaikan kualiti bahasa itu sendiri dan bahasa Melayu itu.

Apakah sumbangan atau strategi Kementerian Pelajaran dalam usaha negara memperkasa dan mengantarabangsakan bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca dalam perdagangan, persuratan dan serta keilmuan? Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-bersang terima kasih. Memang usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa telah pun kerajaan usahakan sejak beberapa tahun yang sudah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya beberapa usaha seumpamanya melalui Majlis Bahasa Brunei, Indonesia, Malaysia pun telah kita wujudkan untuk menjadikan bahasa Melayu digunakan di negara-negara yang saya sebut tadi.

Dan juga usaha menyelaraskan bahasa Melayu peringkat serantau pun telah dijalankan sejak tahun 70-an lagi. Jadi usaha-usaha ini akan kerajaan mempergiatkan lagi melalui usaha-usaha dan juga langkah-langkah yang telah digariskan oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang saya sebut tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah kepada kementerian kerana cuba memperkasa bahasa kebangsaan kita di peringkat antarabangsa melalui usaha-usaha yang telah dilakukan. Apakah ini merupakan usaha kerajaan apabila hendak cuba membawa bahasa kita itu di peringkat antarabangsa dengan cara mencemarkan bahasa kita.

Contohnya banyak perkataan-perkataan kita dipinjam menggunakan perkataan-perkataan dari bahasa Arab ataupun yang khususnya dari bahasa Inggeris. Contohnya persepsi, kita gunakan persepsi. Mengapa tidak kita pakai pandangan? Kerajaan sendiri pun memelayukan bahasa Inggeris seperti Pelan Integriti Nasional. Bukankah kita boleh menggunakan Rancangan Keutuhan Negara?

Mengapa mestinya kita menggunakan Pelan Integriti Nasional? Bukankah ini di mana kerajaan harus menjadi pimpinan dalam memperkasa dan mengantarabangsakan bahasa kebangsaan kita sendiri? Apakah pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini? Cuba minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Saya menerima baik tentang cadangan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Memang saya tidak bersetuju supaya untuk menggunakan bahasa-bahasa asing sebagai bahasa kebangsaan atau bahasa Melayu. Tetapi dalam dunia yang telah diglobalisasikan, memang perkataan-perkataan kadangkala diterima pakai oleh rakyat kita sendiri.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah mula untuk memantau supaya penggunaan bahasa Melayu itu jadikan bahasa yang lebih baku dan juga ikut hasrat seperti yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebenarnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang Dewan Bahasa dan Pustaka telah memberikan beberapa perkhidmatan dan memberikan nasihat kepada orang awam, kepada agensi-agensi kerajaan dan juga kepada atas permintaan bagaimana perkataan yang patut digunakan.

Memang usaha itu telah pun kita jalankan dan memang itu usaha ini telah dapat kerjasama daripada Kementerian Penerangan supaya bahasa siaran yang digunakan memanglah ikut apa yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, satu soalan. Penting, Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Penting, nantilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bahasa jiwa bangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, nanti ada peluang, saya bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, tidak. Ini peluang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, tolonglah. Tolonglah, Tuan Yang di-Pertua. Ini soal negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Nanti ada soalan lain, saya beri peluang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukup cantik soalan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk soalan lain, lagi cantik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, menteri yang hendak jawab pun cantik. Saya mengalu-alukan kehadiran pemimpin masyarakat dari kawasan Pagoh, Muar, Johor. Selamat datang.

8. **Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan peratusan terkini wanita berkerjaya dan berkeluarga dan kemudahan serta prasarana yang disediakan untuk memudahkan mereka berkerjaya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan penyiasatan Tenaga Buruh 2004, didapati jumlah tenaga buruh di negara ini iaitu penduduk yang berada dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun adalah kira-kira seramai 16.1 juta di mana 7.9 juta adalah wanita, sementara 8.2 juta adalah lelaki. Daripada jumlah tersebut didapati kadar penyertaan dalam tenaga buruh adalah seramai kira-kira 10.3 juta orang, di mana kira-kira 3.7 juta atau 47% daripada 7.9 juta adalah wanita berbanding kira-kira 6.6 juta atau 80% daripada 80.2 juta orang lelaki.

Walaupun terdapat kira-kira 10.3 juta tenaga buruh dalam lingkungan umur 15 hingga 64 tahun di negara ini, sebenarnya hanya kira-kira 10 juta sahaja yang bekerja, di mana 3.6 juta atau 36% adalah wanita berbanding lelaki seramai 6.4 juta atau 64%. Perangkaan tahun 2004 juga mencatatkan bahawa sebanyak 60% daripada wanita yang bekerja telah berkahwin dan berkeluarga. Memang tidak dapat dinafikan wanita yang bekerja menghadapi banyak cabaran kerana mereka perlu memainkan dua peranan iaitu sebagai suri rumah tangga serta pekerja.

Menyedari masalah ini, kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan dan prasarana untuk menggalakkan wanita terus menyumbang tenaga dalam pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, antara usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ialah pertamanya, menggalakkan penubuhan Taska sama ada di tempat kerja ataupun di kawasan perumahan. Mulai tahun 1996, kerajaan telah memberi insentif kepada majikan sektor swasta yang menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak iaitu pelepasan cukai sebanyak 10% selama 10 tahun terhadap perbelanjaan pembinaan atau pembelian bangunan yang dibina khas untuk Taska. Kemudahan ini adalah bertujuan untuk menggalakkan lagi pihak swasta menubuhkan Taska-taska di tempat-tempat kerja.

Bagi menggalakkan penubuhan Taska di tempat-tempat kerja di sektor awam pula, kerajaan telah menyediakan geran pelancaran tidak melebihi RM50,000 kepada kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan yang menubuhkan Taska di tempat kerja. Kerajaan juga telah memberi pengecualian kelulusan pelan daripada pihak berkuasa tempatan bagi Taska yang ditubuhkan di bangunan-bangunan milik kerajaan.

Bagi mengambil kira kesulitan yang dihadapi oleh ibu bapa berpendapatan rendah untuk menghantar anak-anak ke Taska di tempat kerja, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah meluluskan cadangan penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak berasaskan komuniti atau pun *Community Based Child Care Centers* pada tahun 2005.

Melalui kaedah ini kerajaan menyediakan geran pelancaran serta subsidi yuran asuhan bagi isi rumah yang berpendapatan tidak melebihi RM2,000 bagi kawasan bandar dan RM1,200 bagi kawasan luar bandar. Di samping itu, kementerian juga sedang dalam tindakan meminda Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 yang bertujuan untuk memperkemas aspek pengurusan dan pemantauan pusat jagaan kanak-kanak untuk menjamin mutu khidmat asuhan yang disediakan.

Bagi memberi kemudahan kepada ibu untuk menyusukan bayi, kerajaan turut menggalakkan majikan menyediakan bilik penyusuan susu ibu di tempat-tempat kerja. Kerajaan sedang menyediakan standard minimum yang perlu dipatuhi untuk penyediaan kemudahan tersebut. Selain daripada itu mulai 1 Mei 1998, kerajaan telah melanjutkan tempoh cuti bersalin di sektor awam daripada 42 hari kepada 60 hari. Kakitangan sektor awam juga dibenarkan mengambil cuti menjaga anak selama 90 hari dengan separuh gaji. Ini adalah bagi memberi peluang kepada ibu memulihkan kesihatan mereka di samping dapat menyusukan dan menjaga, dengan izin, *nurture* anak-anak yang baru dilahirkan.

Bagi membantu wanita yang ingin meneruskan kerjaya tetapi dalam masa yang sama ingin berada di rumah bagi melaksanakan tugas-tugas pengurusan rumah tangga, kerajaan telah bersetuju dengan cadangan memperkenalkan konsep bekerja dari rumah sebagai cara kerja alternatif pada tahun 2004.

Tuan Yang 'Terutama'.... Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan riuh seketika*] [*Ketawa*] Nampak gaya macam Tuan Yang Terutama. Ada gaya, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi membolehkan wanita yang telah berkahwin meneruskan kerjaya mereka, tanggungjawab pengurusan rumah tangga - saya hendak *repeat*, dengan izin, tanggungjawab pengurusan rumah tangga bukan hanya terletak pada wanita sahaja.... [*Tepuk*] Tanggungjawab tersebut

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu sebab soalan daripada lelaki.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tanggungjawab tersebut perlu dikongsi bersama antara wanita dan lelaki. Kementerian sememangnya menggalakkan suami untuk sama-sama memikul tanggungjawab mengurus rumah tangga melalui kempen kesedaran dan kursus-kursus keibubapaan seperti Kempen Utamakan Keluarga dan Pakej *Smart Start*. Ini adalah penting bagi mengubah pandangan masyarakat yang menganggap tanggungjawab mengurus rumah tangga terletak di bahu isteri semata-mata. Kempen bagi mengubah pandangan masyarakat ini akan diadakan secara berterusan dan meluas meliputi setiap lapisan masyarakat. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Panjangnya jawapan. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri baru sampai daripada negara Jepun terus datang ke Parlimen beri jawapan yang panjang dan komprehensif...*[Tepuk] [Bercakap dalam bahasa Jepun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalannya Yang Berhormat. Soalan.
Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ok. Yang Berhormat bagi Batu Gajah hendak tahu maknanya. Maknanya, Menteri penat-penat, letih-letih pun datang Parlimen. Hari ini nampak begitu jelita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tambahan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa kehadiran *work force* wanita hari ini begitu signifikan sekali dalam pembangunan masyarakat kita dan kehadiran mereka ini adalah merupakan hasil daya usaha ibu-ibu, nenek moyang kita terdahulu sehingga meletakkan wanita hari ini di satu kedudukan yang begitu dihormati bukan sahaja oleh wanita sendiri, bahkan kaum lelaki.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah senaraikan program-program, ruang-ruang yang diberikan oleh kementerian. Hari ini saya hendak minta Yang Berhormat Menteri berikan saya satu model di negara kita ini, negeri mana, di bandar-bandar besar mana yang ada, yang boleh diikuti oleh negeri-negeri lain, ataupun di peringkat persekutuan ini boleh diikuti oleh negeri lain supaya kita ikut dan menepati apa yang dihasratkan oleh kementerian sebentar tadi.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kepada kami di kementerian sebenarnya, walau ada beberapa insentif yang diberikan, namun keadaan sebenarnya tidaklah memuaskan kerana kita dapati bahawa hanya pihak kerajaan yang mengambil serius insentif-insentif yang telah disediakan. Kami dapati bahawa sebenarnya pihak swasta tidak mengambil langkah-langkah yang sewajarnya. Kita pun di kementerian mendapat beberapa rungutan daripada pekerja-pekerja di sektor swasta yang menyatakan bahawa banyak daripada syarikat yang meraih keuntungan tidak memikirkan kebajikan wanita yang memainkan peranan sebagai ibu.

Maka dengan itu, saya tidak boleh menyatakan atau melakarkan di sini, mana-mana satu modul ataupun negeri di Malaysia yang boleh dijadikan contoh melainkan kerajaan itu sendiri. Malah Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah pada tahun ini seperti mana yang saya katakan, kita akan menentukan bahawa pihak swasta juga sama bersemangat seperti pihak perkhidmatan awam untuk menyediakan tempat pekerjaan yang lebih selesa dan bermakna untuk wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading, ini cantik punyalah....
[Dewan riuh]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Macam bola juga Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dua kali, dua, tiga kali cubaan ke gol, baru gol. Saya dah dua, tiga kali cuba, dapat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Inilah saya fikir, soalan yang cantik sekalilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memang cantik Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kerana Menterinya pun cantik Tuan Yang di-Pertua.... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya nak menyampaikan terlebih dahulu rasa terima kasih, terhutang budi pengundi-pengundi kawasan Parlimen Sri Gading. Banyak budi baik Yang Berhormat Menteri telah salurkan, dan saya fikir semua rakan-rakan saya, Ahli Parlimen sentiasa terhutang budi kepada Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat, soalan, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalan akan sampai Tuan Yang di-Pertua. Orang Melayu berbudi bahasa Tuan Yang di-Pertua, kita sampaikan lebih dahulu....
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itulah sebab, sentiasa saya tak berani memberi peluang kepada Yang Berhormat.... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, jangan macam itulah Tuan Yang di-Pertua. Perancis dah menang Tuan Yang di-Pertua. Perancis akan jadi johan Piala Dunia Tuan Yang di-Pertua. Jangan bimbang..... *[Ketawa]*

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada kegigihan kerajaan kita, dengan dasar-dasar yang memberikan kebaikan kepada rakyat dan antara yang ketara dan membanggakan, wanita kita pun telah meningkat dalam berbagai-bagai kerjaya. Mereka menjadi orang bijak pandai, memegang jawatan tinggi, penting dalam kerajaan dan swasta. Profesional. Masalahnya, dalam pemerhatian masyarakat, golongan wanita yang terpelajar berjawatan tinggi ini, tidak dapat berkahwin kerana tidak ada lelaki yang berani sangat kerana rasa rendah diri, rasa rendah diri. Maka ulama telah mengeluarkan fatwa, membolehkan kahwin misyar.... *[Dewan riuh]* Di mana wanita-wanita yang berkemampuan ini, dia tidak memerlukan soal mata benda. Soal kebendaan tidak penting, dia hanya memerlukan kasih sayang. Dia redha untuk berkahwin dengan sesiapa sahaja lelaki..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalannya ini Tuan Yang di-Pertua, soalan ini.... *[Ketawa]* Jadi, apa pendapat Yang Berhormat Menteri, tapi dengan rasa tanggungjawab, jangan sentimen wanita. Jangan menjawab dengan sentimen wanita. Jangan lupa Yang Berhormat ialah seorang Menteri Kabinet. Jadi jawab dengan rasa lapang dada dan tanggungjawab... *[Ketawa]* masalah yang dihadapi ini. Bagaimana pendapat Yang Berhormat sebagai seorang profesional...?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ahli Kabinet. Jangan menjawab dari sudut hati wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup, cukup.... *[Dewan riuh ketawa]* Menteri faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau, kalau dia dari segi hati wanita, saya dah tahu jawapan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jawapan ini. Ini mengatasi masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukup Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh balik rehat, semalam tak tidur. Boleh balik, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua..... *[Ketawa]*

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita wanita berbudi dan berbahasa, maka saya akan menjawablah soalan ini, walaupun dia terkeluar daripada soalan asalnya. Tetapi saya kalau menjawab Tuan Yang di-Pertua, mesti mengikut hati wanita sebab saya bukan seorang lelaki. Jadi saya tak faham bagaimana hati seorang lelaki itu beroperasi, ya?

Pertama, sebagai seorang wanita, saya rasa tidak ada wanita yang mahu dikahwini secara misyar.... *[Tepuk]* Tak ada wanita yang mahu dikahwini, hanya buat sementara sahaja. Sebab di dalam satu perkahwinan itu, mesti ada unsur-unsur kasih sayang....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, ini bukan kahwin mutaah, ini misyar, misyar bukan sementara. Ya, misyar.

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Samalah tu Tuan Yang di-Pertua. Malah saya rasa misyar ini lebih menganiayakan bukan sahaja wanita, mungkin lelaki ataupun wanita.

Kerana saya difahamkan mutaah itu, dia ada juga had masa, tetapi misyar ini ia tak ada langsung masa. Hanya untuk sesuka sahaja.

Jadi kepada Ahli Yang Berhormat, sebenarnya, seperti yang saya katakan perkahwinan misyar ini tak ada tempat di Malaysia sebab kedua-dua lelaki dan wanita Malaysia bertanggungjawab. Termasuklah Ahli Yang Berhormat juga. Saya difahamkan, walaupun apa jua Ahli Yang Berhormat berkata di Parlimen, mengikut apa yang saya dengar daripada isteri Yang Berhormat, Yang Berhormat adalah seorang suami yang bertanggungjawab.... [*Dewan riuh ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih..

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Maka dengan itu....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, daripada satu isteri atau isteri-isteri?... [*Dewan riuh dengan ketawa*]

Dato' Seri Hajah Sharizat binti Abdul Jalil: Saya tak tahu itu. Yang saya tahu, hanya ada satulah. Yang saya tahu, yang lain saya tak tahu.... [*Dewan riuh*] Kalau begitu keadaannya Yang Berhormat, saya tarik balik apa yang saya kata tadi.... [*Dewan riuh dengan ketawa*] Tetapi Yang Berhormat, sebenarnya di Malaysia tak ada tempat untuk perkahwinan misyar sebab sebuah perkahwinan itu membawa tugas dan tanggungjawabnya. Hanya satu soalan sahaja Yang Berhormat ya? Ada ungkapan Melayu, "*Habis madu, sepah dibuang*".

Jadi, apa nak jadi kalau ada di dalam perkahwinan misyar itu, misal kata ada anak yang dilahirkan, siapa yang akan bertanggungjawab kepada anak tersebut? Adakah tanggungjawab itu dibebankan hanya kepada wanita? Banyak lagi persoalan yang boleh diolah melalui perkahwinan misyar. Alhamdulillah, daripada respons yang kita dapati di seluruh Malaysia, lelaki dan wanita pun tidak minat dengan perkahwinan misyar di Malaysia ini.

9. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah kes besi perancah *scaffolding* terjatuh dari bangunan dalam pembinaan yang berlaku sekitar Kuala Lumpur dan Selangor sejak 5 tahun kebelakangan ini, jumlah pampasan dibayar dan langkah mencegah ulangan kemalangan.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, maklumat mengenai kes kemalangan akibat besi perancah atau *scaffolding* terjatuh di tapak pembinaan di seluruh negara adalah seperti berikut:-

Tahun 2001	108 kes
Tahun 2002	122 kes
Tahun 2003	89 kes
Tahun 2004	24 kes
Tahun 2005	10 kes

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kemalangan akibat *scaffolding* terjatuh adalah kemalangan yang terlalu spesifik, kementerian tidak kumpul kemalangan ini mengikut negeri.

Pihak PERKESO juga tidak kumpul pampasan yang dibayar kepada pekerja-pekerja akibat kemalangan *scaffolding* terjatuh. Namun jumlah bayaran pampasan yang dibayar oleh PERKESO kepada pekerja-pekerja akibat kemalangan di tempat kerja adalah:-

Tahun 2001	RM69.2 juta;
Tahun 2002	RM62.88 juta;
Tahun 2003	RM61.98 juta;
Tahun 2004	RM91.19 juta; dan
Tahun 2005	RM69.86 juta.

Bagi menangani masalah kes kemalangan yang terjadi di tapak pembinaan, kementerian ini melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, telah mengambil langkah-langkah tambahan seperti berikut di samping menguatkuasakan peraturan-peraturan yang terdapat di dalam Akta Kilang dan Jentera 1967, dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994:-

- (a) pertubuhan unit tapak bina di semua negeri;
- (b) pertubuhan unit bergerak atau *flying squad* bagi menumpukan perhatian dalam menjalankan peperiksaan *suprise check* dengan izin, ke tapak-tapak pembinaan;
- (c) meminta pihak terlibat menjalankan dengan izin, *Hazard Identification Risk Assessment Risk Control* ke atas semua pemasangan atau *scaffolding* di kawasan yang melibatkan orang awam; dan
- (d) di samping itu Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial atau PERKESO dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan berusaha untuk mengurangkan kes kemalangan melalui aktiviti dan program serta kempen meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui ceramah-ceramah serta pameran untuk meningkatkan kesedaran majikan serta pekerja terhadap aspek keselamatan di tempat pekerja.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang kemalangan yang kian berlaku di tempat-tempat *work site* dengan izin, telah hampir menjadi satu perkara yang agak biasa. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, macam mana ataupun melalui cara apa pihak kementerian ataupun penguatkuasaan dapat memberikan *stop work orders* kepada kontraktor-kontraktor ataupun pemaju-pemaju di mana sebelum kemalangan berlaku. Sebab saya amat kluatir apabila mengimbas kembali kes yang melibatkan seorang pemuda Low Boon Hong dan saya difahamkan kementerian telah pun mengeluarkan tujuh kali saman kepada pemaju itu, tetapi tidak ada sebarang tindakan diambil oleh pihak penguatkuasaan di bawah Yang Berhormat menteri, sebab apa? Saya hendak minta penjelasan.

Yang kedua, saya pernah dengar Menteri sendiri....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Tidak. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Menteri sendiri telah memberitahu bahawa ada sesetengah peruntukan berkaitan dengan undang-undang keselamatan orang ramai di *work site* dengan izin, agak *obsolete*. Sebab apa ia tidak diubah ataupun ditukar ataupun digugurkan diganti dengan apa yang patut kita kena buat pada hari ini. Sekian terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Alor Star. Berkaitan dengan kejadian kemalangan, kes-kes *high profile* baru-baru ini, kementerian saya telah ambil tindakan-tindakan yang saya telah sebutkan tadi termasuk untuk mengadakan satu dengan izin, *flying squad* supaya kita boleh ada *surprise check* di mana-mana pun yang kita boleh buat pada apa-apa masa pun. Dengan itu kita harap pihak kontraktor itu akan selalu mematuhi peraturan-peraturan. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kemalangan yang terjadi di tapak-tapak pembinaan itu adalah berasaskan kepada tidak ikut peraturan yang telah ditetapkan oleh kementerian saya.

Memang kita telah keluar *stop order* dan selepas itu apabila dia ikut kita punya nasihat, kita izinkan mereka mulakan kerja lagi. Tetapi apa yang saya sendiri rasa amat kecewa ialah budaya menjaga keselamatan dan kesihatan di tempat kerja itu tidak diserapkan dalam cara-cara kerja di kalangan pekerja khususnya kebanyakan pekerja-pekerja di tapak pembinaan itu merupakan pekerja asing dan mereka masuk keluar, masuk keluar dan dengan itu kita perlulah berpegang kepada kontraktor itu atau kepada majikan itu supaya sesiapa pun yang diizinkan masuk ke kerja, mereka perlulah diberi kursus-kursus induksi perlulah, diberi penerangan pentingnya mereka ikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Dengan itu kementerian saya baru-baru ini telah bantangkan pindaan kepada Akta Jentera itu di mana kita izin *outsource* dengan izin, sebahagian peperiksaan itu dan dengan itu kita haraplah kita boleh kuatkuasakan dengan lebih berkesan apa yang kita ada dalam peruntukan.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya pegawai-pegawai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan cepat bertindak apabila aduan dibuat. Tetapi, saya ingin tahu sejauh mana kekerapan lawatan tapak dibuat oleh mereka untuk mengambil tindakan berkuat kuasa ke atas pemaju melanggar kehendak-kehendak keselamatan pekerjaan memandangkan terlalu banyak *scaffolding* yang berdiri mencacak meninggi sekitar bangunan baru di bina di Kuala Lumpur hingga tempoh lama bertahun-tahun. Tetapi, bangunan tidak juga siap seperti apabila disiasat, di dapati bahawa pemaju tidak memohon kebenaran jabatan. Soalan saya ialah berapa kes pemaju yang gagal memohon kebenaran jabatan dan adakah syarat-syarat tersebut dikehendaki pemaju mengadakan perlindungan insurans awam yang cukup. Jika tidak apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, setiap pemaju pembinaan mestilah dapat izin daripada pihak saya sebelum mereka boleh mula bekerja dan sebagai satu peraturan, kita tetapkan dengan izin sekurang-kurangnya pegawai kementerian saya akan memeriksa tapak tersebut, sekurang-kurangnya sekali tiga bulan. Itu merupakan *statutory inspection* dan kalau perlunya kita akan buat pemeriksaan itu lebih kerap. Selain daripada itu juga, kita akan terus menentukan bahawa khususnya di Wilayah Persekutuan di mana mungkin terjejas pihak awam kalau ada kemalangan, kita akan juga meletakkan syarat-syarat yang lebih *tight* dengan izin, supaya pihak awam ini selalu dijaga.

10. Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah pihak kementerian mempunyai bidang kuasa untuk memastikan pembinaan rumah-rumah kos rendah di bawah SPNB (Syarikat Perumahan Negara Berhad) dibina sesuai dengan keperluan tempatan dan keperluan semasa serta mempunyai kualiti. Kalau tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, secara organisasi Syarikat Perumahan Negara Berhad ataupun SPNB adalah suatu badan di bawah tanggungjawab dan kawalan Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek oleh SPNB adalah tertakluk kepada semua peraturan undang-undang dan akta berkaitan pemajuan projek perumahan yang dikawal oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Selain itu juga, SPNB tertakluk untuk mematuhi peraturan-peraturan berkaitan yang dikenakan oleh semua Jabatan Teknikal yang berkaitan bagi setiap projek yang dilaksanakan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) ditubuhkan untuk membantu rakyat yang tidak ada rumah atau rakyat yang berpendapatan rendah mendapat rumah. Tetapi sebagaimana yang kita ketahui umum, rakyat yang berpendapatan rendah ini tidak ada rumah kerana mereka tidak ada tanah. Apabila tidak ada tanah tentu tidak boleh buat rumah di bawah SPNB iaitu rumah mesra rakyat kerana tanah tidak ada. Kemudian dibuat rumah mampu milik tetapi harganya pula mahal. Jadi terdapat satu dilema di sini di mana dia hendak beli harga mahal, hendak buat rumah mesra rakyat tidak ada tanah. Kemudian SPNB pula memilih rumah-rumah kos rendah ini tanahnya pula tidak sesuai. Kalau tanahnya premium tentu tidak boleh, tanah yang harga tinggi tentu sekali tidak boleh buat rumah kos rendah sebab harga tanahnya adalah tinggi. Akhirnya rumah SPNB terletak di kawasan yang agak rendah nilainya, so ini dilema, tidak ada tanah, tidak rumah. Rumah duduk tempat jauh.

So, apakah permasalahan ini disedari oleh SPNB? Dan soalan tambahan saya ialah bagaimana sebenarnya SPNB beroperasi untuk membantu benar-benar rakyat yang tidak boleh

memiliki rumah kerana tidak ada tanah dan kerana tidak mampu bayar. Itu dilema di antara celahan itu. Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya maklumkan tadi, bahawa tanggungjawab dan kawalan adalah di bawah Kementerian Kewangan tentang dasar-dasar yang dilaksanakan oleh SPNB. Walau macam mana pun daripada segi harga rumah kos rendah mestilah mengikut apa yang telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu kalau di bandar raya ataupun di bandar-bandar yang besar RM42,000, di bandar-bandar besar dan pinggir bandar ialah RM35,000. Dan pekan kecil pinggir bandar RM30,000 dan di luar bandar RM25,000.

Harga yang ditetapkan oleh kerajaan ini mesti dipatuhi oleh pihak SPNB. Daripada segi Rumah Mesra Rakyat, saya tahu sikit-sikitlah. Memanglah memerlukan tanah-tanah persendirian ataupun tanah-tanah kaum keluarga yang membenarkan mereka untuk menggunakan tanah tersebut untuk membina rumah-rumah. Selain daripada itu mungkin saya bolehlah mengajukan persoalan Yang Berhormat bagi Ketereh tadi kepada pihak yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Kewangan supaya jawapan secara bertulis boleh diberikan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana beri kebenaran untuk saya bercakap. Dua, tiga hari dah bangun tak bagi peluang. Asyik Tuan Yang di-Pertua nampak belah kiri sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin kami masih ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri.

[Beberapa Ahli ketawa]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *[Ketawa]...* Pasal Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dok nampak belah kiri sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya yang pertama, soalan memang semua daripada sinilah, soalan asal.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi. Cuma saya nak bangkitkan mengenai dengan perumahan ini. Betul saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Ketereh, saya mahu tanya, apakah pihak SPNB benar-benar serius untuk membantu rakyat memiliki rumah? Sebab kita lihat sekarang ini rumah memang di bandar cukup mahal dan kalau mahal pun nak memilikinya juga cukup sukar.

Jadi dengan yang demikian, saya perlu dapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah perancangan SPNB dalam tahun hadapan misalnya, berapakah projek perumahan yang mana keutamaan diberi kepada mereka yang berpendapatan lebih kurang RM1,000 misalnya. Apakah kumpulan ini tidak boleh memiliki rumah? Jadi saya nampak di bandar-bandar kecil pun kita tidak serius, 10 tahun yang lalu kita begitu serius tapi

kebelakangan ini nampaknya pihak SPNB tidak begitu serius dalam membina rumah-rumah yang mampu dimiliki rakyat. Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Sekali lagi seperti yang saya sebutkan tadi bahawa tanggungjawab dan kawalan SPNB tentang perancangan adalah di bawah Kementerian Kewangan. Oleh kerana itu pihak saya tidak boleh menjawab. Walaupun demikian, sebagai salah seorang anggota kerajaan saya mengatakan di sini bahawa kerajaan termasuklah SPNB adalah amat-amat serius untuk menangani masalah perumahan rakyat di seluruh negara kita terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, masa cukup untuk soal jawab.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pusat Jagaan Kanak-kanak 1993; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PELINDUNG 2006**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[5 Julai 2006]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, dijemput menyambung semula jawapan.

11.36 pagi

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Semalam saya sudah bagi sedikit tentang latar belakang penyertaan Malaysia dalam WTO dan sebagainya. Dalam perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat, banyak perkara telah dibangkitkan, walau bagaimanapun beberapa topik adalah sebenarnya di luar kuasa MITI atau tidak melibatkan rang undang-undang ini secara langsung. Saya akan memberi jawapan kepada semua isu-isu yang dibangkitkan berkenaan MITI tetapi yang di luar kuasa MITI, saya akan sebut pihak yang bertanggungjawab dan lebih autoritatif.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Malaysia adalah sebuah negara perdagangan. Dan kalau kita tengok *trade volume* kita, tahun ini kita dijangka akan mencapai RM1 trilion, ini bermakna angka ini adalah dua kali ganda GDP 2005. Dan sejak November 1997 sehingga April tahun ini, Malaysia telah capai kelebihan perdagangan atau *trade surplus* sebanyak 102 bulan. Ini boleh kata satu rekod untuk negara kita. Semalam saya sudah bangkitkan apakah alternatif jika kita tidak menjadikan ahli perdagangan global, kita akan menghadapi kekurangan perdagangan, kekurangan akses pasaran negara lain dan dikenakan cukai yang lebih tinggi.

Dan WTO juga adalah satu tempat yang di mana kita boleh membincangkan berkenaan akses pasaran dan menyelesaikan pertikaian dan sebagainya....

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat berkata bahawa *volume* perdagangan negara telah capai sehingga RM1 trilion. Saya ingin tahu sama ada perdagangan yang dilakukan di Bursa Malaysia Derivatif diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah ini?

Tuan Ng Lip Yong: Apa maksud saya adalah perdagangan fizikal, tidak termasuk *derivative market*. Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila saya dengar perbahasan semalam, saya

pun fikir ada kekeliruan di antara Ahli-ahli Parlimen. Ini sebab Rang Undang-undang Pelindung yang di depan kita adalah Undang-undang Pelindung (*safeguard*). Ini adalah kepada sesebuah negara ke atas peningkatan kemasukan produk dan bukan Undang-undang Perlindungan atau *protection*. Terdapat perbezaan yang ketara di antara kedua-dua perkataan berkenaan. Saya berharap kita boleh membezakan pelindung dan perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tanjong ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, terima kasih. Apakah kesan ataupun impaknya dengan kelulusan Akta ini dan sekiranya tidak dilaksanakan Akta ini, apa pula implikasi yang akan menimpa negara kita disebabkan oleh WTO, AFTA dan sebagainya. Minta penjelasan.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Semalam bila saya bantah rang undang-undang ini saya sudah bagi tahu mengapa kita membantah rang undang-undang ini. Dengan ringkasnya, kalau kita tidak ada Rang Undang-undang Pelindung, bila kita menghadapi barangan yang datang dari luar negeri yang akan menjejaskan industri-industri tempatan kita tidak ada undang-undang untuk melindungi industri tempatan. Tetapi kalau kita ada akta pelindung ini kita boleh mengenakan duit import dan juga kita boleh mengenakan kuota.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya terima kasih Yang Berhormat. Penjelasan lagi. Apakah akta ini tidak bercanggah dengan amalan antarabangsa dan berapa negara yang sudah memperkenalkan akta yang ingin kita laksanakan ini dan apakah kerajaan sedar bahawa apa jua kata yang dilaksanakan di sebaliknya bahawa kerajaan perlu memberi penekanan kepada pengeluar-pengeluar barangan kita supaya mereka lebih berkualiti dan boleh bersaing dengan mereka yang juga pengeluar yang sama di negara luar. Mungkin ini lebih baik daripada memperketatkan ataupun memperkenalkan akta demi akta untuk melindungi produk-produk dalam negara kita.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat. Inilah mengapa saya katakan ada sedikit kekeliruan. Akta ini bertujuan untuk melindungi industri-industri tempatan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Bangun]

Tuan Ng Lip Yong: Kalau kita tidak ada undang-undang ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ada perbezaan mengenai perlindungan dan pelindung dan perbezaan itu antara *safe guard* yang ditujukan oleh rang

undang-undang ini dengan dasar perlindungan. Saya ingin tahu apakah perbezaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuching. Semalam Yang Berhormat bagi 'Kuching' membangkitkan perkara Proton atau *national*....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bandar Kuching lah!

Tuan Ng Lip Yong: Maaf! Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Semalam Yang Berhormat bangkitkan berkenaan dengan Proton. Dalam keadaan Proton itu adalah satu cara perlindungan atau *protection* bukan pelindung. Perlindungan adalah satu cara yang kita beri perlindungan kepada industri-industri tempatan supaya mereka dapat ruang atau *breathing space* untuk menjadi industri yang lebih besar.

Tetapi pelindung iaitu *safeguards* misalnya negara kita ada kilang kasut, bila kita tengok dari negara lain mereka eksport banyak kasut ke negara kita ini akan menjejaskan industri kasut negara kita, industri boleh membangkitkan ini dan melaporkan kepada MITI dan kita boleh ambil tindakan secara naikkan duti atau mengenakan kuota. Ini perbezaannya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang faham hasrat kerajaan iaitu untuk memberi *safeguard* kepada pengilang-pengilang dan sebagainya. Cuma yang penting saya rasa kementerian juga perlu membuat *one stop centre* dengan agensi-agensinya kerajaan yang lain bukan sahaja memberi perlindungan tetapi mungkin memberi kelayakan kepada pengilang-pengilang itu supaya mereka juga bukan sahaja boleh memasarkan dalam negara bahkan boleh mengeksport barangan mereka seperti negara-negara yang lain. Bermakna barangan mereka boleh diterima pakai sebab berkualiti tinggi dan diiktiraf kalau tidak siapa hendak beli.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya bersetuju dan kita ada banyak langkah yang MITI ambil supaya kita menggalakkan industri tempatan kita dan saya belum sampai tajuk itu.

Tadi saya kata saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tanjong bahawa pelindung ini bukan cara yang terbaik untuk masa panjang dan oleh sebab itu saya telah memberitahu bahawa langkah ini adalah bagi tempoh sementara sahaja dan langkah ini akan memberi sedikit *breathing space* kepada industri-industri tempatan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak bangkitkan juga mengenai pelindung dan

perlindungan. Soalnya saya memang masih ragu jawapan Timbalan Menteri mengenai dengan pelindung dan perlindungan. Kita ambil contoh seperti kereta Proton dan KIA Motors. Itu dia bawa barang dan dipasang di sini, manakala Proton boleh dikatakan hampir 100% sudah menjadi kereta negara - *national car*.

Soalan saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, yang mana satukah yang kita panggil kereta nasional. Adakah yang dikeluarkan oleh Naza Motors ataupun yang di keluar oleh Proton. Kedua-duanya ini semuanya buat di sini dan ada di antaranya akan dieksport keluar. Jadi saya hendak tanya di mana yang hendak melindungi Proton, tidak ada perlindungan kepada Proton. Sekarang kita banyak lagi kereta-kereta daripada Eropah yang dibawa ke sini dan dipasang di sini. Adakah mereka juga setanding sebagai kereta nasional. Ini mesti diputuskan oleh pihak kementerian Yang Berhormat kerana sekarang ini sudah berleluasa sehingga saingan kepada Proton yang amat sengit dari segi harga misalnya. Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Sebenarnya Proton dilindungi sekarang dengan kuota. Kita hanya membenarkan 10% dari pengeluaran tempatan. Tiap-tiap tahun AP yang kita keluarkan bilangannya hanya 10% dari pengeluaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya jika industri kita hendak bersaing dengan perusahaan luar negeri kita mesti meningkatkan daya saing kita. Itu sebab saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tanjong dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Ini boleh melalui meningkatkan kualiti, menambah baik....

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan sedikit sebelum pergi jauh.

Tuan Ng Lip Yong: Bolehkah saya habiskan ini dahulu.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahim [Pengkalan Chepa]: Yang sudah lepas sedikit. Belum masuk ini. Kita telah menerima AFTA. Adakah akta yang hendak diluluskan ini kerana kita tidak dapat menahan atau menjadi pelindung kepada barangan produk kita daripada *Asian* dan kalau kita luluskan bagaimana cara untuk melindungi barangan dan pengeluaran kita daripada kemasukan barangan daripada *Asian* sedangkan cukainya hanya 5%.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat. Bila kita hendak meluluskan akta ini bukan sebab ada cabaran dari akta atau negara lain tetapi ini adalah satu peruntukan yang diberi yang dibenarkan di bawah WTO di mana kalau kita menghadapi masalah seperti ini kita boleh menggunakan Undang-undang Pelindung supaya kita boleh mempertahankan industri tempatan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan Ng Lip Yong: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Hendak beri jalan ke tidak?

Tuan Ng Lip Yong: Bolehkah bagi saya sedikit masa, kalau saya tidak berucap bagaimana hendak...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum pergi jauhlah, sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan apa yang ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan bahawa ramai Ahli Yang Berhormat berminat tentang rang undang-undang ini. Tetapi malangnya ramai yang masih kurang faham. Ini adalah kerana kementerian ini tidak memberi penjelasan, sebelum membentangkan bil ini, mengapa ini tidak dijalankan, mengapa tidak ada penerangan dan penjelasan sebelum ini. Bukankah ini satu perkara yang biasanya dibuat, yang patutnya dibuat, supaya kita boleh membahaskan dengan perkara-perkara yang lebih bermakna, yang seperti di dalam rang undang-undang ini.

Dan sekarang Timbalan Menteri hanya dia perlu menerangkan dari sangat asas lagi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia menjawab sekarang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pada waktu yang akan datang bolehkah memberikan penerangan?...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum membentangkan apa-apa rang undang-undang.

Tuan Ng Lip Yong: Tuan Yang di-Pertua, biasanya kita minta, kita mesti di konsultan, kita mesti diberi penerangan. Tetapi bila saya bentang rang undang-undang ini, saya sudah beritahu, saya sudah menjelaskan mengapa kita hendak rang undang-undang ini. Tetapi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan ini, itu saya tidak boleh buat apa-apalah.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata kita boleh meningkatkan daya saing kita melalui peningkatan kualiti, penambah baik keberkesanan dan produktiviti atau reka bentuk yang inovatif dan sebagainya. Semalam Ahli Yang Berhormat pun berbangkit berkenaan dengan pihak berkuasa penyiasatan. Saya ingin memberitahu, selepas rang undang-undang diluluskan, Badan Penyiasatan akan diluluskan di bawah MITI. Dan kita akan memohon beberapa jawatan baru untuk melaksanakan tugas-tugas di bawah akta ini. Dan pihak berkuasa penyiasatan yang dikehendaki ditubuhkan bawah Undang-undang Pelindung adalah bertanggungjawab *mandatory* di bawah perjanjian WTO *Safeguards*, apabila sebuah negara ahli WTO merangka Undang-undang Pelindung. Prosedur penyiasatan adalah telus berdasarkan kepada peruntukan di bawah perjanjian WTO *Safeguards*.

Tuan Yang di-Pertua, langkah pelindung ini adalah dibenarkan di bawah undang-undang WTO seperti yang termaktub di dalam perjanjian WTO *Safeguards* dan ia merupakan salah satu pengecualian daripada pemakaian prinsip-prinsip WTO. Industri yang dimaksudkan adalah industri yang terlibat dengan barangan termasuk pertanian tetapi bukan perkhidmatan. Semalam ramai yang berbangkitkan tentang perkhidmatan, ini tidak termasuk dalam akta ini.

Industri ini hendaklah mengalami kemudaratan yang serius ataupun ancaman kemudaratan yang serius berkaitan dengan import yang meningkat. Dengan itu, mana-mana industri berkaitan dengan barangan yang mengalami kemudaratan yang serius ataupun ancaman kemudaratan yang serius boleh mengemukakan petisyen kepada kerajaan melalui MITI, untuk melakukan penyiasatan sama ada peningkatan yang mendadak telah memudaratkan industri tempatan kita.

Di bawah Undang-undang Pelindung juga, bukan sahaja industri tempatan yang boleh memulakan atau *initiate* langkah berunding, tetapi kerajaan juga boleh memulakan penyiasatan berdasarkan syarat bahawa terdapat kemudaratan yang serius atau ancaman kemudaratan yang serius ke atas industri tempatan. Semalam pun *benchmarking* atau tanda aras ke atas kemudaratan serius telah dibangkitkan. Untuk memutuskan peningkatan import telah mengakibatkan kemudaratan serius atau ancaman serius oleh industri tempatan, badan berkuasa penyiasatan MITI akan mengkaji atau *evaluate*, dengan izinnya kepada kesemua faktor yang objektif dan *quantifiable nature*, mengambil kira situasi industri iaitu jumlah kenaikan import produk berkenaan, perkongsian pasaran dalam negeri melalui peningkatan import, pertukaran di peringkat pengeluaran, produktiviti, kapasiti *utilization*, keuntungan dan kerugian dan pekerjaan.

Faktor-faktor ini adalah termaktub di dalam perjanjian WTO *Safeguards*. Faktor-faktor ini hendaklah dikaji untuk memutuskan sama ada kemudaratan ada berkaitan dengan peningkatan import produk. Sekiranya terdapat faktor selain peningkatan import terhadap keluaran yang disiasat adalah pada masa yang sama menyebabkan kemudaratan kepada industri dalam negeri, maka hendaklah diputuskan bahawa kemudaratan tersebut tidak boleh dianggap disebabkan oleh peningkatan import. Justeru itu, ia adalah berdasarkan kepada bukti-bukti objektif yang berkaitan dengan peningkatan import mendadak. Dan semua ini adalah berdasarkan informasi petisyen dari industri tempatan sendiri kepada pihak berkuasa siasatan.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan timbal balas juga dibangkitkan. Langkah pelindung mempunyai syarat-syarat yang harus dipenuhi dan dibuktikan, iaitu menunjukkan bahawa terdapat peningkatan import produk, akibat peningkatan memudaratkan industri tempatan dengan serius atau mengancam, memudaratkan industri tempatan dengan serius, di dalam perdagangan yang adil, *fair trade*. Ia bukan berkenaan harga sesuatu produk, tetapi berunding berdasarkan kepada *volume* atau bilangan kemasukan sesuatu produk. Tindakan pelindung adalah di atas sesuatu produk tidak kira negara mana yang mengeksport produk berkenaan.

Isu timbal balas adalah berkenaan *Counter Billing Duty*, dengan izinnya yang dikenakan sekiranya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya balik kepada *volume* yang kita import, kadangkala *volume* ini akan menjejaskan pasaran dalaman

juga, yang mana dia memberi saingan hebat kepada barang-barang tempatan. Soalnya di sini apakah *benchmarking* tadi, Yang Berhormat sebutkan tadi, tanda aras yang kita hendak pakai, siapakah yang akan menentu, contoh saya buat di sini barang-barangan farmaseutikal dan juga herba. Apakah dia akan ditentukan oleh Kementerian Yang Amat Berhormat oleh jawatankuasa tadi, yang mana apakah kualiti disebabkan bahawa barangan yang kita keluar dalam negara kita adalah ditentukan bermacam-macam syarat yang kita kenakan sehingga dia punya harga pun begitu tinggi? Manakala yang dibawa masuk, diimport, harganya murah tetapi apakah kualitinya itu terjamin oleh mana-mana pihak? Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Apabila kita meluluskan rang undang-undang ini, industri tempatan yang terjejas boleh buat petisyen kepada Kementerian MITI, pemantauan ini kita serah kepada industri supaya mereka yang tahu apabila banyak barangan masuk ke negara kita ini. Dan mungkin ada situasi di mana ada kemudahan, tetapi tidak mengancam barangan tempatan. Kalau industri tidak membangkitkan, kita tidak akan menyiasat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah ini bermaksud bahawa kementerian tidak mempunyai satu senarai industri-industri yang mungkin menerima kemudahan daripada kenaikan import ataupun kementerian cuma mengamalkan sikap bahawa apabila ia berlaku, industri haruslah bereaksi terhadap perkara ini dan peranan yang dimainkan oleh MITI adalah bukan proaktif. Setujukah Yang Berhormat?

Tuan Ng Lip Yong: Tadi saya pun sudah beritahu ada dua cara. Industri tempatan kita boleh petisyen kepada MITI. Tetapi kerajaan sendiri boleh mengemukakan perkara ini. Kita boleh gunakan inisiatif kerajaan tetapi setakat ini saya tidak ada satu senarai apa industri-industri yang dalam perkara tersebut.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi mana, Yang Berhormat bagi Parit dan Pengkalan Chepa?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Pengkalan Chepa boleh?

Tuan Ng Lip Yong: Pengkalan Chepa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, sila.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya hendak minta penjelasan. Baru-baru ini Harum Manis, buah mempelam telah dilambakkan dan dibuang kerana tidak ada harga. Ini ancaman daripada banyaknya buah-buah mempelam daripada Thailand. Ini

pengeluar. Begitu juga kelapa. Saya hendak tanya, *benchmark* atau aras yang dikatakan ancaman itu sama ada harga pasaran dengan *volume* yang begitu banyak mari. Begitu juga dengan buah kelapa daripada Indonesia ataupun daripada India, kerajaan hendak pakai harga pasarankah ataupun bagaimana ukuran itu dibuat dan bagaimana langkah-langkah *preventive* itu hendak diprotect ataupun *safeguard* kepada pengeluaran kita.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Tadi saya sudah beritahu iaitu *benchmark* kita termasuk *volume* di mana macam sekarang kita sudah boleh halang import dari jiran kita tetapi kalau kita ada Undang-undang Pelindung ini, kita boleh siasat dan kalau petisyen yang benar, kita boleh mengenakan kuota supaya Thailand tidak boleh eksport banyak buah-buahan ke negara kita. Tetapi setakat ini kita tidak ada akta ini. Salah satu sebabnya kita memperkenalkan undang-undang ini adalah sebab dahulu cukai masuk kita ataupun *import duty* sangat tinggi tetapi sekarang kita punya cukai import pun sudah dikurangkan dan kita perlu satu akta macam ini untuk melindungi barangan tempatan.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Dalam jawapan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan akta ini apabila diperkenalkan mendapat persetujuan ataupun dibenarkan dalam Perjanjian WTO. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada perkara yang boleh dibuat ialah untuk pelindung ini dengan cara mengenakan kuota dan juga duti. Jadi adakah kerajaan kita atau kementerian mempunyai kuasa penuh untuk menentukan kuota pengimportan dan juga duti atau tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh WTO bahawa nisbah kuota itu sekian peratus, begitu juga dutinya tidak melebihi berapa peratus. Minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Sebenarnya kita boleh mengenakan satu *import duty* yang lebih *bound rate*. *Bound rate* yang kita telah bersetuju dalam Perjanjian WTO, kita boleh melebihi dari *bound rate* juga.

Tuan Yang di-Pertua, isu timbal balas adalah berkenaan *contravening duty* yang dikenakan sekiranya terdapat *mollifications of benefit*, dengan izin, oleh kerana sesebuah negara Ahli WTO berkenaan dapat mengeksport barangan dengan murah dan banyak disebabkan faktor harga yang telah disuntik dengan subsidi atau insentif. Ini adalah berkenaan isu harga, *pricing* yang dikenakan oleh sesebuah negara Ahli WTO dan timbal balas atau *contravening duty* yang dikenakan adalah berdasarkan kepada perbezaan margin harga barangan tersebut dan sebelum *contravening duty* dikenakan.

Segala siasatan dilakukan ke atas syarikat-syarikat asing di negara ini melalui lawatan dan pemeriksaan dan sebagainya. Konsultasi akan diadakan di antara negara-negara

berkenaan di Jawatankuasa Anti Lambakan dan Timbal Balas di WTO ataupun di bawah perjanjian penyelesaian pertikaian sekiranya negara yang mengalami kerugian mahu mengambil tindakan di bawah mekanisme penyelesaian pertikaian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tanah Merah pun membangkitkan mengenai *hypermarket*. *Hypermarket* atau *business retail* adalah di bawah sektor perkhidmatan yang tidak termasuk di bawah Undang-undang Pelindung dan lebih-lebih lagi *hypermarket* dikawal di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Berkenaan dengan isu komoditi seperti kelapa sawit dan Kuala Lumpur sebagai *international palm oil pricing center* sudah tentu kerajaan termasuk MITI dan kementerian-kementerian lain akan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memastikan kepentingan negara dan rakyat dilindungi dan dijaga tetapi sila maklum bahawa isu *international palm oil pricing center* ini tidak dalam kawalan MITI, manakala Kementerian Kewangan dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi adalah autoriti yang menjaga perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani cabaran-cabaran semasa..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua yang bangun, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanjong dan Bukit Mertajam.

Tuan Ng Lip Yong: Bukit Mertajam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kami faham ini bukan dalam Jawatankuasa MITI. Tetapi memandangkan ini merupakan satu perkara yang penting dan juga dikatakan ia akan *exchange* di Singapura mungkin akan berjalan pada bulan September. Kalau kita tidak membuat sesuatu pada waktu sekarang mungkin kita akan terlambat. Jadi saya pun mengatakan bahawa berasaskan tanggungjawab bersama sama ada MITI boleh memberi penjelasan selepas berkonsultasi dengan Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Saya rasa ini adalah tempat yang tepat dan masa untuk memberitahu apakah kerajaan akan buat kerana dikatakan Bursa Malaysia ini sudah pun bersetuju untuk menjual harga *settlement* kepada *exchange* di Singapura. Adakah ini betul? Adakah ini benar? Saya berharap berasaskan tanggungjawab dan juga kepentingan negara ini bahawa Timbalan Menteri kalau tahu, kalau ada maklumat boleh memberitahu Dewan ini. Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Kalau Yang Berhormat hendak tuisyen, saya pun boleh bagi tuisyen tentang *futures trading* tetapi kena bayar....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan yang saya minta, yang itu bukan saya pohon. *Just* jawab yang saya tanya itu.

Tuan Ng Lip Yong: Sebab Yang Berhormat tanya saya ada pengalaman ke tidak, Tetapi....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, saya tidak tanya sama ada tahu maklumat tentang apa yang saya hendak tanya itu.

Tuan Ng Lip Yong: Saya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan salah dengar....

Tuan Ng Lip Yong: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini mewakili Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya bukan wakil kewangan atau KPPK dan saya tidak boleh, saya tidak ada hak atau tidak ada kuasa untuk mewakili kementerian-kementerian lain. Saya hanya boleh beritahu di mana Yang Berhormat boleh dapat maklumat atau *feedback*. Itu sahajalah. Tetapi macam Yang Berhormat....

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Tuan Ng Lip Yong: Yang Berhormat ahli Parlimen DAP pun, anda tidak boleh wakil Ketua Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan atas hak saya dan dalam perkara ini saya rasa mewakili Ketua Pembangkang juga. Memandangkan Timbalan Menteri kata dia tidak berhak untuk mewakili lain-lain kementerian, tidak apalah. Ini bermaksud apa dikatakan *collective responsibility* dan yang lain pun tidak bermakna. Tetapi sekurang-kurangnya Yang Berhormat boleh buat untuk negara dan peneroka FELDA dan penanam-penanam kelapa sawit. Satu tanggungjawab kepada mereka untuk memberitahu Menteri untuk membawa perkara ini kepada Jemaah Kabinet pada hari Rabu yang akan datang membangkitkan perkara ini dan mencapai satu penyelesaian. Bukan demi DAP, demi negara, demi FELDA *settlers* dan demi industri kelapa sawit di negara ini.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong. Sebenarnya perkara ini saya sendiri semasa saya ada di KPPK, saya pun telah bangkitkan dalam mesyuarat dalaman. Bukan hari ini sahaja, pada bulan Februari pun saya telah bangkitkan. Kalau kita tidak secara terbuka, ini tidak bermakna kita tidak peduli. Ada banyak perkara-perkara yang kita bincang dalam mesyuarat tetapi kalau Yang Berhormat bukan ahli kerajaan tidak dapatlah menyertai mesyuarat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan. Saya rasa sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan bahawa dia ada maklumat tetapi dia kata tidak boleh

beritahu dan dia kata kerana kami di sini pembangkang, jadi kita tidak sertai mesyuarat, jadi tidak boleh beritahu juga. Tetapi bukankah ketulusan ini satu prinsip yang dikatakan akan di amal oleh Kerajaan Barisan Nasional di bawah Perdana Menteri. Adakah ini ketelusan? Ada maklumat tidak boleh diberitahu. Ini ketelusan Barisan Nasional. Ini bukan demi DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kami pun mewakili rakyat, mewakili industri *palm oil* di negara ini. Kami juga mewakili kepentingan negara, yang pentingnya ialah kepentingan negara. Adakah kita mahu Kuala Lumpur sebagai

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat, balik kepada Akta yang

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *palm oil pricing centre*, di ambil alih orang Singapura. Kita dan kerajaan ataupun bukan kerajaan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Balik kepada rang undang-undang, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:Menteri-Menteri yang berkenaan hendak adakah tolong Singapura melawan Kuala Lumpur.

Tuan Ng Lip Yong: Tuan Yang di-Pertua, saya ikut peraturan. Apabila saya beri jawapan, ini berkenaan dengan rang undang-undang ini. Perkara yang dibangkitkan luar dari topik ini dan ada tempat lain atau ada masa lain yang boleh dibangkitkan tetapi saya tidak berkuasa menjawab soalan-soalan dibangkitkan. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani cabaran-cabaran semasa dan jangka panjang yang dihadapi oleh industri automotif, objektif utama dasar automotif negara adalah:

- (i) untuk menjadikan industri automotif tempatan, terutama pengeluar-pengeluar kereta nasional lebih berdaya saing dan berdaya tahan dalam menghadapi persaingan di dalam pasaran terbuka;
- (ii) mempromosikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran dan pengedaran kenderaan automotif dalam bidang khusus atau *niche area*, dengan izin;
- (iii) menjadikan industri automotif termasuk kereta, komponen dan alat ganti lebih berorientasikan eksport;
- (iv) menggalakkan penglibatan bumiputera dalam jangka masa panjang; dan
- (v) memelihara kepentingan pengguna dari segi harga, keselamatan dan kualiti produk dan perkhidmatan.

Oleh itu, adalah penting supaya objektif dasar automotif negara yang telah diumumkan dicapai. Industri automotif tempatan yang berdaya saing, berdaya maju, beroperasi kepada pengeluaran berskala ekonomi dan berorientasikan eksport akan memastikan industri automotif tempatan terus menyumbang kepada pembangunan negara.

Proton telah diberi perlindungan sejak ia ditubuhkan selama hampir 20 tahun bagi memberi tempoh secukupnya kepada syarikat untuk kekal berdaya saing apabila pasaran automotif negara dibuka. Perlindungan yang telah diberikan adalah:

- (i) dalam bentuk membeku kelulusan baru lesen pengilang bagi projek pengeluaran kenderaan;
- (ii) mengawal penetapan harga jualan bersih bagi kenderaan yang dipasang tempatan; dan
- (iii) mengawal kuantiti kenderaan yang diimport melalui pelaksanaan lesen import.

Kini dibuka secara progresif bagi memastikan kenderaan nasional terutama Proton akan terus berdaya saing pada masa hadapan tanpa memerlukan perlindungan daripada kerajaan lagi. Dasar Automotif Nasional dengan jelas menggariskan bahawa perlindungan yang sedia ada tidak boleh bertahan dan berdaya maju dalam jangka masa panjang.

Walau bagaimanapun, insentif-insentif baru yang diperkenalkan oleh Dasar Automotif Negara seperti dana penyesuaian industri dan dana pembangunan automotif di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dijangka akan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti perkilangan dan perbahasan dan pemasangan kenderaan automotif, komponen dan alat-alat ganti di negara ini.

Di samping itu, dengan mengurangkan duti import kereta CBU kepada 5% mulai 20 Mac 2006 akan membolehkan kenderaan buatan Malaysia di pasarkan ke negara-negara ASEAN dengan harga yang kompetitif. Sebagai langkah untuk kekal mempromosikan industri tempatan kerajaan juga telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan lebih banyak piawaian untuk memastikan barangan import memenuhi piawaian dari segi keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai laporan akhbar di Thailand mengenai kemungkinan kereta buatan Malaysia tidak akan diberikan layanan duti import CEPT. MITI difahamkan bahawa ia adalah pandangan peribadi seorang pegawai tinggi dari sebuah kementerian negara tersebut dan ia bukanlah pendirian rasmi kerajaan Thailand. Setakat ini, kereta Toyota buatan Malaysia telah dieksport ke Thailand dan telah diberikan layanan yang serupa dengan import dari negara-negara ASEAN yang lain. Walau bagaimanapun, MITI sedang memantau perkara ini dan sekiranya benar rundingan peringkat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN akan dibuat.

Setakat ini Malaysia telah memenuhi semua komitmen AFTA dan tiada sebab kenderaan keluaran Malaysia tidak diberikan layanan sama rata berbanding dengan keluaran kereta dari ASEAN yang lain. Setakat ini Malaysia tidak membayar apa-apa pampasan kepada mana-mana negara. Ini adalah kerana tuntutan yang sedemikian adalah tidak berasas dan Malaysia sentiasa mematuhi komitmen antarabangsa. Penangguhan pembukaan pasaran automotif adalah sementara sahaja. Dasar Automotif Negara telah menggariskan bahawa sekatan-sekatan yang

ada sekarang akan dihapuskan secara berperingkat-peringkat dan menjelang tahun 2010 ia akan dihapuskan sepenuhnya. Dasar semasa mengenai import kereta pasang siap atau CBU setakat ini adalah berdasarkan 10% daripada pengeluaran kenderaan penumpang tempatan. Jumlah ini adalah kecil berbanding jumlah pengeluaran tempatan pada 2005 sebanyak 521,384 unit.

Walaupun bagaimanapun, terdapat peningkatan pengeluaran kereta oleh pemasang kenderaan selain daripada kereta nasional kerana peningkatan permintaan akibat daripada pengenalan model-model baru oleh pemasang serta promosi pasaran yang menarik. Dari segi penguasaan pasaran, kereta nasional mempunyai bahagian pasaran sebanyak 64.2% pada 2005. Pengurangan bahagian pasaran oleh kereta nasional adalah masih besar dan dari segi bilangan unit terdapat peningkatan pengeluaran oleh kereta nasional daripada 315,545 unit dalam 2004 kepada 334,763 unit dalam 2005. Dari segi lain pula, pertambahan model kereta keluaran tempatan akan menggalakkan persaingan yang sihat terhadap pertumbuhan industri automatik tempatan yang lebih kompetitif dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, isu AP pun telah dibangkitkan. Sebanyak 1,250 barangan yang dikenakan AP. Ini termasuk 251 untuk besi keluli, 217 untuk automatik, 58 untuk mesin dan jentera, 42 untuk barang keperluan seperti gula dan tepung, 26 barangan kimia yang bahaya dan 12 barang-barangan lain. Daripada jumlah ini, MITI hanya mengawal 607 jenis barangan dan selebihnya adalah di bawah kawal selia kementerian dan jabatan kerajaan yang lain.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: AP untuk baja berapa dan untuk gula berapa banyak?

Tuan Ng Lip Yong: Saya mohon maaf. Saya tidak ada angka-angka *details* di sini. Tetapi kalau perlu saya boleh bagi secara bertulis. Objektif utama berkenaan AP adalah untuk melindungi industri tempatan, memantau dan mengawal supaya negara ini tidak dijadikan tempat lambakan barangan buangan atau buruk.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai *Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement* (MJEPA) yang telah ditandatangani baru-baru ini, adalah tidak benar bahawa pembukaan pasaran automatik tempatan dikaitkan dengan pembukaan pasaran sayuran Malaysia di Jepun. Sebenarnya pembukaan pasaran automatik dalam perjanjian ini adalah tertakluk kepada persetujuan Jepun untuk membantu meningkatkan daya saing automatik Malaysia. Sebanyak 10 kumpulan jawatan kerja terdiri daripada pegawai dan sektor swasta Malaysia dan Jepun untuk melaksanakan projek-projek kerjasama.

Projek tersebut termasuk *Automotive Technical Expert Assistance Program, Enhancement of Mould and Dye. Centre in Malaysia*, dengan izin, *vehicle type of approval, Automotive Skill Training Centre in Malaysia, Automotive Skill Training Program in Japan*,

Component and Parts Testing Centre in Malaysia, Business Development Program, Co-operation in Automotive Market Information, Consultation on Joint Venture Contract.

Adalah diharapkan syarikat-syarikat automatif tempatan tampil ke hadapan dan bergiat aktif bagi memastikan industri automatif tempatan dapat meningkatkan keupayaan masing-masing dan menjadi lebih kompetitif. Pembukaan pasaran ini dijangkakan akan meningkatkan minat syarikat Jepun untuk melabur di negara ini dan menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran dan pengedaran automatif di rantau ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat....

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai perjanjian dengan Jepun ini, banyak tuduhan dibuat khususnya dalam *Internet News, MalaysiaKini* dan sebagainya mengenai kerajaan menandatangani perjanjian ini dengan secara sulit, secara tidak ada keterbukaan seperti kita lakukan dalam perbincangan kita dengan Amerika misalnya. Apakah ini benar dan mengapa kalau benar, perkara ini berlaku?

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Saya mengalukan soalan ini sebab perjanjian *Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement* ini adalah kita sudah letak dalam website kita, MITI sepenuhnya, *the full text of the agreement*, dengan izin, ada di website MITI. Saya berharaplah sebelum kita buat tuduhan, kita baca apa yang dalam perjanjian ini. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia bukan buat tuduhan Yang Berhormat, dia tanya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Penjelasan.

Tuan Ng Lip Yong: **Bukan.** Tadi ini bukan tuduhan tetapi ada ramai yang buat tuduhan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Malaysia telah sudah memenuhi segala *requirement* dalam AFTA. Tetapi di sini ada dilaporkan dalam *The Star Online*.... [*Membaca petikan akhbar yang dinyatakan*] *"Thailand will not lower its import duty on cars from Malaysia, saying that it will maintain the current rate of 20% even though Malaysia has reduced import tax of completely built-up, CBU cars from ASEAN to 5%. Director General of Fiscal Policy Officer Naris Chaiyasoot in the news report in the Bangkok Post yesterday, said that keeping Thailand's import duty for*

Malaysia CBU cars at 20% was to counter the imposition of non tariff barriers. He said non-tariff barriers were Malaysia's demand that...".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak payahlah baca semua Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya. Ini adalah satu *example* di mana Thailand sudah diberi - atas tindakan Kerajaan Malaysia untuk menanggukkan pembukaan industri automobilnya. Saya minta penjelasan atas *news reporting* itu.

Tuan Ng Lip Yong: Tadi saya sudah kata ini adalah satu penyertaan dari seorang pegawai dan kita belum terima. Ini adalah keputusan rasmi Thailand. Saya ingin memberitahu bahawa AP kereta akan dihapuskan mulai 31 Disember 2010. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya Malaysia tidak menandatangani perjanjian ini, iaitu *Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement*, kereta Jepun juga akan masuk ke Malaysia melalui negara-negara ASEAN lain. Oleh itu, lebih syarikat Jepun meningkatkan operasinya di negara ini dan melalui projek-projek kerjasama industri automatif tempatan mendapat faedah berbanding dengan tiadanya MJEPA.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ada beberapa Ahli Parlimen kata, bila kita buat perundingan kita tidak merujuk kepada Ahli-ahli Parlimen. Sebenarnya kita ada banyak *publication*. Macam *Malaysia and free trade agreement*, *Malaysia and WTO*, *Malaysia and AFTA* dan sebagainya. Selain daripada itu, ini sebelum saya masuk MITI, tahun lepas pada Januari 2005, MITI pun ada satu seminar di mana ramai Ahli-ahli Parlimen ada hadir.

Saya menyeru kepada semua yang berminat, gunakan *website* MITI. Banyak maklumat ada dalam *website* MITI dan sebagai apa yang saya katakan tadi, MJEPA *agreement* adalah semua artikel-artikel pun ada dalam *website* itu. Selain daripada itu tiap-tiap tahun MITI pun keluarkan *Malaysian International Trade and Industry Report*, MIDA pun ada *investment report* dan sebagainya. Saya mengalu-alukan kalau perlu boleh hubungi dengan saya ataupun pegawai MITI kita akan edarkan *publication* yang kita ada.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua saya ucap sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN ELEKTRONIK 2006

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, sila.

12.34 tgh.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 diluluskan dalam Jemaah Menteri pada 28 Jun 2006. Mesyuarat kelapan *Multimedia Super Corridor* pada 28 Jun 1999 telah mengarahkan Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia menjalankan satu kajian untuk mengkaji dan mengesyorkan perubahan yang perlu kepada akta-akta yang sedia ada dan bagi memudahkan peralihan ekonomi berdasarkan elektronik. Dalam kajian yang telah dijalankan perundingan telah mencadangkan supaya dua undang-undang baru digubal dari salah satu daripadanya adalah Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik.

Jemaah Menteri pada 19 Mac 2003 telah bersetuju supaya Rang Undang-undang ini digubal dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dilantik sebagai agensi pelaksana bagi Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik. Rang Undang-undang ini merupakan satu akta persekutuan yang bertujuan mengatasi halangan-halangan yang wujud bagi menjalankan transaksi secara elektronik. Rang Undang-undang ini mengiktiraf dari segi undang-undang transaksi yang dijalankan secara elektronik tetapi pada masa yang sama ianya tidak melarang transaksi ini dibuat secara konvensional. Objektif Rang Undang-undang ini adalah bagi memberi pengiktirafan undang-undang bagi transaksi dibuat secara elektronik. Ia juga akan memberi keyakinan kepada masyarakat secara umum untuk membuat transaksi elektronik dengan pengurangan keraguan yang timbul berkenaan pengiktirafan undang-undang bagi transaksi elektronik.

Rang Undang-undang ini berkuat kuasa bagi semua jenis transaksi perdagangan dalam bentuk perutusan elektronik termasuk transaksi perdagangan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Malaysia sedang bergerak ke arah mencapai Wawasan 2020 bagi Malaysia menjadi sebuah negara maju negara harus memperkukuhkan lagi infrastruktur perundangan selari dengan perkembangan pada masa sekarang. Dunia pada masa kini bergerak ke arah globalisasi dan perdagangan melampaui sempadan.

Oleh itu kerajaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengawal selia perdagangan dalam persekitaran perdagangan yang baru ini. Perkara ini bukan mudah untuk dikawal selia tetapi ianya perlu bagi menjamin kepentingan pengguna dan peniaga di negara ini. Satu kajian yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau MCMC bertajuk "*Household Use Of the Internet Survey 2005*" dengan izin aktiviti penggunaan internet sebahagian besarnya adalah unik adalah untuk e-mail dan hanya 2.4% sahaja adalah untuk pembelian dan penempahan barangan dan perkhidmatan.

Ini menunjukkan transaksi internet masih mempunyai banyak ruang untuk berkembang. Ke arah ini, Rang Undang-undang ini akan menjadi satu penggerak bagi pengguna melibatkan diri dalam perdagangan elektronik. Rang Undang-undang ini akan membantu dalam mengurangkan kos, dan menjimatkan masa kerana ia tidak memerlukan kehadiran fizikal seseorang di suatu tempat. Kedua-dua perkara ini merupakan faktor yang penting dalam mana-mana perniagaan. Kerajaan juga sedang mengambil beberapa langkah bagi memastikan undang-undang perdagangan elektronik Malaysia konsisten dan selari dengan rakan-rakan dagang di negara-negara serantau. Ini penting kerana ia akan menggalakkan lagi perdagangan di antara negara-negara terbabit dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Di rantau Asia lima buah negara sudah menggubal Undang-undang Perdagangan Elektronik.

Singapura merupakan negara pertama menggubal undang-undang tersebut iaitu pada tahun 1998, diikuti oleh Brunei dan Filipina tahun 2000, Thailand pada tahun 2001 dan Myanmar pada tahun 2004. Dari aspek perlindungan pengguna ianya amat penting bagi memastikan pengguna secara amnya mempunyai keyakinan untuk menjalankan transaksi secara elektronik. Akta Perlindungan Pengguna 1999 akan dipinda untuk memasukkan aspek ini. Rang Undang-undang ini mempunyai klausa-klausa yang memanfaatkan pengguna dan peniaga secara amnya. Klausa-klausa ini akan memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa transaksi elektronik adalah diiktiraf dari segi undang-undang dan sekali gus lebih ramai membuat transaksi secara elektronik bagi tujuan perniagaan atau peribadi mereka. Prinsip-prinsip Am Kontrak seperti yang terkandung dalam Akta Kontrak 1950 masih diguna pakai bagi Transaksi Elektronik rujukan akan dibuat kepada akta tersebut. Rang Undang-undang ini juga akan berfungsi bagi memperkuat lagi rangka kerja perundangan siber.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mempunyai 25 fasal antara peruntukan yang penting adalah seperti berikut, bahagian satu mengandungi peruntukan permulaan fasal 3

penggunaan tidak mandatori. Rang Undang-undang ini tidak memaksa mana-mana pihak untuk membuat transaksi secara elektronik. Pilihan untuk membuat transaksi secara konvensional atau secara elektronik tertakluk kepada keizinan seseorang individu. Walau bagaimanapun, keizinan seseorang bagi mengguna memberi atau menerima mesej elektronik dapat disimpulkan daripada perlakuan orang itu.

Fasal 4 rujukan kepada undang-undang bertulis lain. Rang Undang-undang ini tidak akan menjejaskan operasi undang-undang lain yang mengawal selia urus niaga perdagangan.

Akta-akta lain seperti Akta Kontrak 1950, Akta Tandatangan Digital 1997, Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang digunakan bagi mengawal selia urus niaga perdagangan akan terus diguna pakai.

Fasal 5 – Tafsiran. Fasal ini menerangkan secara terperinci makna beberapa perkataan yang terkandung dalam rang undang-undang ini.

Antara lain yang menerangkan makna “elektronik” yang ertinya adalah teknologi yang menggunakan elektrik, optik, magnetik, elektromagnetik, biometrik, photonik atau teknologi lain yang seumpamanya.

Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubung dengan pengiktirafan undang-undang terhadap mesej elektronik.

Fasal 6 – Pengiktirafan undang-undang mesej elektronik. Fasal ini memperuntukkan bahawa sebarang maklumat tidak boleh dinafikan kesahihan undang-undang atau kebolehlaksanaan hanya kerana ia secara keseluruhan atau sebahagian dalam satu bentuk elektronik. Ia juga tidak boleh dinafikan kesan undang-undang hanya kerana maklumat tersebut tidak dalam mesej elektronik, tetapi hanya dirujuk dalam mesej elektronik tersebut.

Jika sesuatu maklumat hanya dirujuk dalam suatu mesej elektronik, ia tidak boleh dinafikan kesan undang-undang dengan syarat maklumat yang dirujuk boleh dicapai oleh pihak yang terlibat.

Fasal 7 – Pembentukan dan kesahan kontrak. Jika suatu kontrak dibuat melalui perutusan elektronik ia dianggap sebagai sah. Kontrak yang dibentuk adalah sah walaupun mesej elektronik digunakan dalam pembentukannya. Prinsip-prinsip am pembentukan kontrak seperti komunikasi tawaran, penerimaan tawaran, pembatalan tawaran, penerimaan atau sebarang komunikasi yang lain boleh dinyatakan melalui suatu mesej elektronik.

Klausa ini memberi penentuan sah di mana pihak yang terlibat tidak boleh menafikan pematamadan kontrak hanya kerana ia dibuat melalui mesej elektronik.

Bahagian III mengandungi peruntukan yang berhubung dengan menghapuskan halangan undang-undang terhadap perdagangan elektronik.

Fasal 8 – Tulisan. Rang undang-undang ini memberi pengiktirafan dari segi undang-undang kepada maklumat yang terkandung dalam mesej elektronik. Ia memperuntukkan bahawa sebarang kehendak di bawah mana-mana undang-undang yang menghendaki sesuatu maklumat

secara bertulis ia dipenuhi jika maklumat tersebut terkandung dalam suatu mesej elektronik yang boleh dicapai dan difahami.

Ini merupakan fasal yang penting kerana ia memberi suatu keyakinan kepada masyarakat untuk menggunakan secara elektronik bagi urusan niaga perdagangan yang dijalankan tanpa mempunyai keraguan tentang undang-undang yang sedia ada.

Fasal 9 – Tandatangan. Jika mana-mana undang-undang menghendaki seseorang itu menandatangani sesuatu dokumen, kehendak itu dipenuhi dengan tandatangan elektronik dalam satu mesej elektronik. Tandatangan elektronik diterima sebagai sah dan ia boleh dilaksanakan dalam cara mana pun termasuk simbol, asalkan ia boleh dibuktikan bahawa isi kandungan tersebut diterima daripada pihak berkenaan.

Beberapa kehendak seperti tandatangan elektronik tersebut perlu dilampirkan atau dikaitkan secara logik kepada mesej elektronik tersebut, dan mengenal pasti secukupnya orang dan kelulusannya terhadap maklumat berhubung tandatangan tersebut perlu dipenuhi.

Klausula ini juga menerangkan perkara-perkara yang sewajarnya diambil kira sebelum sesuatu tandatangan elektronik tersebut dipercayai. Klausula ini merupakan suatu aspek perlindungan pengguna. Yang penting kerana ia memperuntukkan penggunaan tandatangan elektronik yang sekali gus memberi penentuan sah. Dengan adanya klausula ini, keyakinan pengguna terhadap perdagangan elektronik akan meningkat. Klausula ini juga tidak menghalang pihak yang terlibat daripada menggunakan tandatangan digital.

Pihak yang terbabit dalam transaksi boleh menggunakan tandatangan digital dan adalah tertakluk kepada Akta Tandatangan Digital 1997.

Fasal 10 – Meterai. Klausula ini menerangkan mana-mana undang-undang yang menghendaki meterai dicapkan pada suatu dokumen. Ia dipenuhi dengan tandatangan digital atau satu dokumen dalam bentuk sesuatu mesej elektronik. Ini adalah bagi memudahkan penggunaan secara elektronik di mana penggunaan memeterai semasa urusan niaga perdagangan elektronik adalah tidak praktikal.

Walau bagaimanapun, kesahan urusan niaga tersebut adalah terjamin memandangkan penggunaan tandatangan digital adalah tertakluk kepada Akta Tandatangan Digital 1997. Akta tersebut menggariskan beberapa keperluan yang perlu dipenuhi sebelum tandatangan digital dapat digunakan.

Fasal 11 – Saksi. Sebarang kehendak undang-undang yang memerlukan tandatangan saksi pada suatu dokumen dipenuhi jika dokumen tersebut dalam bentuk sesuatu mesej elektronik mengandungi tandatangan elektronik pihak terbabit. Klausula ini dimasukkan kerana mengambil kira isu praktikal, di mana ia tidak munasabah bagi seseorang mempunyai saksi apabila menjalankan urusan niaga secara elektronik. Ini akan membantu memudahkan lagi transaksi secara elektronik.

Fasal 12 – Asal. Mana-mana undang-undang yang menghendaki sesuatu dokumen dalam bentuk asalnya hendaklah benda itu dipenuhi oleh dokumen dalam bentuk mesej elektronik, dengan syarat wujudnya jaminan yang boleh disandari terhadap integriti maklumat dari masa pertama ia dihasilkan dalam bentuknya yang muktamad, dan boleh dicapai dan difahami bagi tujuan rujukan yang berikutnya. Integriti maklumat ditentukan dengan menilai sama ada maklumat dalam mesej elektronik tersebut kekal, lengkap dan tidak berubah.

Fasal 14 – Salinan. Kehendak mana-mana undang-undang bagi dokumen simpanan disampaikan, dihantar atau diserahkan dalam bentuk daripada satu salinan dipenuhi dengan dokumen tersebut dalam bentuk mesej elektronik dengan penyimpanan, penyampaian, penghantaran dan penyerahan dokumen itu dalam satu salinan sahaja. Ini juga menjurus kepada isu praktikal di mana satu dokumen dalam bentuk mesej elektronik akan memadai berbanding dengan kehendak tersebut dalam persekitaran transaksi konvensional.

Fasal 16 - Penyampaian dan penyerahan. Fasal ini memperuntukkan bahawa penyerahan dokumen jika dikehendaki oleh mana-mana undang-undang boleh dibuat melalui secara elektronik jika terdapat sistem pemprosesan maklumat yang didapati mengenal pasti asal usul destinasi masa dan tarikh penyampaian penghantaran, dan penyerahan tersebut dan memberi pengakuteraan.

Walau bagaimanapun, penyampaian, penghantaran dan penyerahan notis-notis kemungkinan tuntutan, tajuk, sebab, pemilikan semula atau yang seumpamanya yang digunakan sebelum memulakan prosiding undang-undang adalah terkecuali dari klausa ini. Turut dikecualikan dari klausa ini adalah proses permulaan, *pleading*, affidavit atau dokumen lain yang dikehendaki disampaikan bagi sesuatu prosiding perundangan.

Pengecualian perkara-perkara ini dibuat bagi menjamin perlindungan kepada penggunaan secara amnya. Sebagai contoh, jika seseorang yang tidak sedar akan suatu notis tuntutan telah dihantar melalui secara elektronik tidak akan mempunyai masa yang lama bagi membalas atau mengambil tindakan yang berkaitan. Ini akan menyusahkan pengguna secara amnya.

Rang undang-undang ini walau bagaimanapun, membantu masyarakat bergerak ke arah menjalankan transaksi elektronik, ia juga memberi penekanan ke atas aspek-aspek perlindungan pengguna. Oleh itu, notis-notis perundangan yang disebutkan perlu dihantar, disampaikan atau diserahkan dengan menggunakan secara konvensional.

Bahagian IV – mengandungi peruntukan yang berhubung dengan komunikasi mesej elektronik. Klausa-klausa di bahagian ini adalah teknikal antara yang penting adalah Fasal 18 (kandungan mesej elektronik). Fasal ini menerangkan tentang hak seseorang penerima mesej elektronik yang menganggap sesuatu mesej yang diterima sebagai mesej yang permulaan atau *originator* berhasrat untuk menghantar. Penerima juga berhak untuk mengambil sebarang tindakan yang berpatutan di atas mesej berdasarkan mesej elektronik tersebut kecuali penerima

mengetahui atau sepatutnya mengetahui bahawa penghantaran mesej elektronik itu mengakibatkan apa-apa kesilapan dalam mesej elektronik yang diterima.

Fasal 20 dan 21 – Masa pengiriman dan masa penerimaan. Fasal-fasal ini menerangkan tentang masa sesuatu mesej elektronik itu dihantar oleh pemula dan diterima oleh penerima. Ini melibatkan bila sesuatu mesej elektronik tersebut memasuki sistem pemprosesan maklumat atau bila mesej elektronik tersebut sampai ke pengetahuan penerima.

Fasal 24 – Pengakuteraan. Fasal ini memperuntukkan bahawa pemula jika meminta atau bersetuju dengan penerima bahawa sesuatu mesej elektronik yang dihantar perlu diaku terima dan segala syarat-syarat mengenai pengakuteraan ini adalah terkandung dalam fasal ini. Ini adalah bagi menentukan bahawa tidak berlaku kekeliruan dan percanggahan pendapat di antara pemula dan penerima mengenai penghantaran mesej elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jadual (2) Seksyen 2 pengecualian kepada rang undang-undang ini dinyatakan rang undang-undang ini tidak terpakai bagi transaksi dokumen seperti berikut:

- (i) surat kuasa wakil;
- (ii) pembentukan wasiat dan kondisil;
- (iii) pembentukan amanah;
- (iv) surat cara boleh niaga.

Pengecualian-pengecualian ini diberikan atas sebab ia memerlukan kehadiran individu dan saksi secara fizikal untuk menandatangani dokumen ini. Mendokumenkan di hadapan pegawai atau Pesuruhjaya Sumpah, pengesahan identiti serta butiran-butiran peribadi individu perlu dibuat dan juga bagi memastikan bahawa pihak yang berkenaan sedar akan tindakan-tindakan yang diambil.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyatakan di sini bahawa kerajaan memberi penekanan khusus kepada rang undang-undang ini memandangkan dunia bergerak ke arah teknologi maklumat. Dengan adanya rang undang-undang bagi mengawal selia perdagangan elektronik di negara ini, ia akan memberi keyakinan kepada pengguna bagi menjalankan transaksi secara elektronik dan pada masa menggalakkan peniaga-peniaga menjalankan aktiviti perniagaan mereka melalui secara elektronik. Memandangkan kita berada dalam era teknologi maklumat, perundangan sebegini sudah tentu akan dapat membantu menggerakkan lagi usaha-usaha ke arah k-ekonomi.

Dengan adanya undang-undang ini juga ia akan dapat menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan kukuh sekaligus membantu negara dalam mencapai Wawasan 2020. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-Ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu akta bagi mengadakan peruntukan Pengiktirafan Rang Undang-undang Mesej Elektronik dalam urusan niaga perdagangan penggunaan mesej elektronik itu untuk memenuhi kehendak undang-undang dan untuk membolehkan dan memudahkan urusan niaga perdagangan melalui penggunaan cara elektronik dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ya, Bera.

12.52 tgh.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan terutamanya pihak kementerian kerana membentangkan rang undang-undang ini. Perdagangan elektronik merupakan fenomena biasa pada hari ini. Hari ini perdagangan menjadi semakin mudah, tidak perlu mempunyai kertas, tidak perlu hadir secara fizikal dan 24 jam boleh digunakan kerana *internet* tidak pernah ditutup dan tidak pernah tidur dan setiap hari di seluruh dunia lebih daripada 30 juta *e-mail* dihantar dan di Malaysia juga tidak terkecuali. *Internet* digunakan dengan begitu meluas untuk e-kerajaan, *e-banking* dan lain-lain 'e' digunakan di negara kita.

Dagangan di seluruh dunia menggunakan transaksi elektronik berjumlah ratusan bilion. Di negara kita pada tahun 2004 sejumlah lebih daripada RM4.4 bilion dibelanjakan untuk transaksi elektronik dan ketika itu dijangka anggaran pada tahun 2005 lebih daripada RM11 bilion mungkin akan dibelanjakan. Pada hari ini syarikat penerbangan yang besar, juga telah menggunakan elektronik, tidak perlu lagi pergi ke syarikat-syarikat *Travel Agent* dan sebagainya. Air Asia misalnya, 45 peratus daripada tiketnya dijual melalui *e-ticketing* dan saya difahamkan pada akhir 2007, MAS dijangka menggunakan..100 peratus akan menggunakan e-elektronik dan sebagainya.

Kita percaya transaksi elektronik akan terus berkembang. Satu perkara yang perlu ada bagi rakyat menggunakan e-elektronik bagi menggunakan transaksi elektronik ialah keyakinan rakyat kepada penggunaan 'e' tersebut terutamanya mengenai e-dagang dan pada hari ini pihak kerajaan membentangkan undang-undang tentang e-dagang ini dan saya kira tepat pada masanya kerana kepercayaan rakyat untuk menggunakan e-dagang bergantung pada undang-undang yang ada bagi melindungi kepentingan mereka. Yang saya lihat yang paling penting di dalam undang-undang e-dagang ini sejauh mana kepentingan pengguna boleh dilindungi.

Adakah undang-undang yang dibentangkan pada hari ini memperuntukkan peruntukan-peruntukan yang melindungi kepentingan pengguna? Inilah persoalan yang perlu dijawab oleh pihak kementerian. Saya melihat dan meneliti perundangan ini, apa yang ada saya lihat sejauh

apa yang saya baca yang ada dalam rang undang-undang ini adalah kaedah-kaedah transaksi dan juga kaedah-kaedah untuk mewujudkan kontrak di antara penghantar dan penerima. Memang benar pada hari ini di dalam pembentangan rang undang-undang pihak Yang Berhormat Menteri mengatakan kita boleh merujuk kepada perundangan-perundangan lain seperti kontrak dan sebagainya. Tetapi saya kira sepatutnya pihak kementerian mengambil waktu ini dan mengambil kesempatan ini untuk mewujudkan segala seksyen-seksyen yang berkaitan dengan perlindungan kepada pengguna dengan tidak merujuk kepada undang-undang kontrak yang lain.

Kita lihat walaupun undang-undang kontrak sudah lama wujud tetapi pihak kementerian mempunyai undang-undang untuk melindungi pengguna iaitu Akta Perlindungan Pengguna 1999. Sepatutnya pihak kerajaan mungkin boleh memberi alasan bahawa tidak perlu wujud Akta Perlindungan Pengguna kerana pengguna sentiasa dilindungi oleh kontrak, Akta Kontrak 1950 dan sebagainya. Tetapi kita wujudkan juga, kita wujudkan Akta Perlindungan Pengguna kerana untuk memperuntukkan dengan jelas hak-hak dan kepentingan pengguna dan perkara inilah yang tidak ada di dalam Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 ini.

Banyak persoalan-persoalan yang mungkin akan timbul. Memang benar jika sudah ada pesanan, sudah ada penerimaan wujud kontrak. Jika ada pecah kontrak boleh rujuk kepada kontrak dan sebagainya. Tetapi banyak perkara-perkara lain yang perlu dipertimbangkan. Sepatutnya diperjelaskan mengenai *remedy* nya, mengenai hukuman-hukumannya, mengenai cara-cara lain, prosedur-prosedur lain dan sebagainya tetapi tidak ada di dalam perundangan ini.

Sahabat saya semalam ada mengadu kepada saya, beliau membuat tempahan secara elektronik untuk membeli tiket perlawanan bola, piala dunia di Jerman. Tempahan dibuat melalui elektronik tetapi apabila sampai di Jerman, tiket tidak ada. Persoalannya yang di timbulkan oleh beliau bagaimana tindakan boleh diambil, adakah beliau hanya merujuk kepada kontrak yang wujud ataupun bagaimana cara untuk membawa pihak yang menjual tiket itu ke mahkamah. Di dalam Akta Perlindungan Pengguna diwujudkan tribunal pengguna tetapi di dalam akta ini, akta yang baru Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik tidak ada perkara ini dan persoalan kedua yang ditimbulkan untuk di bawa ke mahkamah tersebut undang-undang mana yang boleh digunakan. Adakah undang-undang negara kita? Kerana penghantar berada di negara kita ataupun undang-undang negara Jerman kerana yang menerima kontrak tersebut berada di negara Jerman?

Jadi banyak persoalan-persoalan perundangan yang perlu diperhalusi oleh pihak kerajaan di dalam perkara ini. Jadi, saya lihat ada sedikit kelemahan di dalam undang-undang ini, mungkin kita boleh merujuk kepada Akta Perlindungan ini tetapi malangnya, Seksyen 2, 2(g) Akta Perlindungan Pengguna 1999 menjelaskan dengan begitu jelas bahawa Akta Perlindungan Pengguna tidak terpakai bagi apa-apa urusan niaga perdagangan yang dilaksanakan secara elektronik melainkan dengan persetujuan ataupun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sambung petang boleh?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.32 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum mesyuarat diberhentikan tadi, saya membangkitkan isu mengenai rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini tidak memberikan peruntukan yang jelas untuk melindungi pengguna. Dan saya takut jika pengguna hilang keyakinan untuk menggunakan e-dagang dalam urusan transaksi mereka walaupun seperti yang diberitahu terdapat undang-undang lain seperti undang-undang kontrak, undang-undang *sales of goods* dan sebagainya.

Tetapi kerana ini merupakan satu perkara yang baru di dalam negara kita dan kesempatan masih ada kepada pihak kementerian, saya merasakan bahawa perlu ada undang-undang yang lebih *detail*. Saya cuma ingin mengemukakan beberapa persoalan-persoalan yang mungkin boleh dijawab oleh pihak kementerian terutamanya yang amat arif iaitu Yang Berhormat Menteri sendiri yang ada pada hari ini.

Tadi saya bangkitkan mengenai masalah pembelian tiket bola yang saya dah sebutkan tadi. Dibuat di negara kita untuk membeli tiket bola melalui elektronik di Jerman dan akhirnya terdapat pecahan kontrak apabila tiket tidak dapat dibeli. Dengan itu timbul masalah *jurisdiction* dan ini merupakan isu yang besar yang perlu diselesaikan dan dilihat oleh pihak kementerian.

Satu lagi yang timbul masalah ialah mengenai apabila berdagang dengan menggunakan elektronik, pihak pengguna misalnya tidak dapat mengetahui keadaan sebenar syarikat kerana yang dilihat di dalam komputer, *internet* adalah *website* tentang syarikat tersebut semata-mata-mata. Jadi apabila kita melihat *website* dan barangannya, kita tidak..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Bila Yang Berhormat bagi Bera ada menceritakan berkenaan dengan perdagangan ataupun pembelian sesuatu produk ataupun barangan melalui elektronik. Kita dapati sekarang syarikat-syarikat banyak menyediakan pembelian melalui *internet* yang menggunakan pembayaran melalui kad-kad visa ataupun *credit cards*. Jadi apakah pandangan

Yang Berhormat adakah benda ini selamat? Adakah benda ini boleh dibawa kepada mahkamah jikalau ada *breach of contract* dengan izin. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Saya akan masuk perkara itu di bawah Perlindungan Data Peribadi sebentar lagi. Setakat ini, saya ingin masih lagi mengemukakan beberapa soalan yang perlu dijawab mengenai syarikat-syarikat bagaimana nak mengakses secara *detail* mengenai syarikat yang menjual barangan tersebut kerana yang ada hanyalah *website* dan jenis barangan yang dijual ini sahaja dan kita pihak pengguna Kadang-kadang diberi kesempatan untuk melihat dengan *detail* syarikat-syarikat tersebut.

Dengan itu mungkin berlaku penipuan selepas itu. Dan jika berlaku penipuan misalnya apabila kita membeli barangan melalui *website* ini, melalui *internet* berlaku penipuan misalnya. Barangan yang dijual tidak sampai contohnya. Soalnya siapa yang ingin kita bawa ke mahkamah kerana kadang-kadang kita hanya ada *website's address*. Kita tidak tahu syarikat itu syarikat mana. Jadi timbul persoalan siapa, parti mana yang akan dibawa ke mahkamah jika ada pelanggaran kontrak dan sebagainya.

Satu lagi saya lihat yang tidak ada pada Rang Undang-undang ini ialah mengenai kes-kes kecil seperti yang terdapat di dalam peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Misalnya satu pesanan yang dibuat di negara luar, barangan yang dipesan harganya cuma RM50, contoh. Saya hendak beri contoh RM50, dan barangan yang dipesan, yang sampai *substandard*, tidak mempunyai kualiti yang tinggi.

Adakah kita akan membawa pembekal barangan itu ke mahkamah hanya tuntutan RM50? Sebab jika di dalam kita mahu menggunakan Akta Perlindungan Pengguna 1999, pengguna diberi hak untuk menuntut di bawah Tribunal Pengguna. Kita ada mahkamah khusus untuk menuntut barangan yang kita mempunyai masalah pecahan kontrak yang melibatkan barangan yang nilainya kecil dan sebagainya.

Jadi saya takut, saya sangsi jika pengguna tidak berpeluang untuk mengambil tindakan undang-undang ataupun pengguna akhirnya mengambil pendirian oleh kerana barangan yang dipesan harganya RM50. Kalau hendak bawa ke mahkamah biasa, untuk membayar peguam mungkin bayarannya RM500. Jadi akhirnya pengguna merasakan bahawa tidak perlulah bawa kes ini ke mahkamah.

Jadi akhirnya pengguna yang akan menerima kesan akibat daripada undang-undang kita yang kita bentangkan hari ini yang tidak ada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Mengenai tindakan mahkamah ini, bagaimana kalau pembekal dia adalah seorang ataupun sebuah syarikat daripada luar negara, yang diasaskan di luar negara. Kalau berlaku kemelut apa yang dibincangkan oleh Yang Berhormat ini, di mana undang-undang negara mana kita pakai? Adakah ini kita tertakluk kepada undang-undang negara kita ataupun kita terpaksa menggunakan

undang-undang di negara asal mereka. Kalau mereka ada undang-undang yang melindungi hak-hak pengguna di negara asal, kita mungkin boleh guna, kalau tidak ada macam mana?

Apakah cadangan Yang Berhormat kepada kementerian? Bagaimana kita hendak selesaikan? Set undang-undang yang manakah kita boleh pakai di negara yang mengalami kemelut yang telah dibincangkan oleh Yang Berhormat ini.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Itulah persoalan yang saya kemukakan di awal perbahasan saya apabila saya masuk tadi iaitu timbul masalah *jurisdiction* tadi. Kita tidak jelas dan rang undang-undang yang ada pada hari ini tidak menceritakan apa-apa mengenai perkara ini. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa undang-undang yang kita ada pada hari ini sepatutnya jelas untuk melindungi kepentingan pengguna. Tetapi saya sudah bangkitkan tadi akhirnya kita takut, undang-undang yang kita bawa bertujuan untuk memudahkan pengguna berurusan akhirnya akan menjadi satu undang-undang yang menyusahkan pengguna.

Misalnya contoh yang saya berikan tadi, yang soal RM50 tadi. Akhirnya saya rasa orang akan memikirkan bahawa tidak perlulah bawa ke mahkamah. Dia sudah potong kad kredit kita cuma RM50. Seorang mungkin RM50 tetapi saya kira kalau 1,000 orang, kalau 10,000 orang, akhirnya yang untung adalah syarikat-syarikat tersebut.

Bagi saya Yang Berhormat Menteri, cara yang paling mudah untuk menyelesaikan masalah ini ialah kita menggunakan Akta Perlindungan Pengguna 1999 iaitu dengan meminda seksyen 2(2)(g) tadi. Kita pinda saja. Senang. Saya kira itu yang paling senang kerana seksyen 2(2)(g) mengatakan: "*Undang-undang ini tidak terpakai kepada urus niaga perdagangan yang dilaksanakan cara elektronik.*"

Jadi kita batalkan seksyen 2(2)(g) tersebut ataupun kalau hendak diperjelaskan kita pinda Akta Pengguna ini - *Consumer Protection Act* ini, dengan (g) itu dipinda kepada memasukkan iaitu, "*Apa-apa urus niaga yang dilaksanakan cara elektronik.*"

Jika kita membenarkan urus niaga elektronik di dalam seksyen 2(2)(g) Akta Perlindungan Pengguna. Jadi semua masalah-masalah yang saya timbulkan tadi akan dapat diselesaikan kerana di dalam Akta Perlindungan Pengguna ia memberikan segala *detail* yang jelas mengenai perkara-perkara yang melibatkan jual beli dan juga dari segi perlindungan secara *detail* kepada pengguna-pengguna termasuklah hak pengguna bagaimana hendak dilindungi, hak pengguna jika ada masalah di mahkamah mana, tribunal mana, ada Jawatankuasa Khas Tribunal dan sebagainya.

Jadi semua masalah-masalah pengguna dilindungi di dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999. Cuma yang tidak boleh kita gunakan akta ini kerana adanya seksyen 2(2)(g) tadi. Sebab itu kalau kita pinda seksyen 2(2)(g) dengan memasukkan kebenaran untuk transaksi elektronik boleh dipakai, dengan itu semua masalah yang dibangkitkan tadi akan dapat diselesaikan.

Perkara seterusnya yang saya ingin bangkitkan adalah di dalam negara kita walaupun ramai yang menggunakan IT dan sebagainya. Walaupun saya sebutkan tadi bahawa pada tahun 2004, sebanyak 4.4 bilion transaksi dagang elektronik digunakan, tetapi suka atau tidak suka kita mesti mengakui bahawa ramai yang masih buta IT, yang masih belum tahu menggunakan IT. Saya takut penyalahgunaan berlaku di dalam seksyen 3(1) Rang Undang-undang Elektronik ini. Dalam Rang Undang-undang Elektronik ini urusan niaga elektronik dianggap mandatori jika ada keizinan.

Saya ingin memberikan satu senario yang mungkin akan berlaku. Misalnya datang seorang jurujual berjumpa dengan seorang ibu tua daripada kampung yang tidak mempunyai komputer sendiri, tetapi menawarkan barangan yang begitu cantik. Di dalam *websitenya* jelas menunjukkan barangan yang begitu cantik. Jadi dia minta ibu tadi memesan barangan tersebut. Untuk mememesannya misalnya, jurujual mewujudkan satu *address* yang baru. *Address* ibu tua yang buta IT tadi dan diwujudkan *address* yang baru. *Website* bagi ibu tua tadi yang dia sendiri tidak mempunyai komputer dan tidak mempunyai kepakaran.

Apabila pesanan dihantar, mengikut seksyen 3(1) ini, dianggap bahawa ibu tua itu telah memberikan keizinan dan menghantar barangan atas kehendaknya. Dia tidak ada komputer selepas itu. Kalau ada jawapan balas, yang akan membalasnya bukan ibu tua tadi tetapi yang akan membalas pesanan tersebut ialah jurujual yang membuka *address* bagi pihak mak cik atau ibu tua tadi. Ini berlaku. Saya yakin akan banyak berlaku penipuan di dalam negara kita yang menggunakan e-dagang yang kita luluskan pada hari ini iaitu menggunakan seksyen 3(1) yang mengatakan bahawa apabila ada keizinan bermakna mandatori perkara itu dianggapkan sebagai transaksi yang sah.

Saya berharap pihak kementerian dapat meneliti perkara ini. Kita tidak mahu apa yang kita bentangkan pada hari ini digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk menjadikan satu asas untuk menipu pihak-pihak yang buta IT dan sebagainya. Jadi pihak kementerian, tolong lihat perkara ini.

Satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai ...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bera. Kalau kita melihat transaksi yang menggunakan e-dagang ataupun melalui *internet* ini, dalam konteks kontrak ataupun ikatan penerangan berkaitan dengan kontrak selalunya akan menyatakan beberapa perkara, syarat dan terma-terma transaksi-transaksi tersebut. Misalnya *e-banking*, kita melihat kepada *e-banking* terma yang begitu panjang. Tetapi dalam konteks *internet* tersebut, tulisan yang begitu kecil, payah dan susah difahami. Malah kalau kita hendak membaca, meneliti pun amat susah sebab dalam konteks kontrak tersebut begitu kecil tulisannya.

Biasanya kontrak, selalunya akan wujud *exception clause* ataupun klausa-klausa pengecualian yang menidakkan ataupun melepaskan tanggungjawab atau tanggungan pihak yang mengikat kontrak tersebut, terutamanya pemberi kontrak. Inilah yang selalunya menyebabkan pengguna-pengguna kita akan terjejas atau teraniaya dalam beberapa keadaan. Jadi, bagaimanakah Yang Berhormat bagi Bera melihat perkara ini dan apakah harus kita lakukan supaya kita dapat menjamin e-dagang ini nanti kalau kita wujudkan, pengguna-pengguna akan terbela. Apakah harus ada garis panduan tertentu untuk diwujudkan supaya ada standard-standard tertentu memastikan terma-terma tersebut akan dapat dilihat dan diamati dengan jelas dan mudah oleh pengguna-pengguna. Silakan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Kalau boleh saya jadikan itu sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Sebab itu saya sebutkan daripada awal bahawa masalahnya ialah Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari tidak memperincikan perlindungan kepada pengguna. Walau bagaimanapun mungkin kerana adanya satu seksyen di sini bahawa pihak menteri boleh mewujudkan peraturan-peraturan tertentu jadi saya tidak tahu adakah mungkin pihak Yang Berhormat Menteri selepas ini akan mewujudkan peraturan-peraturan tersebut seperti yang diminta oleh rakan-rakan tadi.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Di sini saya hendak menceritakan kawan saya dari segi transaksi elektronik ini. Beliau membeli satu barangan melalui transaksi elektronik ini di luar negara.

Walaupun bagaimanapun, beliau telah dua kali, di'bil' dua kali. Bil yang pertama sampai betul, beliau membeli barang dan beliau menerima barangan tersebut. Tetapi bil yang kedua sampai mengenai dengan barangan yang sama. Tetapi, barang ini pun selepas beliau membuat tuntutan, beliau mendapat balik wang yang telah tersalah bil, tetapi dengan kurangan kerana berlaku pertukaran duit antarabangsa. Jadi, kesannya pengguna tadi rugi. Jadi cuba bayangkan kalau beberapa kali beliau kena begitu, dia kata sentiasa rugi. Bagaimana perlindungan? Minta pandangan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Inilah yang saya kata contoh-contoh tadi mengenai kelemahan yang ada pada undang-undang kita, yang kita bentangkan pada hari ini, kerana tidak ada jelas. Lebih malang lagi, seperti mana yang saya sebutkan, bahawa kita tidak boleh menggunakan Akta Perlindungan Pengguna 1999 ini untuk melindungi pengguna. Cuma mungkin pihak menteri kata, ada peruntukan-peruntukan lain. Boleh rujuk kepada *Sale of Goods Act*, Akta Kontrak dan sebagainya. Tetapi seperti saya kata tadi, rakan saudara mungkin beli barang harga RM100.00 dan kalau tak dapat duit tadi, saya yakin dia tak akan pergi ke

mahkamah untuk menuntut duit itu. Saya yakin. Inilah yang kita takuti yang telah saya sebutkan tadi. Saya nak beralih kepada apa yang dibangkitkan oleh..

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Sebelum Yang Berhormat beralih, kalau dapat saya persembahkan..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Berkaitan dengan akta-akta yang berkaitan dengan e-Dagang ini ialah Akta-akta Kontrak misalnya, dan dalam Akta Kontrak, yang berkaitan dengan bidang kuasa adalah satu perkara yang kita nampak boleh menimbulkan sedikit permasalahan dari segi penguat kuasa kontrak tersebut. Sebab kalau kita melihat misal kata dalam bidang kuasa, kalau kita melihat di Sarawak sahaja, bidang kuasa mahkamah kita ada bahagi dua. Satu, bidang kuasa Mahkamah Tinggi Malaya, satu lagi Mahkamah Tinggi Borneo. Jadi, misal kata e-Dagang tersebut berasaskan pembekalnya ialah daripada Semenanjung ataupun dari Kuala Lumpur dan kontrak tersebut diorder daripada Sarawak. Jadi di mana bidang kuasa? Itu baru kita melihat dari segi bidang kuasa mahkamah di Malaysia.

Bagaimana pula kalau kita melihat pada bidang kuasa peringkat yang lebih besar, di peringkat Asean misal kata. Peringkat dunia, misal kata. Jadi di manakah bidang kuasa? Adakah perintah mahkamah yang meluluskan tuntutan pengguna tadi di Malaysia akan diterima pakai di Singapura, di Thailand ataupun di mana-mana di dunia? Apakah konteks ini akan dapat kita selesaikan sebab dalam akta ini, saya melihat tidak ada peruntukan berkaitan dengan bidang kuasa. Berkaitan dengan siapa yang mempunyai bidang kuasa untuk menguatkuasakan perundangan?

Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, saya rasa kita sependapat dalam soal ini, iaitu soal bidang kuasa. Seperti yang saya bangkitkan tadi, tentang rakan saya belikan tiket, tiket tengok *World Cup* di Jerman. Akhirnya tiket tidak ada apabila sampai ke Jerman. Jadi berbalik kepada bidang kuasa. Jadi saya ingin pergi kepada isu ketiga iaitu mengenai isu yang dibangkitkan tadi, iaitu adakah data-data peribadi kita dilindungi? Misalnya kita membeli barangan melalui elektronik, melalui e-dagang tadi, dan kita memasukkan *detail*, mengenai data kita. *Detail* mengenai data nombor kad kredit kita dan sebagainya. Adakah ia dilindungi? Di dalam rang undang-undang ini tidak ada. Tidak ada perlindungan mengenai akta data peribadi kita tidak diexploit oleh pihak-pihak tertentu. Mungkin pihak Yang Berhormat Menteri ingin mengatakan ada undang-undang lain.

Saya tidak tahu ada undang-undang lain, kerana sehingga hari ini, Undang-undang Perlindungan Data, *Data Protection Act*, masih lagi tidak dibentangkan di dalam Parlimen ini. Bermakna, kalau kita luluskan undang-undang ini dan kita mula berdagang menggunakan elektronik dan sebagainya, data perlindungan peribadi kita masih tidak dilindungi kerana tidak adanya satu undang-undang khusus untuk melindungi data peribadi kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bera. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi yang mengatakan data-data peribadi itu tidak ada perlindungan. Sebenarnya, kalau kita melihat sejak 10 tahun yang lalu, Kerajaan Malaysia telah bercadang untuk menjadikan MyKad itu sebagai satu mekanisme untuk kita memperluaskan lagi perkhidmatan melalui e-dagang ataupun dengan cara pembayaran elektronik. Tetapi yang menghampakan sampai hari ini, MyKad dari segi kejituan, ada yang agama Kristian jadi Buddha macam saya, saya pun tak tahu macam mana? Data tak tepat dan bagaimana ia boleh digunakan sebagai satu cara untuk pembayaran dengan lebih jitu.

Saya hendak dapatkan pandangan dan penjelasan Yang Berhormat, sebenarnya begitu lama kita mengatakan tentang *e-wallet*. Itu adalah salah satu *flagship* MSC, tapi sampai sekarang tak berjaya kerana bank masih lagi suka dengan *credit card* kerana boleh mengenakan kadar bunga yang tinggi satu persen atau dua peratus. Sekarang kalau gunakan *e-wallet*, mereka cuma mengenakan kadar minimum sahaja. Jadi kalau kita hendak menjayakan ini, saya khawatir ia menjadi satu *white elephant* atau apa yang berlaku kepada MyKad kita ini, sebenarnya ada dalam saku kita, setiap hari tetapi tak boleh digunakan. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya tak tahu macam mana nak komen mengenai *e-allet*, e-kad, MyKad dan sebagainya. Sebab yang saya nak tekankan di sini ialah sama ada menggunakan, yang saya bimbang ini adalah apabila Yang Berhormat bagi Ayer Hitam misalnya, memesan barangan. Memasukkan nombor IC, nombor kad pengenalan, nombor, nama ibu, nama ibu, merupakan...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sekejap sahabat saya Batu Pahat. Nama ibu, nama ibu mesti diminta untuk itu sebagai pin yang terakhir itu, nombor rahsia. Tetapi apabila kita masukkan di dalam pesanan kita dan memasukkan segala-gala nama ibu dan sebagainya, tidak ada siapa yang berhak untuk menghalang mana-mana syarikat itu untuk berkongsi data peribadi kita dengan orang lain. Walaupun dari segi etikanya salah, tetapi tidak ada perundangan yang menyekat perkara tersebut. Betul, kita boleh cakap soal etika. Tetapi hari ini, kita tidak bercakap soal etika kerana kita bercakap soal perundangan. Tidak ada satu undang-undang untuk menyekat ini. *Personel Data Protection Act* yang dah lama diminta, masih belum dibentangkan dan masih belum diluluskan. Saya sudah tiga kali bercakap soal ini di Parlimen kerana bimbang, misalnya Yang Berhormat bagi Jerai, dia ada isteri berapa, dan sebagainya di dalam data peribadi dia boleh dikongsi oleh sesiapa sahaja.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya beri Batu Pahat dahulu, lepas itu Yang Berhormat bagi Jerai.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, pesanan melalui internet ataupun elektronik ini dah lama berlaku. Dah lama kita buat dan telah berjaya secara yang saya rasa ini sudah berjaya. Jadi apabila saya mendengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat tadi, memang saya tak nafikan. Salah satu sebab ialah perlindungan kepentingan pengguna. Tetapi adakah Yang Berhormat kata kita nak tolak rang undang-undang inikah, atau macam mana Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Okey, Jerai, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terutama Tuan Yang di-Pertua, saya nak ucapkan terima kasihlah, tadi Tuan Yang di-Pertua tak masuk mai. Pasal kelmarin Tuan Yang di-Pertua belanja makan durian. Bagus.... [Ketawa] Dak, semua ini terima kasihlah. Durian pun bagus Tuan Yang di-Pertua. Durian Kucing tidur, apa semua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu cerita semalam. Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita dok tunggu Pengerusi Fama pulaklah ataupun Kementerian Pertanian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sama-sama.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya nak tanya 'Begha' ni.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]: Bera, Bera.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bera.... [Ketawa] Kena ubah namalah. Bunyi pelik sangat. Kita banyak ini, segala 'e' tak 'e' ini, hari ini kita tengok Tuan Yang di-Pertua, *intelligent building*. *Everywhere, talking about intelligent building*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak depa kata saya *out-dated*.... [Ketawa] Tetapi, orang yang nak menguruskan bangunan itu tak *intelligent*. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, dia akan jadi bangunan yang biasa balik. Saya masuk bangunan *intelligent building* ini ataupun bangunan *intelligent* ini panggil apa? *Intelligent* lah!!.... [Ketawa] Saya tak nampak bangunan pintar ini. Saya tak nampak apa yang keistimewaan, kelebihan dia.

Saya naik pi *twin tower intelligent*, tetapi saya tidak nampak tang mana *intelligent* dia, lagi susah. Sampai kadang-kadang masyarakat hendak masuk Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kad itu, tidak pi tempek kad itu di pintu, pintu tidak buka. Ramai orang kampung mai, dia belah pintu itu, fasal dia ingatkan apabila pijak terbuka, dulu jenis pijak terbuka, *lat* ini rupanya kena pi bawa kad itu pi tempek di pintu, baru dia.... "Sreet" bunyi pintu terbuka.

Jadi, kita benda-benda yang baru ini, kita hendak memudahkan orang masyarakat dan pertamanya, keduanya kita kena didik masyarakat itu memahami apa yang kita hendak buat dan pokok dia Tuan Yang di-Pertua, ialah *human* juga manusia juga. Dia 'e' ke apakah, dia kena

start dengan manusia juga. Kalau tidak macam Yang Berhormat kata tadilah, dia *online* di Jerman, tetapi sana tidak ada tiket. Fasal apa, yang hendak bagi tiket itu bukan mesin, manusia.

Jadi dia *online* masa jawab balik itu *on*, dia pi pula itu, dia hilang kuat angin macam mana tidak sampai. Yang ini Tuan Yang di-Pertua, bodoh-bodoh cakap kampung Tuan Yang di-Pertua, saya ingat pelajar-pelajar universiti kita sendiri pun hak yang dah peringkat itu pun dia tidak berapa faham lagi dan tidak memahami. Jadi apa salahnya kita bergerak peringkat demi peringkat macam la ini *paperless hospital*. Saya pergi tengok pun celaru juga. Kadang-kadang dia suruh silap orang masuk bilik pembedahan fasal tidak ada kertas. Dia main dengan komputer sahaja, tersilap sorong tidak aniaya orang itu dan daripada perangkaan yang saya dapat, *paperless hospital* ini lagi banyak menggunakan *paper* daripada yang kita kata tidak pakai *paper*. Jadi yang ini pun Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang masyarakat kampung dia buat tidak apalah, yang tua-tua itu tidak boleh, tetapi yang baru ini kita kena memperbanyakkan memperkenalkan tentang segala 'e' 'e' yang kita hendak buat ini.

Sekadar pelajar-pelajar yang mai hari ini pun memang pakai *tie* segak Tuan Yang di-Pertua, fasal depa pun 'e' tidak erti. Depa pun kena belajar. Kalau peperiksaan kalau 'e' itu *fail* lah. Tetapi, sekarang ini kita guna segala-galanya 'e'. Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, bahawa fahaman pendidikan asuhan dan untuk mengimplementasikan segala sistem baru ini, harus diambil kira kebolehan dan kepintaran.

Macam saya dengan Yang Berhormat bagi Arau, saya guna *lap top* Yang Berhormat bagi arau untuk hendak datang sesuatu, kita dapat *world*. Macam ini cakap fasal 'e' ini, semua sudah di simpan dalam *lap top* fasal Yang Berhormat hendak balik Arau, saya tidak boleh guna. Tetapi, baguslah benda ini benda baru. Tidak lama hendak *order* durian dari Perak Tuan Yang di-Pertua, kita 'e' dari sini, durian sampai. Jadi itulah pandangan Yang Berhormat, setuju tidak dengan saya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang pertamanya kepada Yang Berhormat bagi Batu Pahat tadi. Sama ada kita, kita bukan hendak menolak, tetapi mungkin kalau boleh dipinda, dipinda. Tetapi, kalau tidak boleh dipinda sekali pun seperti yang saya katakan tadi, ada alternatif dia. Yang pertamanya kerana Rang Undang-undang ini membenarkan pihak Yang Berhormat Menteri membuat peraturan dan sebagainya, mungkin boleh membuat peraturan menggunakan akta ini, peraturan ini Rang Undang-undang ini. Ataupun yang kedua seperti saya kata tadi, meminda Seksyen 22G di dalam *Consumer Protection Act* 1999 ini. Jadi itu cadangan sayalah. Bukan kita hendak tolak Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, bahawa pendidikan komputer ini perlu.

Negara kita walaupun dari segi *penetration level* sudah agak tinggi, tetapi penggunaan komputer bukanlah begitu meluas dan difahami oleh semua pihak. Di kampung-kampung Yang Berhormat pun tahu bagaimana hendak ada komputer kalau talian pun tidak ada, bagaimana hendak ada komputer di hulu Sabah hulu Sarawak kalau elektrik pun masih belum ada. Jadi ini

adalah *basic* asas yang perlu juga kita pertimbangkan. Walau bagaimanapun, ini isu lain, ini isu pembangunan. Tetapi, saya bersetuju bahawa pendidikan ini perlu. Supaya kita lebih memahami. Sebab jika tidak, yang saya gambarkan tadi, yang penyalahgunaan kuasa di bawah Seksyen 3 tadi, yang saya gambarkan daripada awal tadi, bawah 3(1) tadi. Saya menggambarkan ibu tua yang buta IT, tetapi ia juga boleh berlaku kepada orang muda yang buta IT sebab dari segi pendidikan IT itu masih belum menyeluruh kepada semua. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai supaya pendidikan IT ini kita perhebatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi pandangan. Sepanjang saya meneliti Rang Undang-undang ini, saya tidak ada banyak masalah untuk bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Sebab dalam negara kita beralih ke zaman yang lebih canggih mendedahkan penggunaan IT seperti Yang Berhormat bagi Batu Pahat saya setuju. Kita sudah guna banyak dan dalam kita meluluskan Rang Undang-undang, kerajaan bukan sahaja saya rasa memberi penekanan kepada hukuman yang perlu dikenakan, kita terpaksa juga melihat bagaimana kita boleh menambahbaikkan sistem yang ada. Jadi hari ini saya rasa Rang Undang-undang ini mungkin pada saya, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat bagi Bera, saya setuju mungkin dari segi kepenggunaannya tidak dilihat, mungkin dari segi pengusaha yang terlibat, peniaga yang menggunakan sistem dan dia tidak juga minta semua orang pakai, tetapi kita kena ingat ada industri tertentu yang cukup banyak menggunakan perkara-perkara yang melibatkan e-dagang.

Jadi bagaimana kerajaan bertanggungjawab, ialah dengan menyediakan satu Rang Undang-undang dan saya juga ingin kalau hendak menyentuh kita boleh melihat *Cyber Law* yang mungkin belum cukup mantap seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Tetapi dalam ini saya rasa tidak susah untuk bersetuju sebab dia hanya menyediakan satu peraturan cara bagaimana kita boleh memantapkan perdagangan secara elektronik yang boleh dimanfaatkan oleh golongan yang telah pun menggunakan sistem sedia ada dan saya ingin minta pandangan Yang Berhormat bagi bera, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan suatu akta yang lebih komprehensif untuk melihatkan perdagangan 'e' secara keseluruhan, ataupun bersetuju dahulu dengan bagaimana kita boleh mendidik dengan cara menyediakan dokumen-dokumen tertentu kerana selama ini kita belum ada satu rang undang-undang yang memantau atau mengurus selia transaksi secara e-dagang ini.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang kita perlu lihat kepada dua kumpulan yang menggunakan 'e' iaitu pemberi dan penerima. Memang betul, syarikat-syarikat gergasi dan sebagainya bagi mereka lebih baik menggunakan e-dagang. Lebih baik, kerana selain daripada *paperless* seperti yang dikatakan dengan izin kegunaan buruh juga amat berkurangan. Pekerja-pekerja berkurangan. Mereka boleh menjimatkan banyak kos jika menggunakan 'e'. Yang saya tekankan tadi bukan bahawa Rang Undang-undang ini tidak

lengkap dari segi kaedah transaksi. Saya katakan undang-undang ini baik dari segi kaedah transaksi kerana menceritakan dengan jelas dari segi *offer*, dari segi tawaran, penerimaan, dari segi bagaimana untuk tanda tangan, cukup jelas. Tetapi kita perlu lihat dari segi sudut pengguna.

Yang saya tekankan ini adalah sudut pengguna kerana untuk berjaya dalam e-dagang undang-undang yang ada mesti diyakini oleh pengguna kerana kalau pemberi sahaja yang mendapat faedah yang baik daripada undang-undang ini, sedangkan pengguna kurang dilindungi, jadi akhirnya akan menyebabkan hilang keyakinan pengguna untuk menggunakan e-dagang ini dan jika ini berlaku, maka harapan kita supaya negara kita bergerak lebih maju dan ‘e’ dijadikan sebagai asas kita dari segi perniagaan dan sebagainya akan gagal. Jadi sebab itulah saya tekankan bahawa perlindungan pengguna amat perlu.

Yang pertama dari segi perdagangan yang akan berlaku. Yang kedua, dari segi kemanusiaan kita kepada pengguna-pengguna yang selama ini telah banyak menerima akibat daripada perniagaan-perniagaan yang tidak lurus dan sebagainya. Dan seperti yang saya katakan bahawa undang-undang ini tidak mempunyai satu peraturan jelas untuk melindungi pengguna. Jadi saya akan sambung mengenai perlindungan data tadi.

Untuk pengetahuan Majlis ini bahawa di negara-negara lain yang bersaing dengan kita untuk menjadikan negara sebagai negara IT dan sebagainya. Dubai misalnya, Dubai dan India sebuah negara yang disebut-sebut sebagai saingan kita. Dubai lebih baru daripada kita, kita dah lama MSC, tapi Dubai baru. Tetapi mereka sudah mempunyai peraturan-peraturan yang jelas di dalam melindungi undang-undang, yang mempunyai peraturan untuk melindungi data-data peribadi. Walaupun mereka baru, tetapi mereka sudah mempunyai perundangan ataupun peraturan yang jelas. Saya takut ianya akan menggagalkan harapan kita untuk menjadikan Malaysia sebagai *outsourcing hub*. Ini yang diperkatakan oleh pemimpin kita untuk menjadikan Malaysia sebagai *outsourcing hub* dan sebagainya. Kerana jika tiada undang-undang perlindungan data peribadi sukar untuk kita membawa syarikat-syarikat ke negara kita.

Syarikat di Eropah misalnya, syarikat-syarikat di Eropah tidak dibenarkan membawa keluar maklumat data peribadi sekiranya tidak ada undang-undang yang melindungi data peribadi rakyat Eropah. Saya rasa kita perlu tahu perkara ini sebab perkara ini disebutkan dengan jelas di dalam *Article 25, EU Directive on Data Protection*, tidak boleh. Kita ingin jadi *outsourcing hub*, kita ingin bawa macam-macam ke negara kita tetapi *Article 25, EU Directive* mengatakan tidak boleh dibawa *personal data* rakyat di Eropah ke negaranya ini jika kita tidak ada mempunyai undang-undang yang melindungi data peribadi mereka.

Jadi, saya tak tahu bagaimana pihak menteri ingin melakukannya. Saya berharap perlu ada satu perundangan yang jelas mengenai perlindungan data peribadi. Jika tidak pengguna yang begitu *excited* dengan izin, untuk menggunakan ‘e’ dan sebagainya, memasukkan data peribadinya di dalam komputer, menghantar kepada syarikat-syarikat yang menjual barangan.

Dan dalam masa yang sama data peribadi saya, data peribadi Tuan Yang di-Pertua, data peribadi Yang Berhormat Menteri, data peribadi Yang Berhormat bagi Muar yang bangun pada hari ini akan dikongsi oleh sesiapa sahaja tanpa had. Ini akan memberi kesan kepada kita sebagai individu yang sepatutnya dilindungi semua data-data kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat bagi Bera, saya setuju dari segi data-data peribadi pengguna dalam e-dagang ini perlu dilindungi. Saya cuma nak tanya pandangan Yang Berhormat sebagai kerajaan dalam kita menggubal atau meluluskan Rang Undang-undang ini. Bagaimana kita boleh memastikan bahawa satu-satu transaksi itu tidak melanggar peraturan negara kita. Kalau kita bawa barang masuk melalui pelabuhan ataupun lapangan terbang, kita boleh periksa barang-barang ini. Tetapi kadang-kadang ada keterbukaan keluasan pilihan, mungkin ada barang-barang larangan yang dibeli oleh pengguna dan bagaimana kerajaan boleh menggunakan kuasa mereka untuk menghalang daripada kemasukan barang-barang terlarang ini kerana pengguna hari ini bebas untuk membeli barang-barang yang dijual dalam *website* tertentu. Bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Bera kita boleh menghalang kemasukan barang-barang terlarang ke dalam negara kita.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Saya juga ingin bersama-sama dengan Yang Berhormat bagi Muar untuk bertanya soalan yang sama kepada Yang Berhormat Menteri. Jadi kebenaran daripada Yang Berhormat bagi Muar ya, kebenaran daripada Yang Berhormat untuk memasukkan di dalam ucapan saya. Soalan Yang Berhormat tadi kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana kita nak menyekat barangan yang tidak diizinkan ke dalam negara kita melalui e-dagang tadi. Ya, Yang Berhormat bagi Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat bahawa dengan adanya Akta Perdagangan Elektronik ini, saya kira ianya satu Akta yang bersesuaian diperkenalkan pada hari ini. Tapi dalam masa yang sama bercakap tentang soal penggunaan media dan pembangunan elektronik ini. Satu perkara yang saya kira dah menjadi perkara yang biasa dalam masyarakat kita. Jadi ini bererti bahawa kita juga mengambil maklum tentang mereka-mereka yang menyalahgunakan undang-undang ataupun kemudahan-kemudahan yang diwujudkan untuk kepentingan ramai.

Jadi apabila Yang Berhormat bercakap mengenai perlindungan data maklumat peribadi ini, itu tak menjadi masalah Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat kepada yang menyalahgunakan? Di negara kita ini banyak orang yang cerdik pandai, apa jua kita buat, setebal mana pun *firewall* dengan izin, kita sediakan untuk menjaga kerahsiaan data maklumat untuk tidak disalahgunakan, tetapi dalam masa yang sama begitu jugalah rajin dan cekapnya pihak-pihak yang cuba menyalahgunakan kesempatan yang ada ini.

Jadi kalau kita nak masih lagi berdepan dengan keadaan itu, sekiranya kita berdepan dengan keadaan yang sedemikian, maka adakah Akta ini akan merujuk pesalah-pesalah

berkenaan yang telah mencabul Undang-undang Perdagangan Elektronik ini kepada Mahkamah Perindustrian yang pada hari ini kita tahu ianya merupakan satu fenomena di mana *backlogs* semakin hari semakin meningkat. Tetapi dalam masa yang sama kesalahan untuk penyalahgunaan kemudahan yang ada ini saya kira akan berlaku dan merebak begitu meluas sekali. Oleh kerana kita tengok kadang-kala adanya fitnah yang dibuat melalui SMS ini, yang kadang-kala kita tidak mengetahui sumber sesuatu seperti mana dalam Akta yang telah diwujudkan pada hari ini, Fasal 17 yang menyentuh tentang soal anggapan mesej elektronik.

Ini bererti bahawa kita akan hanya menambah kepada kesulitan yang ada. Bersetujukah Yang Berhormat sekiranya satu panel ataupun satu suruhanjaya diwujudkan untuk membuat keputusan mengenai kesalahan-kesalahan yang dilakukan ataupun penyalahgunaan kemudahan-kemudahan yang diwujudkan melalui Akta ini, suruhanjaya tersebut diwujudkan bagi mengurangkan karenah birokrasi dalam penentuan kesalahan-kesalahan yang ataupun perkara-perkara yang bercanggah dengan undang-undang yang kita adakan pada hari ini.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya lihat tiga perkara yang saya dapat *digest* tadi daripada apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Mengenai undang-undang tadi, mahkamah mana? Inilah persoalannya mahkamah mana? Saya tahu Yang Berhormat Menteri akan menjawab bahawa mahkamahnya kita rujuklah kepada seksyen 4 iaitu kita boleh gunakan undang-undang lain. Kalau ada kesalahan kontrak, Undang-undang Kontrak, kalau barangan yang di *order* itu tidak menjamin, kita tidak selesa dengan barang yang kita terima mungkin *sales of goods* dan sebagainya.

Tapi daripada awal lagi saya sudah mencadangkan supaya kita wujudkan sesuatu seperti yang ada di bawah, seperti dalam Akta Perlindungan tadi. Satu perkara yang jelas. Dan mengenai suruhanjaya tadi, ya saya setuju bahawa perkara-perkara kes kecil yang melibatkan RM50, RM100 dan sebagainya tidak akan hendak dibawa ke mahkamah, perlu ada tribunal khusus.

Soal suruhanjaya dan sebagainya sudah ada di dalam akta ini. Suruhanjaya, tribunal dah ada dalam Akta Perlindungan Pengguna yang saya katakan tadi tidak boleh gunakan kerana ada seksyen 22G tadi. Itulah yang saya lontarkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk ambil jalan mudah, pinda seksyen 22G kalau hendak. Kalau tidak hendak ambil jalan mudah adakan satu peraturan baru yang mengandungi segala perkara soal kesalahan, soal *remedy*, soal tribunal, soal suruhanjaya dan sebagainya yang semuanya untuk melindungi pengguna.

Satu lagi yang saya nampak apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah mengenai perkara-perkara kesalahan yang di luar daripada bidang perdagangan seperti SMS yang bukan-bukan, SMS fitnah, SMS jahat dan sebagainya. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, saya tahu mungkin jawapannya kerana ini perdagangan masa kita perlukan satu undang-undang perdagangan. Tapi mengapa tidak ambil kesempatan apabila kita merangka satu undang-undang kita meluaskan perkara-perkara ini lebih daripada soal

perdagangan kerana perkara ini berlaku di dalam undang-undang negara lain. Misalnya soal tawaran, soal pengisytiharan, notis dan sebagainya yang sekarang ini semuanya dibuat melalui elektronik sekarang. Mengapa tidak dimasukkan di dalam perundangan ini.

Saya hendak ambil contoh pada hari ini ada pelajar-pelajar daripada sekolah. Sekarang ini tawaran untuk masuk ke UiTM contohnya. Keputusan periksa dikeluarkan melalui internet boleh *check*. Apa kata tiba-tiba keputusan yang keluar berbeza dengan keputusan yang sebenar. Di dalam internet berbeza, di luar berbeza. Tidak termasuk di dalam perkara ini kerana ini hanyalah khusus untuk perdagangan dan undang-undang tadi tidak dilindungi lagi. Tidak ada undang-undang yang melindungi perkara itu. Apa kata kalau ada tawaran kepada pelajar-pelajar lepasan SPM. Tawaran masuk ke UiTM contohnya keluar dalam internet mengatakan tahniah anda berjaya. Tiba-tiba pergi tidak berjaya. Kepada undang-undang mana kita hendak rujuk dan undang-undang ini tidak mungkin kerana ini hanya undang-undang elektronik semata-mata.

Sepatutnya kita mengambil kesempatan sebab tidak salah kerana di negara lain ada. Di negara lain undang-undang e-dagangnya merangkumi perkara-perkara lain yang tidak melibatkan perdagangan. Di negara lain seperti Singapura, Australia, New Zealand, USA, Thailand dan lain-lain mempunyai undang-undang dagangnya yang memasukkan perkara-perkara lain yang tidak melibatkan perdagangan di dalam satu undang-undang. Begitu juga di dalam *United Nation Convention on the Use of Electronic Communication in Internal Contract 2005* dan juga *UNCITRAL Model Law on Electronic 1996*. Dua undang-undang ini *UNITED NATION*. Undang-undang daripada *United Nation*, *UNCITRAL* ini ianya merangkum semua sekali di dalam satu undang-undang. Tetapi kita mungkin pihak Yang Berhormat Menteri kata selepas ini kementerian yang berkaitan akan membentangkan undang-undang lain yang melibatkan elektronik mengenai kementerian masing-masing-masing.

Kalau itulah jawapannya saya ucapkan terima kasihlah tetapi jika ada berlaku pelanggaran, jika ada berlaku kesilapan seperti yang saya sebutkan tadi kepada siapa kita hendak rujuk, kepada siapa *remedy* mana yang kita akan ambil untuk membantu dan juga melindungi perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Jadi itulah persoalannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak habis sudah. Satu lagi yang saya hendak tanya ialah mengenai mesej yang disimpan secara elektronik. Ini Cuma persoalan saya. Soalan saya ialah kalau bila kita sebut elektronik, Seksyen 5 mengatakan mesej yang disimpan secara elektronik. Katakan satu panggilan telefon. Sebab di dalam definisi tentang elektronik tadi *electronic communication* termasuklah dari segi telekomunikasi dan sebagainya. Contoh, satu panggilan telefon direkodkan di dalam pita disimpan. Direkodkan dan disimpan. Adakah ianya merangkumi di dalam Seksyen 5 yang ada pada hari ini. telefon, simpan tawaran yang dibuat melalui telefon dan disimpan di dalam peti

rakaman. Jadi saya harap pihak Yang Berhormat Menteri cuba menjawab perkara ini. saya hendak ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ringkaskan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Di dalam seksyen-seksyen ini juga saya lihat di dalam misalnya Seksyen 7 dalam bahasa Inggeris mengapa disebutkan *proposal* apabila bercakap soal kontrak. Seksyen 7(1) misalnya mengapa disebutkan *communication of proposal*. Saya tidak faham mengapa kita berbeza daripada penawaran dan penerimaan daripada kontrak. Kalau kontrak kita sebut *offer and accepted*. Kenapa di dalam soal ini kita tidak sebutkan *offer* tetapi kita sebutkan sebagai *proposal* sedangkan kalau kita lihat di dalam UNICTRAL *Model Law on Electronic* yang saya sebut tadi UNCITRAL *Model Law on Electronic...*, yang saya sebut tadi dalam Artikel 11 yang juga mengenai perdagangan e-dagang tadi mereka menggunakan perkataan *offer and accepted*. Dia tidak menggunakan *proposal and accepted*. Jadi saya harap cuba Yang Berhormat beri jawapan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, Fasal 5 yang jelas menghuraikan mengenai urus niaga perdagangan ini apa pandangan Yang Berhormat adalah wajar supaya urus niaga perdagangan ini ianya perlulah bersifat ataupun berbentuk *contractual* sahaja kerana di sini kita juga mengiktiraf urus niaga perdagangan ini perkara-perkara yang tidak bersifat *contractual*. Salah seorang saya tidak perlu sebut mana satu Yang Berhormat yang duduk di sebelah saya bercerita. Ini elok juga pelajar kita ada ini, apabila anak perempuannya yang menerima SMS daripada rakan-rakan mereka. Kalau kita lihat urus niaga perdagangan ini bererti komunikasi sehalu atau komunikasi pelbagai yang bersifat perdagangan sama ada berbentuk *contractual* atau tidak termasuk perkara-perkara yang bersabit dengan perkhidmatan. Perkhidmatan maknanya dia memberi persetujuan dengan sesuatu kehendak dan mendapat bayaran. Itu bererti perkhidmatan.

Jadi dalam hal ini kalau ianya tidak bersifat *contractual* sesuatu permintaan daripada seorang pelajar lelaki kepada pelajar perempuan meminta dia untuk pergi ber *dating* dengan izin. Tapi setengah permintaan SMS dia dapat pergi ber *dating*. Itu maknanya satu perkhidmatan kerana Tuan Yang di-Pertua dia bawa pergi minum kopi di kedai dan minuman dan makanannya dibayar. Maka itu satu perkhidmatan. Tetapi kalau kita juga membenarkan urus niaga perdagangan ini melalui elektronik itu dibuat secara tidak *contractual* maknanya adakah ini bererti bahawa sekiranya pelajar perempuan ini tidak bersetuju. Dahulu bersetuju lepas itu tidak bersetuju, kek sudah *order*, kopi sudah siap semua sekali di restoran menunggu dia, adakah pelajar lelaki yang menghantar SMS atau mesej elektronik ini boleh mendakwa penerima. Ini macam Yang Berhormat kata tadi ada isu pemula ada isu penerima dalam akta ini. Apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Saya.., dari akta ini adalah tentang kontrak, saya nampak untuk mewujudkan satu kontrak. Adalah transaksi yang ke arah mewujudkan satu kontrak. Sebab itu saya katakan tadi bahawa perlu diperluaskan akta ini, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pontian tadi, bahawa kalau perkara-perkara yang tidak melibatkan kontrak sekalipun, soal yang saya sebutkan tadi, soal yang tidak melibatkan kontrak sepatutnya juga disebut di dalam akta ini, tidak hanya secara spesifik kepada kontrak semata-mata.

Sebab tidak salah, saya sudah sebut tadi yang *United Nation on International Trade Law* tadi ada, walaupun ini soal itu, tetapi skop dia lebih luas, yang mengikat perkara-perkara lain. Dan kalau dalam akta ini memang tidak..., rang undang-undang ini memang tidak diperjelaskan mengenai perkara-perkara lain selain daripada yang disebutkan di dalam rang undang-undang ini. Kalau soal misalnya Yang Berhormat buat tawaran untuk kahwin dengan seorang perempuan, kemudian lepas itu tidak jadi kahwin, mereka tidak boleh menggunakan akta ini sebenarnya untuk menyamakan Yang Berhormat kerana tidak ada wujud khidmat, kerana rang undang-undang ini tidak merangkumi perkara-perkara yang lain selain daripada perdagangan.

Jadi sebenarnya saya tidak hendak jawab, sebab kalau jawab nanti Yang Berhormat Menteri kata siapa Menteri, saya ke dia, jadi sepatutnya Yang Berhormat Menteri yang jawab perkara ini. Tetapi itu pandangan saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak merujuk kepada perbahasan Rang Undang-undang ini supaya kita melihat bagaimana satu jaminan tentang e-dagang, kerana ini berlaku ke atas Ahli Parlimen itu sendiri, yang merupakan salah seorang penggubal dasar. Saya bagi contoh secara spesifik, untuk mendapatkan pandangan Yang Berhormat. Dia membuat tempahan melalui *internet* untuk menyaksikan perlawanan bola sepak liga Inggeris yang mungkin pertama kali di negara berkenaan, membawa *family* nya dengan tempahan untuk empat orang, dengan pengesahan dibuat bahawa bukan sahaja tempahan, bayaran telah pun dibuat dan diberitahu tiket hendaklah diambil di stadium yang berkenaan, di tempat yang berkenaan. Tetapi malangnya dengan surat pengesahan atau pun resit pengesahan yang dibawa, beliau pergi ke stadium yang berkenaan tetapi masing-masing mengatakan bahawa tidak ada, tidak ada pengesahan yang dibuat, sedangkan wang telah pun dibayar, bukan sikit.

Kalau satu tiket dikatakan RM2 ribu, bayangkan kalau empat tiket sudah berapa RM8 ribu. Jadi bagaimana kalau e-dagang ini akan dapat memberi satu jaminan, ini mungkin satu contoh di mana industri bola sepak ini merupakan satu industri yang telah menjadi ikutan, mungkin barangkali saya lihat, saya tidak tahu untuk piala dunia ini tidak ada tempahan e-dagang, saya tidak tahu kerana ia dibuat melalui persatuan-persatuan bola sepak negara berkenaan, di mana tiket-tiket tersebut dinyatakan nama, kalau di Malaysia disebut Persatuan Bola Sepak Malaysia, saya bagi contoh. Kalau negara Brunei disebut Persatuan Bola Sepak

Brunei. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apakah satu jaminan, kalau tadi Yang Berhormat bagi Pontian bagi contoh tentang pesanan, tentang tempahan, yang telah disahkan untuk perkara yang berbeza. Tetapi inilah dia.

Jadi kalau kita melihat satu kemajuan, globalisasi pada hari ini, tentang kemudahan-kemudahan yang disediakan, tetapi apakah jaminan kalau bayaran telah dibuat akhirnya orang yang berkenaan menanggung kerugian. Jadi apakah, di manakah, siapakah yang akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan segala pesanan, segala tempahan dan sebagainya dalam soal ini. Apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi asas kontrak memang sepatutnya tidak wujud. Asasnya memang sudah ada, iaitu ada tawaran, ada penerimaan dan ada pembalasan, ada *offer*, ada *acceptance* dan ada *consideration*. Dengan itu wujud satu kontrak di antara kawan Yang Berhormat, saya rasa kawan Yang Berhormat itu, mungkin Yang Berhormatlah kot, sebab yang suka tengok bola ini tidak ada orang lain daripada Naib Presiden bola sepak. Saya kira Yang Berhormatlah kena tipu tadi, contoh.

Sebenarnya sudah ada wujud satu kontrak iaitu antara Yang Berhormat dengan syarikat tadi. Sebab dia menawarkan Yang Berhormat setuju menerima penawaran dan sebagai balasan dia hantar duit dan ada resit penerimaan. Saya kira sudah wujud satu kontrak. Tetapi soal yang kita sudah bangkitkan daripada awal ialah dari segi *jurisdiction*, dari segi bidang kuasa, itu yang kita sudah bincangkan daripada awal tadi Yang Berhormat. Di mahkamah mana, di mahkamah yang menerima atau di mahkamah yang membuat permintaan. Adakah mahkamah Yang Berhormat atau di mahkamah di sana, di England sana.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Sebelum perkara ini pergi kepada peringkat tuntutan, mungkin barangkali satu pendekatan perlu dibuat di atas agen-agen yang mungkin sewenang-wenangnya membuat pengiklanan dalam e-dagang yang boleh, bukan sahaja menarik *consumer*, dengan izin pelanggan, tetapi yang penting ialah di sini bagaimana keyakinan ini dapat berterusan kerana kita tidak mahu penipuan ke atas segala pembelian dan juga perhubungan, di akhirnya kita tidak ada, siapa yang akan bertanggungjawab ke atas segala urusan yang berlaku. Kalau tuntutan belum tahu, bahawa tuntutan itu boleh diperolehi mengikut jadualnya, tetapi apakah ada satu cara di mana tindakan-tindakan yang boleh menghalang, menyekat mereka yang membuat pengiklanan segala tawaran ini, tidak secara berleluasa. Apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat. Sebab itulah saya daripada awal, saya sudah bentangkan bahawa perlu ada peraturan-peraturan yang jelas. Sebab itu saya selalu merujuk kepada Akta Pelindungan Pengguna 1999. Misalnya dari segi soal iklan misalnya, ada jelas di dalam akta ini, pengiklanan mengumpam misalnya, misalnya, tidak boleh, tetapi ada jelas, ada.

Berbagai-bagai soal iklan disebut, anggapan mengenai liabiliti bagi iklan ada. Soalnya di sini ada Akta Pelindungan Pengguna ada, Rang Undang-undang Elektronik tidak ada. Dan hendak gunakan Akta Pelindungan tidak boleh kerana ada sekatan. Itu saya sudah sebutkan daripada awal lagi Yang Berhormat, daripada awal lagi saya sudah cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, sudah memberikan alternatif, tiga alternatif tadi, iaitu yang pertama pinda akta ini dengan memansuhkan 2(2)(G), atau yang kedua, pihak menteri menggunakan Rang Undang-undang ini untuk membuat peraturan-peraturan baru. Jadi kalau dua alternatif itu digunakan, jadi bolehlah masalah Yang Berhormat tadi mendapat pelindungan seperti di bawah Akta Pelindungan Pengguna.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik dengan perbincangan ini, adakah Yang Berhormat menyatakan kalau tidak ada akta ini, bahawa segala urusan yang berlaku dalam e-dagang pada hari ini merupakan secara haram, secara tidak sah, dan di manakah silapnya dan apakah caranya sekiranya berlaku segala tuntutan itu, boleh mereka perolehi atau di hapus kira. Apakah pandangan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Boleh, boleh dibuat tuntutan, tetapi di bawah Akta Kontrak 1950. Kita sudah sebut tadi, ada undang-undang lain, Akta Kontrak, *Sale of Goods*, dan berbagai-bagai perkara lagi boleh dibuat tuntutan. Cuma saya katakan bahawa lebih mudah jikalau kita ada peraturan khusus, sebab Yang Berhormat tadi mungkin melibatkan..., saya sudah sebut tadi, Yang Berhormat mungkin melibatkan RM10 ribu sebab RM2 ribu satu tiket, kali lima RM10 ribu. Yang Berhormat akan *all out* bermati-matian untuk mendapatkan kembali RM10 ribu. Itu saya sudah katakan tadi.

Tetapi kalau Yang Berhormat punya kerugian hanya RM50 atau RM100, tidak mungkin Yang Berhormat akan pergi ke mahkamah. Itu yang saya katakan bahawa perlindungan tidak ada tadi. Kalau yang banyak, tidak ada masalah sangat. Cuma mungkin penyelesaian masalah dari segi masalah bidang kuasa dan sebagainya. Yang saya takut tadi ialah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Lipis tadi, kawan dia *order* barangan, harga dia tidak sampai RM100 kena tipu, sebagai contoh. Hendak bawa ke mahkamah? Hendak gunakan Yang Berhormat bagi Muar sebagai *lawyer*?

Kerana dia *lawyer* terkenal, satu kes dia boleh caj RM5,000. Dia hendak menuntut RM50. Jadi itu yang saya kata yang tidak melindungi pengguna. Kalau Yang Berhormat tadi RM10,000, Yang Berhormat bagi Muar bagi caj RM5,000, untung lagi, ada lagi dapat duit. Sekurang-kurangnya dapat RM5,000 walaupun akhirnya yang untung adalah peguam.

Jadi akhirnya saya hendak pergi kepada persoalan yang terakhir. Zaman semakin moden, Yang Berhormat. Kita cuma boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ambil contoh Yang Berhormat bagi Muar itu, niat baiklah itu.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, niat baik, niat baik. Berapa, RM5,000 kah, RM1,000?... [Ketawa] Jadi contoh yang terakhir ialah mengenai cara kontrak dibuat di waktu akan datang. Mungkin hari ini manusia dengan manusia. Tetapi besok mungkin kita tetapkan, kita programkan komputer itu dan selepas itu secara automatik komputer akan membuat tawaran kepada pihak lain.

Misalnya kalau syarikat saya membekal kepada Syarikat 'A'. Syarikat 'A' sudah programkan apabila barang-barang yang ada pada syarikat dia telah pun menurun daripada jumlah yang sepatutnya, saya sudah programkan, dia terus automatik akan membuat *order* dan syarikat saya automatik akan menghantar barangan dia jikalau terjadi masalah di situ, komputer dengan komputer yang berurusan, tidak ada manusia lagi. Manusia cuma program daripada mula sahaja. Tiba-tiba komputer dengan komputer. Minta tolong Yang Berhormat, kepada siapa atau di bawah peruntukan mana yang kita hendak gunakan di dalam undang-undang ini.

Jadi Yang Berhormat saya kira secara keseluruhannya saya mengalu-alukan undang-undang yang begini baik yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada hari ini. Seperti saya kata bahawa pada tahun 2004, dagangan secara elektronik di negara kita berjumlah RM4.4 bilion, besar dan saya jangka dagangan ini akan terus popular. Saya kira tepat pada masanya pihak kementerian membentangkan rang undang-undang ini supaya diperjelaskan dari segi cara-cara transaksi dan sebagainya.

Cuma yang saya agak takut ialah mengenai perlindungan pengguna. Bagi saya undang-undang yang baik adalah undang-undang yang mampu melindungi industri dan dalam masa yang sama mampu untuk melindungi pengguna dan tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat, saya rasa selain daripada kita melindungi industri yang paling besar, tanggungjawab kita ialah untuk melindungi pengguna-pengguna terutamanya pengundi-pengundi. Jadi dengan itu saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong dahululah. Yang Berhormat bagi Puchong, sila.

3.44 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang saya untuk membahaskan satu Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006. Saya pun mendengar ucapan dan perbahasan daripada Yang Berhormat bagi Bera tadi memang perkara-perkara yang kita ingin tahu dan juga perkara-perkara yang dapatkan insurans daripada kementerian adalah dari segi hak-hak pengguna, perlindungan kepentingan mereka dan juga kepentingan industri.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya melihat rang undang-undang ini secara keseluruhannya. Bagi saya ia mempunyai satu asas kukuh dan juga untuk pertumbuhan ekonomi kita yang terasnya atau yang berasaskan kepada pengetahuan di masa depan dan saya juga yakin dan percaya bahawa selepas rang undang-undang diluluskan, keyakinan orang ramai juga

lebih tinggi terhadap transaksi-transaksi yang berasaskan kepada e-dagang ini. Ini memberi satu perubahan yang positif kepada e-dagang ataupun transaksi-transaksi e-dagang di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberi sedikit pandangan mengenai rang undang-undang ini, saya ingin memberi sedikit penjelasan mengenai apakah asas yang paling penting di dalam e-dagang. Bagi saya, ia adalah 3C ataupun C maksudnya dari segi English ia mesti ada *computer*, *communication* dan *content*. Ataupun dalam Bahasa Malaysia kita ialah 3K iaitu komputer, komunikasi dan kandungan. Komputer ini bermakna yang telah diberikan sedikit definisi dalam seksyen 5 tadi iaitu elektronik tetapi saya akan kembali ke sini nanti. Ini termasuklah perisian-perisian ataupun program-program *software* yang telah dimasukkan dalam komputer ini.

Komunikasi ini bermaksud segala infrastruktur ataupun segala kemudahan atau *telecommunications* yang bertali, berwayar ataupun *wireless* dan secara ringkasnya kandungan maksudnya ialah apa yang berlaku di dalam sesuatu *website* ataupun sesuatu maklumat di dalam sesuatu *website* itu yang boleh dikongsi ataupun diberi maklumat kepada sesiapa ataupun kita boleh katakan kandungan dia mungkin satu *website* yang mengandungi berjenis-jenis maklumat yang dipaparkan untuk umum, bukan sahaja di Malaysia, juga di seluruh dunia.

Secara ringkasnya, e-dagang rang undang-undang ini bagi saya ia telah memberikan dua perkara yang sangat-sangat penting iaitu telah menimbulkan satu ketidaktentuan daripada segi undang-undang terutama semasa *dispute* sesuatu perbalahan di antara pemberi dengan penerima. Dari segi perkembangan teknologi pun ia memberi satu *uncertainty*. Maka di sini saya menyeru kepada kementerian bahawa sebagai satu permulaan, saya suka tadi telah ada ramai Yang Berhormat telah bangkit mengenai data peribadi, bagaimana kita boleh melindungi datanya dengan menggunakan akta ataupun menggunakan bermacam-macam ini.

Tetapi satu perkara yang sangat penting, yang asas bagi saya untuk akta ini ialah ciri-ciri keselamatan, data dan juga transaksi yang menjadi satu pokok yang penting atau asas yang penting kepada keyakinan orang ramai terhadap transaksi-transaksi di dalam e-dagang ini.

Di sini saya akan memberi sedikit contoh, terutamanya di dalam e-dagang di dalam sektor perbankan ataupun *internet banking* ataupun kita boleh memberikan sedikit pandangan mengenai di dalam bagaimana kita memberi sesuatu di dalam *website* menggunakan kad-kad kredit yang tertentu. Di dalam akta ini bagi saya hanya satu cara bagaimana kita mem *formalize* kan satu kontrak secara elektronik. Tetapi perkara-perkara yang telah wujud dan yang pasti wujud di antaranya tidak disentuh.

Apa yang saya maksudkan sebagai contoh ialah kalau dalam *e-banking*, seseorang itu hanya kalau kita tahu nama dan juga ID dia, maka kita bolehlah *log in* dalam komputer....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Mungkin Yang Berhormat bagi Puchong boleh setuju dalam kita membahaskan rang undang-undang ini. Tentang e-dagang ini saya sendiri rasa secara peribadi, ia secara tidak langsung boleh menggalakkan penipuan mahu tidak mahu. Tetapi kalau kita menggambarkan satu transaksi yang berbilion-bilion mungkin orang tidak sedar.

Penggunaan kad kredit, bila kita buat transaksi dengan menggunakan kad kredit orang lain seperti kita katakan. Saya menggunakan kad kredit Yang Berhormat bagi Puchong, mungkin saya boleh memperoleh apabila Menteri sebagai contoh membeli dan menggunakan kad kredit di mana-mana *shopping complex* di mana-mana tempat, nombor itu diambil digunakan untuk e-dagang dia hendak membeli tempahan lain. Apakah dalam perkara ini dari segi perlindungan, setiap pembelian itu mesti ada rujukan. Nombor kad kredit sebagai contoh dirujuk kepada bank yang berkenaan dahulu untuk mendapat pengesahan.

Jika tidak, sesiapa pun boleh menggunakan kad kredit mana-mana individu dan ini telah berlaku di negara-negara maju. Mungkin barangkali kita tidak nampak oleh kerana pelaburan ini berbilion ringgit yang mungkin yang kecil-kecil kita tidak nampak. Macam orang mencuri wang daripada *ATM card* dan sebagainya secara kecil-kecilan. Jadi apakah Yang Berhormat setuju supaya rujukan tentang apa-apa juga berkenaan transaksi pembelian menggunakan e-dagang ini mestilah ada rujukan. Setiap penggunaan pembelian tersebut mungkin kepada bank, bank yang lebih bertanggungjawab untuk mengesahkan apakah benar pemegang tersebut adalah orang yang berkenaan yang benar-benar bertanggungjawab. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Memang saya setuju apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tetapi dalam realiti serta dalam masa sekarang ini, walaupun bank ataupun pengguna mempunyai langkah berjaga-jaga yang ketat dan serius, tetapi kesalahan-kesalahan ataupun kerugian-kerugian juga berlaku. Itu yang saya hendak sampaikan di sini iaitu mengenai kecurian di siber. Sebagai contoh kalau saya menggunakan kad kredit untuk membeli sesuatu, *let say* di satu *website* di Amerika Syarikat.

Saya akan menghantar nama saya, ID, *password* dan juga *credit card number* saya. Tetapi dalam pertengahan ini, ada pencuri jenis siber ini yang boleh mencuri maklumat dan dia mungkin akan jual kepada sindiket yang lain ataupun dia gunakan sendiri untuk membeli barang-barang yang di *website* atau di barang-barang yang lain dan tanpa pengetahuan pemegang kad kredit pada permulaannya. Ini adalah satu contoh yang biasa berlaku dah lama berlaku. Apa yang saya hendak katakan sekarang di sini ialah kerajaan kita terutama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita menekankan kepada sebagai contoh dalam e-banking, *internet banking*.

Tetapi kalau isu-isu sekuriti atau ciri-ciri keselamatan ini tidak diperkukuhkan ataupun diberikan keyakinan lebih tinggi saya takut ini akan menjejaskan perkembangan ataupun

pertumbuhan perdagangan e-dagang di Malaysia *especially* atau khas kepada perdagangan di dalam *internet* ini. Kerana ini telah berlaku. Saya melihat satu contoh yang berlaku di Amerika Syarikat di akhir tahun lalu. Saya baca dalam surat khabar ini, untuk penggunaan *visa card* untuk tahun 2004, syarikat ini telah menerima RM1.3 trilion transaksi menggunakan *visa card*. Untuk *internet banking* ini bertrilion-trilion telah berlaku. Tetapi masih berlaku banyak kecurian *cyber* ataupun *cyber theft* yang berlaku. Walaupun negara Amerika Syarikat sebagai satu negara yang maju dari segi perkembangan perisian komputer tetapi masih berlaku.

Saya hendak tanya, adakah undang-undang ini mengambil kira apakah yang sedang dan akan berlaku lagi pada masa-masa depan dan mungkin lebih dahsyat lagi. Jangan kita cakap mengenai maklumat-maklumat rahsia kerajaan dan sebagainya. Kalau kita hendak *protect* ataupun kita hendak melindungi sesuatu maklumat kita mesti mempunyai satu sistem ataupun satu undang-undang yang komprehensif yang boleh memberikan keyakinan bukan sahaja kepada industri-industri tetapi terutamanya kepada pengguna. Mengikut laporan ini, sesuatu kecurian *cyber* dia akan berlaku dan senang berlaku jika seseorang dapat maklumat mengenai nama dan juga *password* seseorang itu dan ini senang berlaku.

Kita tahu sekarang ini kalau kita kadang-kadang kita boleh menerima e-mel ataupun SMS ataupun berupa perkara-perkara yang aneh berlaku di dalam komputer dan ini mungkin merupakan satu *trap*. Satu e-mel yang boleh mencuri maklumat-maklumat penting untuk kegunaan mereka. Saya lihat dalam Akta ini ataupun dalam Rang Undang-undang ini langsung tidak akan memberikan perhatian kepada perkara ataupun potensi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat *section by section* untuk Rang Undang-undang ini, untuk tafsiran di dalam seksyen 5 ini, elektronik ertinya teknologi yang menggunakan elektrik. Saya hendak tahu tafsiran elektrik ini adakah termasuk bateri atau bateri yang digunakan di dalam *mobile phone*, *laptop* ataupun perkakas-perkakas yang akan muncul di masa-masa hadapan. Kerana kalau kita bercakap *mengenai e-commerce* ini ataupun e-dagang ini, kita sekarang ini boleh membuat banyak transaksi-transaksi menggunakan *laptop* ataupun komputer peribadi ataupun komputer yang kecil ini, yang boleh kita bawa ulang-alik ini. Dengan ini saya hendak tahu definisi ini adakah termasuk di dalam definisi yang kelima ini. Dalam elektrik ini bagi saya mungkin bermaksud elektrik yang menggunakan AC dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai Fasal 9 iaitu mengenai tandatangan ataupun *signature*. Memang di sini jelas menyatakan bahawa sesuatu kontrak atau sesuatu dokumen memerlukan satu tandatangan. Maka sesuatu simbol atau sesuatu mesej elektronik telah dihantarkan adalah sesuatu perkara yang dihantarkan kepada pengguna dan penerima ada *acknowledgement* ataupun pengakuteraan, maka tandatangan itu telah disahkan sebagai telah menerima. Tetapi saya hendak tanya, bagaimana kita boleh mengadakan satu *electronic signature ini?*

Kalau tidak silap saya, kalau mengikut pengalaman saya sesuatu *signature* itu atau tandatangan merupakan satu program yang *attachment* dengan izin, yang *attach* kepada satu program itu dan *attachment* ini kalau melalui *cyber* atau melalui satu wayar itu, kadang-kadang kita akan hilang di pertengahan jalan. Kalau ini bermakna hilang dan ini tanpa pengetahuan daripada pemula itu ataupun *originator* itu dan penerima itu pun tidak tahu dia telah menghantar satu tandatangan. Maka salah siapa dan apakah cara untuk mengembalikan keyakinan bahawa *signature* ini atau tandatangan ini telah ditandatangani kerana dalam program-program tertentu.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau kita akan menghasilkan satu tandatangan elektronik mengikut kebiasaannya, kita gunakan *software* untuk tertentu kepada sesuatu yang tertentu untuk kita *scan signature* kita dan membuat satu fail di dalam komputer maka fail ini mungkin apabila kita *access file* ini kita terpaksa menggunakan *password* dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang tidak begitu teknikal tetapi penyalahgunaan ini, potensinya adalah sangat-sangat tinggi.

So, saya tidak nampak di sini satu *remedy* atau satu, orang kata satu cara untuk menetapkan bahawa penghantar dan juga penerimaan *electronic signature* itu sebagai satu perkara yang sah walaupun kalau dalam perjalanan itu, beberapa perkara boleh berlaku. So, saya hendak tahu sedikit, apakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu keyakinan, bagaimana kita boleh meyakinkan bahawa *electronic signature* ini dapat dihantar secara selamat, secara lebih diyakini orang ramai. Itu mengenai seksyen ataupun *Clause 9*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, yang saya hendak tahu juga mengenai tandatangan ini. Sekarang ini kita ada banyak dokumen ataupun kadang-kadang kita menerima banyak *invois* atau pun *resit* ataupun *statement* tertentu yang di bawah dia kata, *this document is computer generated. No signature required*. So, adakah ini sah? Kita di sini, kita berkata bahawa transaksi secara elektronik. Tetapi kalau ini telah dicetak dan dihantar melalui pos, ini bermakna penerima itu telah menerima *invois* atau *statement* itu, ataupun sesuatu kontrak itu secara manual, bukan secara elektronik. Adakah ini, kita boleh katakan ini juga merupakan satu dokumen yang sah, walaupun di bawah dia menyatakan, dokumen ini dicetak oleh komputer, tandatangan yang rasmi tidak diperlukan.

So, saya hendak tahu apakah implikasi terhadap pengguna dan juga penerima mengenai dokumen ini kalaulah sesuatu perbalahan atau sesuatu *dispute* berlaku. Di manakah, seksyen manakah yang boleh kita masukkan di dalam Rang Undang-undang ini. Perkara yang saya ingin bangkit di sini juga mengenai masa penerimaan iaitu seksyen 20 ataupun Fasal 20 bersamaan dengan 21A. Saya lihat ini satu percanggahan Tuan Yang di-Pertua kerana dalam Fasal 20 dia kata bahawa melainkan jika dipersetujui selain antara dua pemula dan penerima, satu mesej elektronik disifatkan dihantar, bila mesej elektronik itu memasuki sesuatu sistem memproses maklumat di luar kawalan pemula.

Maka, di dalam seksyen 21A itu, jika penerima telah menetapkan sesuatu sistem memproses maklumat bagi maksud menerima mesej elektronik, bila mesej elektronik itu memasuki sistem memproses maklumat yang ditetapkan, ini bermakna dia telah setuju menerima. Bayangkan satu keadaan. Kalau pengirim itu menggunakan satu sistem inisiatif yang berlainan. Sebagai contoh, yang pemula itu menggunakan satu sistem yang berasaskan kepada *Microsoft Software* sebagai contoh. Kalau penerima itu menggunakan sesuatu sistem yang berlainan. Sebagai contoh, mungkin dia akan menggunakan satu *Apple Software* ataupun dia menggunakan satu *Netscape Software* atau *Sun Software* yang tidak boleh berkomunikasi. Kemungkinan besar tidak boleh berkomunikasi.

Adakah ini bermakna satu penerimaan, satu penghantaran dan penilaian telah berlaku dari segi undang-undang? Tanpa pengetahuan penerima itu tidak menerima apa-apa mesej ataupun elektronik mesej daripada penerima. So saya berharap Yang Berhormat Menteri ini betul-betul melihat perkara ini secara lebih serius lagi kerana dalam dunia *cyber* ini, kita ada banyak perisian-perisian yang berkomunikasi di antara satu sama lain dan juga ada banyak perisian-perisian yang tidak boleh berkomunikasi di antara satu sama lain iaitu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *non-compatible*. So, ini adalah satu perkara yang sangat serius kalau ini melibatkan satu kontrak atau sesuatu urusan yang penting. Maka, bagaimana kita untuk kita menyelesaikan perkara ini? Saya ingin mendapat sedikit jawapan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini.

Perkara yang lain yang saya ingin bangkitkan di Tuan Yang di-Pertua iaitu mengenai tempat penerimaan ataupun dalam Fasal 22 ini. Dalam Fasal 22 ini, telah menyatakan bahawa jika pemula mempunyai lebih daripada satu tempat perniagaan, dari tempat perniagaan yang mempunyai hubungan yang terdekat dengan urus niaga itu atau dia ada tempat perniagaan yang mempunyai hubungan terdekat dengan urus niaga dan tempat utama perniagaan pemula atau jika pemula tidak mempunyai suatu tempat perniagaan daripada tempat tinggal pemula yang biasa, ini bermakna tempat itu penting.

Tetapi sedarkah Yang Berhormat sekarang ini, kadang-kadang kita ini menjalankan urus niaga transaksi e-dagang di mana-mana tempat. Kita boleh *order* ataupun kita menggunakan *e-banking* ini dengan satu *laptop* sahaja di mana-mana tempat. Mungkin saya hari ini ada di sini. Besok mungkin saya ada di negara lain di mana kita boleh memulakan semua ini dan juga tempat perniagaan ini bermaksud, adakah ini bermakna mesti suatu tempat perniagaan yang bersesuaian, satu tempat perniagaan macam pejabat. Tetapi sedarkah Yang Berhormat, kebanyakan sekarang ini, tempat perniagaan ini, sesuatu website itu, mungkin saya akan '*host*' ataupun saya letak di tempat di mana berkongsi dengan orang lain. Adakah ini bermakna pejabat orang lain ataupun satu *hosting station* itu merupakan satu pejabat *office* atau yang sah kepada saya kalau saya menjadi satu website yang *hosting* di tempat yang tertentu. Untuk orang yang menjalankan perniagaan transaksi ini, adakah saya terpaksa menjalankan transaksi ini di

satu tempat yang tertentu, satu tempat yang dianggap sebagai satu tempat yang mempunyai satu ciri-ciri pejabat perniagaan.

Ini adalah persoalan yang saya ingin tanya kepada Yang Berhormat mengenai perkara ini dan perkara yang ingin saya bangkitkan lagi ialah mengenai pengaku penerimaan mengenai sesuatu mesej elektronik ataupun sesuatu perkara yang berkaitan dengan elektronik ini. Perkara yang saya bangkitkan tadi mengenai apa yang saya hendak tanya ialah, adakah transaksi ini terpaksa digunakan di antara komputer dengan komputer ataupun kita boleh mengakui bahawa satu proses pengaku penerimaan telah berlaku.

Jika seseorang itu menghantar sesuatu mesej ataupun sesuatu pesanan melalui *mobile phone* ataupun sesuatu telefon bimbit kita. Adakah itu satu pengaku penerimaan itu dinyatakan telah berlaku jika penerima itu telah menerima sesuatu mesej daripada komputer atau dari satu pusat pemprosesan data dan ini adakah terkandung dalam seksyen 24 ini. Maka, itu sahaja yang saya ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua dan saya berharap Yang Berhormat Menteri bolehlah memberi sedikit penjelasan mengenai perkara-perkara yang saya ada nyatakan di sini. Dengan itu, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu.

4.10 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006. Saya rasa rang undang-undang ini adalah satu yang membawa kita kepada era semasa, era teknologi maklumat memanfaatkan *information super highway* dan juga sekali gus juga kita memanfaatkan agenda-agenda semasa dunia global hari ini. Secara keseluruhannya rang undang-undang ini atau pun dalam bahasa Inggerisnya di sebut *e-commerce* ataupun *e-shopping*, *e-teller* ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengiktirafan undang-undang terhadap mesej elektronik yang digunakan dalam urus niaga perdagangan dan untuk membolehkan serta memudahkan urus niaga perdagangan melalui cara elektronik. Manakala pemakaian rang undang-undang hendaklah sebagai tambahan kepada mana-mana undang-undang lain yang mengawal selia perdagangan seperti Akta Kontrak dan lain-lain akta perdagangan yang berkaitan dengannya.

Saya juga ingin menyebut bahawa perdagangan elektronik ini sendiri menunjukkan bahawa kepada kita tentang beberapa ciri tingkah laku atau dengan izin *online behaviour*, saya kira kita perlu juga meninjau pihak kementerian perlu juga meninjau apakah bentuk reaksi ataupun tabiat pengguna-pengguna elektronik ini. Daripada satu kajian yang dibuat di Eropah menunjukkan bahawa hanya 50% sahaja warganegara Eropah yang disebut sebagai responden yang mengatakan mereka *access* kepada *internet* dan 50% lagi tidak menggunakan kemudahan-kemudahan *internet*.

Ini satu kajian yang dibuat oleh Data Monitor di Eropah. Daripada jumlah itu 9% yang akses daripada *internet* tidak *browse* ataupun tidak melayari laman-laman yang mencatat tentang produk-produk *online*. 27% lagi sebagai *net users* yang memberi tindak balas bahawa mereka cenderung untuk membeli secara offline bukan pula secara *online*. Dan daripada kajian ini juga 8% daripada *net users* yang membeli melalui kemudahan *online* tetapi tidak berbelanja dengan jumlah perbelanjaan wang yang besar. Hanya 6% sahaja yang dikatakan sebagai dengan izin *online spenders*.

Tadi juga saya kira statistik yang diberi mendekati apa yang disebut oleh Yang Berhormat lebih awal tadi yang menyebut bahawa kira-kira 2.4% sahaja yang memang terlibat secara aktif dalam *e-commerce* di Malaysia ini. Maka dalam konteks ini juga saya rasa sebilangan rakyat Malaysia masih lagi daif masih lagi tidak mempunyai kecenderungan untuk terlibat secara aktif dalam bidang kegiatan *e-commerce*, *e-shopping* ataupun langganan melalui *internet* ini ataupun elektronik ini. Saya melihat beberapa implikasi yang penting daripada rang undang-undang terhadap kepentingan pengguna dan saya ingin menarik dalam bahagian IV, fasal 18 muka surat 10 iaitu berkaitan dengan kandungan mesej elektronik. Daripada fahaman saya undang-undang ini mengandaikan semua pengguna adalah tahu dan sepatutnya tahu mengenai mesej urus niaga tanpa menyedari sekiranya berlaku kesilapan dan perlu menanggung kesilapan yang berlaku sekiranya ada.

Saya kira ini jelas tercatat dalam fasal 18, muka surat 10. Sekiranya kenyataan ini benar maka keadaan ini memberi gambaran kepada saya seolah-olah pihak pemula ataupun syarikat, pembekal boleh melakukan penipuan sekiranya golongan penerima mesej atau pengguna itu golongan yang kurang celik maklumat. Ini menunjukkan kepada golongan yang fakir ataupun tidak tahu tentang maklumat elektronik ini usah cuba untuk melanggan secara elektronik ini. Baik sahaja mereka melanggan secara konvensional. Saya mohon penjelasan daripada Yang berhormat Menteri berhubung dengan fasal 18 muka surat 10.

Satu persoalan saya di sini juga ialah sekiranya benar berlaku kesilapan oleh pihak syarikat ataupun oleh pihak pembekal apakah mekanisme atau di manakah pihak *customer* pelanggan perlu membawa masalah ini dan apakah persediaan pihak kerajaan untuk menangani atau mengurangkan kes-kes penipuan perniagaan elektronik di negara kita. Mohon penjelasan berhubung dengan persoalan itu. Saya kira apa yang terkandung dalam Perdagangan Elektronik 2006 adalah sesuatu yang dikatakan bersifat *fashionable*, *trendy* dan ini menunjukkan kepada kita bahawa rakyat Malaysia disuakan dengan satu kaedah baru dalam urus niaga. Meskipun begitu kita harus faham tentang realiti semasa iaitu realiti dari segi digital gap, setakat manakah majoriti masyarakat negara kita benar-benar berpengetahuan, benar-benar kaya dan tahu tentang kaedah elektronik dan urus niaga elektronik ini.

Perdagangan elektronik ditakrifkan sebagai penggunaan telekomunikasi atau rangkaian yang luas untuk melaksanakan pemindahan kewangan. Kalau dahulunya kaedah pemindahan

itu berlaku secara konkrit tetapi sekarang ini ia berlaku dalam konteks maya dalam bentuk maya. Di Malaysia gedung-gedung seperti Parkson, Sapura, 3.com, Biz.st dan sebagainya telah menawarkan perkhidmatan membeli belah yang berangkaian ini. Rasionalnya adalah kadar penggunaan *internet* yang tinggi dan menggalakkan penawaran sedemikian. Dengan perkembangan perdagangan elektronik pada masa depan pengguna tidak perlu lagi melangkah keluar dari rumah untuk membeli belah di samping itu mereka boleh membeli belah 24 jam sehari, 7 hari seminggu tanpa gangguan kesesakan jalan raya, cuaca, kadang-kadang bersua dengan jurujual yang membosankan.

Selain itu lokasi juga tidak menjadi masalah kerana perkhidmatan yang dibekalkan akan menjamin pembelian tersebut dijalankan dengan cara yang pantas, *instant*, segera halangan yang wujud cumalah kos penghantaran yang mahal bagi lokasi yang jauh. Selain daripada aktiviti membeli belah rangkaian aktiviti teknologi maklumat juga membolehkan aktiviti perbankan dan pasaran dijalankan ini akan memberi pengaruh yang besar ke atas guna tanah kawasan perdagangan pusat. Dewasa ini aktiviti tersebut sentiasa berkaitan dengan kesesakan di lokasi peletakan bank ataupun Bursa Saham. Namun dengan adanya rangkaian maklumat yang membolehkan aktiviti tersebut dijalankan dengan selamat maka penduduk bandar dengan sukarela akan memilih rangkaian tersebut berbanding dengan cara konvensional yang dilihat sebagai kurang berkesan serta membazirkan masa dan tenaga.

Di samping itu satu perkara yang ingin saya tarik perhatian ialah tentang surat elektronik atau *internet* semakin tinggi kadar penggunaannya akan memberi pengaruh terhadap perkhidmatan pos. Saya kira implikasi ini juga harus diambil kira terhadap perkhidmatan pos kerajaan serta sistem pengangkutan yang bersabit dengannya. *Internet* merupakan rangkaian yang komputer terbesar di dunia yang merentasi sempadan dan seluruh dunia. Ia adalah merupakan sumber maklumat global yang boleh mendapatkannya dalam beberapa saat sahaja.

Melalui *internet* kita dapat berkomunikasi melalui *electronic mail*. Memperoleh maklumat terkini melalui *World Wide Web*, memindahkan fail dari *host system* menerusi FTP, mengadakan forum elektronik menerusi *Usenet*, menggunakan capaian komputer jarak jauh, *remote, logging*, menerusi *telnet* dan berbual-bual menerusi *Internet Relay Chat (IRC)*.

Dalam bidang perdagangan pula, banyak syarikat menggunakan *web* sebagai komunikasi *online* yang cepat untuk berhubung dengan para rakan niaga dan juga para pembekal. Kita tidak menafikan bahawa ini adalah merupakan keistimewaan-keistimewaan yang ditawarkan dengan kaedah baru ini dan juga membolehkan pelanggan-pelanggan memesan produk-produk dan perkhidmatan mereka melalui kaedah terkini, melalui kaedah *internet* ini.

Sebagaimana dalam perdagangan konvensional *e-commerce* menimbulkan perikatan antara para pihak untuk memberi suatu prestasi. Implikasi daripada perkataan ini ialah timbulnya hak dan kewajipan. Ini adalah merupakan kata kunci yang harus kita fikirkan dengan serius, iaitu hak dan kewajipan yang harus dipenuhi oleh pihak-pihak yang terlibat.

Saya ingin menyebut tentang beberapa perkara tentang permasalahan perundangan yang akan timbul dalam aktiviti perdagangan elektronik ini. Pertamanya ialah tentang objek atau barangan yang diperjualbelikan. Yang keduanya ialah tentang mekanisme peralihan hak. Yang ketiga hubungan undang-undang dan pertanggungjawaban para pihak yang terlibat dalam transaksi baik penjual, pembeli ataupun para pendukung seperti pembangkang, *internet service provider*, ISP dan lain-lain lagi dan yang keempatnya adalah apakah bentuk mekanisme penyelesaian segala masalah dan sengketa.

Perdagangan elektronik ataupun *e-commerce* juga memiliki kelemahan lain. Di antaranya ialah kaedah transaksi elektronik yang tidak mempertemukan pelaku syarikat dan *customer* secara langsung. Artinya tidak ada *face-to-face* – bersemuka sudah tidak ada dan tidak melihat secara langsung barang yang diinginkan akan lebih memberi kecenderungan menimbulkan permasalahan yang boleh mendatangkan kerugian kepada pihak *consumer*.

Sebagai contoh, ialah unsur-unsur ketidaksuaian jenis dan kualiti barang yang dijanjikan. Ketidaktepatan waktu pengiriman barang atau ketidaksamaan kaedah transaksi. Faktor kaedah transaksi seperti kaedah pembayaran merupakan salah satu perkara yang perlu diberi perhatian.

Dalam konteks ini saya ingin tarik perhatian kepada kementerian ini agar berwaspada tentang beberapa isu yang ingin saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Yang pertamanya adalah *neo-colonialism*. Dalam konteks ini adalah *colonialism electronic*. *Colonialism electronic* merupakan pergantungan hubungan yang dibentuk melalui import peralatan komunikasi canggih semasa, perisian asing bersama-sama dengan jurutera, juruteknik dan protokol yang berkesan.

Kesemua ini secara tidak langsung membentuk satu siri dan ciri norma asing, nilai dan jangkaan dalam tahap yang berlainan, yang akan mengubah budaya serta proses sosialisasi masyarakat tempatan. Kehilangan, penyerasan, anjakan dan pelupaan terhadap nilai-nilai *local*, nilai-nilai tempatan menjadi sesuatu yang membimbangkan di negara-negara dunia ketiga dan saya kira Yang Berhormat Menteri harus mengambil perhatian tentang implikasi daripada konsep yang saya sebut sebagai *neo-colonization* ataupun *colonization electronic* ini.

Colonization electronic pada abad yang ke-20 dilihat sama dengan *colonialism*, dilihat dalam bentuk yang sama dalam konteks pengaruh *colonization* perdagangan pada abad yang ke-18 dan ke-19. Aspek *colonization* perdagangan mengambil kesempatan di atas buruh yang murah. Ia melibatkan tenaga buruh secara fizikal untuk mengeksploitasi sumber tempatan namun *colonization electronic* mengambil kesempatan di atas minda manusia.

Tujuannya adalah untuk mempengaruhi perangai, mempengaruhi tingkah laku, mempengaruhi *habit*, dengan izin keinginan, kepercayaan, cara hidup, pandangan pengguna atau corak pembelian pengguna. Justeru itu, pengaruhnya amat kuat sekali dan berupaya meninggalkan kesan-kesan dan kemudaratan, musibah yang mendalam dalam jangka masa panjang dalam pemikiran dan minda bangsa kita.

Ini merupakan suatu ancaman sekiranya masyarakat kurang peka terhadap penggantungan yang terlampau, terlampau-lampau terhadap perkara tersebut. Malah kita mengagung-agungkan perkara yang tidak harus diagung-agungkan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang membangun dan ingin bersaing pada masa depan perlu menceburi bidang teknologi maklumat. Dalam hal ini Malaysia tidak dikecualikan. Malaysia ingin menjadi sebahagian daripada arena antarabangsa dan memainkan peranan yang lebih penting dalam mempengaruhi keputusan antarabangsa. Ini memaksa Malaysia mengambil bahagian dalam hubungan antarabangsa. Pada masa yang sama Malaysia juga cuba menghindari kuasa antarabangsa di samping menjadi sebahagian daripada dunia yang melibatkan interaksi yang amat penting dengan negara Barat. Negara Barat pula cenderung menyebarkan nilai-nilai budaya, *it force* politik dan nilai-nilai kewangan mereka. Ini adalah merupakan satu agenda *globalization* ataupun *homogenization*.

Inilah delima yang dihadapi oleh Malaysia dalam konteks perdagangan elektronik Akta 2006 ini. Inilah delima yang dihadapi oleh Malaysia dalam pembangunan masa depan. Cabaran utama kerajaan dalam era teknologi maklumat adalah cara kita mengawal dan mengurus rangkaian teknologi maklumat supaya ia mendatangkan lebih banyak manfaat daripada mudaratnya kepada negara dan bukan mendatangkan musibah di sebaliknya itu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut tentang masyarakat bestari dan *hadhari*, iaitu kumpulan masyarakat kita untuk celik maklumat dalam usaha kita merealisasikan Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 ini. Dalam era maklumat dan celik maklumat adalah amat penting untuk kita membolehkan seseorang bersaing dalam dunia perdagangan dan pasaran pekerjaan. Kejelikan maklumat, pengetahuan yang baik dalam era elektronik dan 'e' ini amat penting tidak kira seseorang itu bekerja di rumah ataupun di pejabat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan. Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bolehkah Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu menerangkan kenapa beliau samakan masyarakat bestari dengan *hadhari*?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya ingin sebut di sini, konsep bestari di sini adalah masyarakat yang faham, mengerti, maju dan sezaman dengan perubahan-perubahan yang berlaku di negara-negara di dunia hari ini dan konsep *hadhari* ini pula, kalau dari segi maksud asalnya itu adalah konsep membawa maksud tamadun ataupun dapat hadir sama. Tidak pula kita ini seolah-olah tersisih, terpisah daripada gelombang dan masa semasa ini. Maka dalam konteks ini saya kira

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah ini bererti bahawa barulah dalam Malaysia adalah masyarakat bestari yang *hadhari*, tetapi di negeri-negeri yang lain di dunia yang adalah

yang ekonomi dan masyarakat, maklumat dan pengetahuan mereka tidak ada masyarakat bestari.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya tidak maksudkan begitu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Is implies that, isn't it?*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tidak, dunia ini sekarang sudah berada dalam gelombang perubahan ke arah bestari dan kita juga dalam konsep bestari itu juga, kita hendak memastikan kita boleh hadir sama dalam pentas dunia global itu. Kejelikan maklumat amat penting dan tidak kira seseorang itu bekerja di rumah ataupun pejabat....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong bangun Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi saya dengar daripada Tamadun Badwi kita langkah kepada tamadun *hadhari* dengan sebutan bestari dan *hadhari* ini adakah ini bermakna sebelum ini, sebelum konsep *hadhari* ini orang-orang Islam atau pun orang-orang Malaysia tidak begitu bestari. Hanya dengan konsep *hadhari* semua bestari. Jadi, ini memang kita ada anggapan daripada ucapan Yang Berhormat ini, yang samar-samar, kurang jelas sekarang. Kurang jelas. Apakah maksud yang sebenarnya? Yang Berhormat memang mencetuskan satu kontroversi sudah. Saya berharap dapat dijelaskan dengan lebih baik.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya tidak tahu apa maksud kontroversi di sini... *[Ketawa]* Yang saya sebut tadi ialah sebagai sebuah masyarakat yang bestari, a *smart society*. Ini sebab apa yang kita bicarakan dan dalam maksud akta ini ialah Akta Perdagangan Elektronik, kita perlu menjadi sebuah masyarakat yang *smart*, bestari.

Yang keduanya ialah *hadhari* itu... Ya, tadi betul disebut Badwi, ertinya merupakan satu masyarakat yang tradisi dan sekarang kita memikirkan juga peralihan supaya kita dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan masyarakat-masyarakat lain di dunia ini. Dapat hadir dan bertamadun, *contemporary*.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang Berhormat! Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Adakah ini bermakna sebelum konsep Islam *hadhari* atau *hadhari* Islam ini orang di Malaysia dan di dunia tidak begitu bestari. Saya setuju kita mesti memandang kepada perkembangan semasa, kita mesti celik, mesti bestari, menghadapi cabaran sekarang. Itu saya setuju tetapi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi menunjukkan sebelum konsep Islam *hadhari* ini semua itu tidak begitu celik, tidak begitu bestari.

Selepas kita sebutkan Islam *hadhari* ini, “*Ha, berlainan sudah*”. Memang dengan semangat yang baru, kita dengan tamadun semasa ini kita boleh jadi lebih celik, lebih bestari. Itulah maksud Yang Berhormat tadi.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tidak ada pertelingkahan di sini. Yang dimaksudkan tadi ialah kita bergerak maju ke hadapan. Bahawa kita perlu melakukan apa yang disebut dalam Islam itu sebagai hijrah, anjakan kita ke hadapan untuk memastikan kita sejajar dengan kedudukan dunia dan disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sepuluh agenda di dalam konsep masyarakat *hadhari* ataupun masyarakat Islam *Hadhari*.

Saya ingat saya teruskan sahaja perbincangan ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah, Yang Berhormat?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagi?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ada kira-kira dalam 5 atau 6 minit lagi.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat!

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua
Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Saya hendak beri pandangan, dan mungkin sama ada Yang Berhormat setuju dengan saya atau tidak. Tentang istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong dan sebagainya tadi. Saya berpendapat mungkin istilah bestari ini lebih menggambarkan kepada kebijaksanaan, pintar dan yang seumpama dengannya. Manakala istilah “*hadhari*” ini ialah lebih kepada praktikal.

Maknanya dua-dua keadaan yang berbeza kepada saya. Bestari, bijak dan sebagainya tetapi kebijaksanaan kita belum tahu kita melaksanakan apa yang kita bijak itu. Saya ambil contoh apa hendak dilaksanakan oleh, yang diharapkan oleh Perdana Menteri sekarang, supaya rakyat Malaysia, orang Melayu dan yang lain-lain mempunyai sifat *hadhari* itu, maknanya kalau saya bijak, katalah saya bijak dari segi pertanian, dari segi teorinya tetapi belum tahu saya menjadi seorang petani yang praktikal.

Sebab itulah saya bijak dalam pertanian tetapi dalam masa yang sama dalam konteks sekarang ini, kerajaan kita dan kita hendak supaya saya ini menjadi seorang petani yang praktikal. Maknanya melaksanakan pertanian. Saya bercakap tentang pertanian tetapi dalam masa yang sama saya bekerja melaksanakan konsep-konsep pertanian yang saya ada, dari segi teorinya. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Sebenarnya tidak banyak perbezaan di situ, bestari itu dikatakan sebagai *smart*, bijak, efisien, *excellent*, sebagai konsep

yang begitu. Sebenarnya dahulu di sekolah dia menyebut istilah, konsep Sekolah Bestari, *Smart School* kemudian sekarang ini timbul pula konsep masyarakat Islam *hadhari* dengan paradigma yang pertama iaitu *firm believe and devotion to god* sebagai asas yang pertama.

Kemudian diberi lagi lapan ciri-ciri lain *sustainability* dalam dunia kemudian seterusnya – ciri-ciri pertahanan, kekuatan dan daya saing dan macam-macam lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sekali lagi. Dengan adilnya Islam, dengan masyarakat yang maju daripada Tamadun Badwi kepada tamadun *hadhari* adakah ini bermakna, misalnya kita ada Sekolah Bestari lebih 10 tahun, adakah ini bermakna semua ini tidak begitu praktikal. Ini yang dimaksudkan, yang disebutkan tadi. Adakah semua ini tidak begitu praktikal? *Hadhari*, ya saya setuju, tamadun Islam tamadun yang unggul. Tetapi ada perbezaan kah di antara tamadun Islam dengan Islam *Hadhari*? Adakah perbezaan? Adakah ini bermakna hanya *hadhari* yang praktikal, yang lain tidak praktikal? Di dalam Dewan ini kita mestilah tepat, persis dan jitu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Sebenarnya minggu depan ada satu perbincangan, saya hendak jemput juga Yang Berhormat bagi Kepong untuk turut serta. Kita ada menjemput seorang penulis, seorang profesor yang akan menghurai dengan lebih tuntas lagi tentang konsep *hadhari* ini. Jemput sama, ya!

Saya ingin sambung di sini, orang yang mahir dalam *internet* mendapat maklumat yang lebih. Mereka dapat lebih banyak isu semasa dan dapat mencari maklumat dengan lebih cepat berbanding dengan orang yang berpendidikan tinggi yang kurang kemahiran tersebut. Namun, kejelikan maklumat juga memerlukan pemikiran kritikal. Maka, di sini saya kira dalam usaha kita memperkenalkan Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik ini kita perlu juga waspada tentang pemikiran yang kritikal. Tanpanya seseorang tidak boleh dan tidak dapat menilai kualiti maklumat yang diperoleh daripada rangkaian maklumat itu.

Selain daripada itu juga hidup pada zaman teknologi maklumat kita ini jika seseorang tidak ingin dilihat sebagai seorang yang ketinggalan zaman maka seseorang perlu celik maklumat dan mempunyai kemahiran asas sekurang-kurangnya untuk mengikuti perkembangan semasa.

Seterusnya ialah saya hendak sentuh yang terakhir sekali ialah tentang *privacy*. Saya kira dalam pembekalan maklumat *internet* ia mempunyai *access* di atas setiap surat, terutamanya surat-surat elektronik. Mereka akan menyimpan salinan surat tersebut sekurang-kurangnya 6 bulan. Walaupun surat tersebut dibuang daripada fail atau komputer tetapi masih juga ia memberi kesan tentang kurangnya *privacy* berbanding dengan cara *conventional*.

Dan, akhir sekali saya ingin menyentuh tentang *internet*, tentang boleh menjana kebencian dan juga jenayah. Iaitu *syndrome* yang disebut sebagai *syndrome GIGO - garbage in,*

garbage out. Dengan wujudnya rangkaian *world white web*, individu dan organisasi boleh memaparkan sebarang maklumat dengan senang. Namun sekiranya ini digunakan untuk tujuan yang baik, ia akan membawa faedah tetapi sekiranya ia menggunakan untuk tujuan yang tidak baik, ia boleh membawa pengaruh negatif terhadap kehidupan terutamanya warga kita.

Merujuk kepada Malaysia terdapat banyak maklumat berasaskan kebencian berterbangan dalam rangkaian *internet*. Ini juga satu perkara yang harus diambil kira juga, yang mungkin juga tentang penipuan-penipuan yang boleh berlaku dalam rangka perdagangan elektronik 2006 yang hendak digubal ini. Dan, ini juga harus diberi perhatian yang serius. Akhir sekali ialah tentang isu keselamatan sistem komputer kita, khususnya tentang kuasa yang menjana ataupun jana kuasa kita.

Dengan penggantungan kepada teknologi maklumat, adalah sukar untuk sesuatu masyarakat berpatah balik. Ini adalah kerana teknologi maklumat akan menyebabkan perubahan yang besar ke atas aspek sosial, ekonomi, fizikal dan juga politik. Namun, masalah boleh timbul daripada teknologi maklumat sendiri. Kegagalan sistem boleh berlaku melalui kerosakan fizikal peralatan, ralat data atau *bugs* perisian misalnya Y2K.

Kegagalan tersebut boleh membawa kerugian yang besar kepada masyarakat terutamanya apabila pemindahan modal yang besar sedang berlangsung. Justeru itu, negara-negara maju seperti Amerika dan negara yang lain, mereka telah melakukan usaha-usaha di *diversified* penjana kuasa mereka dan mempunyai stesen jana kuasa yang pelbagai sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan ancaman tersebut.

Maka dalam konteks ini, dalam usaha kita merealisasikan perdagangan elektronik ini, harus kita awasi tentang stesen-stesen jana kuasa kita. Namun begitu, keadaan di Malaysia adalah jauh berbeza. Kita terlalu bergantung kepada beberapa stesen jana kuasa utama tanpa memikirkan kepentingan kepelbagaiannya.

Dengan itu, kerugian yang besar dijangkakan akan berlaku sekiranya timbul sebarang masalah ke atas stesen jana kuasa yang akan menjejaskan pembekalan elektrik dan akan mengganggu proses transaksi yang diperlukan untuk menjana teknologi maklumat itu. Dan akhir sekali, sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat, asas *theoretical*, etika dan *wisdom* tentang teknologi maklumat ini harus diambil kira. Dan bidang-bidang teknologi maklumat dan sains komputer dalam universiti, yang dipelajari di universiti dan juga politeknik nampaknya lebih tertumpu kepada kaedah teknikal sebaliknya saya kira aspek-aspek intelektual, etika dan juga *wisdom* itu harus diberi keutamaan yang kukuh juga.

Kekurangan asas teori tikal yang kukuh akan menyukarkan lagi penjelasan fenomena-fenomena berhubung dengan dimensi teknologi maklumat ini. Justeru itu, dalam keasyikan kita Malaysia untuk melancar dan bergerak ke era teknologi maklumat khususnya dalam konteks pedagang elektronik ini, rakyat harus diberi pendedahan tentang kesan-kesan buruk dan baiknya.

Maka dalam konteks ini saya harap kementerian yang berkenaan harus juga memberi penjelasan-penjelasan tentang akibat-akibatnya dan kekuatan-kekuatan daripada pedagang elektronik ini. Tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia memerlukan teknologi ini untuk bersaing dan beranjak kepada corak ekonomi baru namun masyarakat harus bersedia terutama sekali secara mentalnya untuk menerima kos mudarat dan juga faedah yang akan dijanakan sebagai *consequence* kepada pedagang elektronik yang sedang dibincangkan di Dewan yang mulia ini. Sekian. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Tuan Yang di-Pertua, tiada siapa pun boleh menafikan bahawa perdagangan elektronik sedunia yang sudah pun memasuki kehidupan negara dan rakyat Malaysia menandakan sektor ekonomi baik.

Perdagangan dalam dan di luar negara kita sudah menyaingi masyarakat perdagangan antarabangsa. Kerajaan mengambil langkah memperkenalkan Rang Undang-undang ini ketika negara kita sudah lama memulakan sistem e-dagang dalam banyak sektor. Kerana bimbang kesan negatif yang dihadapi dan akan dihadapi oleh masyarakat Malaysia. Maka pembentangan Rang Undang-undang ini adalah kena pada masa ini sebagai ekoran gesaan ASEAN meminta negara anggota merangka dan melaksanakan pelan tindakan bagi pedagang elektronik sesama negara anggota.

Tuan Yang di-Pertua, di Amerika Utara, Eropah, Jepun dan Korea, perdagangan elektronik semakin berkembang dan melebarkanangkauannya. Saya tidak menafikan kebaikan sistem e-dagang kerana proses urus niaga menjadi lebih cepat. Menjimatkan masa, tenaga dan kos tetapi tidak kurang bahaya yang menunggu para pengguna dan penerima sistem ini. Cukai dan hasil dapat dibayar lebih cepat dan cekap. Bil dan bayaran pindahan, masukkan dan pengeluaran perbankan secara *online* menjadikan rakyat lebih mudah dan selesa berurusan.

Namun bahayanya ialah bila aktiviti *fraud* dan penipuan boleh dilakukan. Boleh dikesan tetapi sukar diselesaikan. Pesanan boleh dibuat secara *online*, secara *internet* tetapi bila pesanan yang diterima tidak menurut kehendak spesifikasi yang dikehendaki, bukan mudah untuk mendapat *remedy* nya. Walaupun rang undang-undang memberi rang lengkok aktiviti perdagangan elektronik yang luas seperti di dalam tarif urus niaga perdagangan yang meliputi perbankan dan insurans tetapi pemakaian Rang Undang-undang ini tidak meliputi surat kuasa wakil.

Pembetulan wasiat dan "*quotation*" membentuk amanah dan surat cara niaga boleh dikatakan amat terhad. Bukan semua urus niaga boleh dibuat secara elektronik contohnya cadangan dan penerimaan kontrak insurans. Ia mesti dibuat secara manual berdepan kecuali

dalam kes tertentu. Ia boleh mengundang *fraud* iaitu penipuan dan moral dan fizikal *hazard* berlaku tanpa disedari pada peringkat awal walaupun ada keizinan dan persetujuan baik oleh pemula dan penerima.

Unsur moral dan fizikal *hazard* hanya boleh ditentukan pada peringkat awal oleh ejen yang terlatih dan dikesan oleh *underwriter* yang berhati-hati. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu untuk memasukkan urus niaga insurans perlu dikaji semula dan tahap perlindungan yang boleh diuruskan oleh sistem e-dagang. Selain itu, kesilapan perbankan bukan mudah diperbetulkan dan para pelanggan terpaksa bersusah payah untuk meyakinkan pihak bank bahawa mereka tersilap memasukkan wang.

Walaupun Malaysia masih baru dengan sistem e-dagang, langkah mencegah awalan perlu dilaksanakan supaya kes jenayah perdagangan perlu dikesan dan diatasi. Tuan Yang di-Pertua, saya sebut di sini sebagai contoh. Jika seorang membeli secara *online*, prabayar *handphone* nya tetapi pihak pekedai silap memasukkan nombor akaun dan tidak mahu mengakui kesilapan kerana tidak berhati-hati, mengapa pekedai masih mendesak memberi bayaran.

Oleh kerana perdagangan elektronik di Malaysia adalah perkara baru dan orang ramai masih takut menggunakan dan bimbang akan akibatnya. Maka adalah perlu penerangan dan penjelasan tentang pemakaian hendaklah diumumkan sehingga orang ramai mahir menggunakannya dan mencari jalan bagaimana mewujudkan keyakinan dalam penggunaannya. Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita akan maju dengan sistem perdagangan elektronik dalam kehidupan kita, tetapi urus niaga secara berdepan masih diperlukan dan nilai budi bahasa dan kepercayaan dalam urus niaga masih menjadi inti pati sistem ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak mahu? Baiklah, Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Selepas saya diberi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selepasnya boleh menteri jawablah.

4.50 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006.

Dunia e-dagang dipengaruhi oleh perubahan yang amat besar dan sekiranya kita tidak bergerak se arah dengan perubahan ini, kita akan menjadi mangsa kepada perubahan. Walaupun banyak syarikat telah menggunakan *internet* untuk membawa impak yang amat besar kepada pengiklanan dan pengedaran barangan dan perkhidmatan, akan tetapi lebih banyak lagi yang belum sedar tentang kebaikan medium berkomunikasi yang amat kuat ini untuk menguruskan transaksi *online*. Soalnya, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh badan perundangan untuk menggalakkan penerokaan apa yang boleh kita mendapat faedah melalui e-dagang.

Tuan Yang di-Pertua, tekanan untuk menggunakan media elektronik dan *internet* telah membawa implikasi polisi dan undang-undang kepada kerajaan, kepada *business* dan individu-individu. Dari sudut pandangan undang-undang kerajaan dan *business* diharap dapat memastikan dokumen elektronik adalah efektif dan mematuhi peruntukan undang-undang seperti mana terdapat dalam bentuk konvensional. Kini kita masih dapati bahawa undang-undang sedia ada masih memerlukan dokumen yang ditandatangani dalam bentuk konvensional dan jauh dari amalan *paperless work*. Semua ini akan menghalang perkembangan e-dagang ataupun e-kerajaan dan kita menaruh harapan kepada rang undang-undang ini dan mungkin akta-akta yang lain supaya dapat menggalakkan dan memajukan pembangunan e-dagang dan juga e-kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebarang bentuk rang undang-undang perdagangan elektronik mestilah ditujukan untuk membina satu asas yang adil dan sempurna untuk menjadikan Malaysia sebuah negara atau pasaran yang *compatible* dengan perdagangan elektronik. Rang undang-undang ini juga mestilah dapat memberi keyakinan kepada mereka yang terlibat dalam perdagangan elektronik sama ada ia diurusniagakan di dalam negara atau di luar negara demi melindungi keselamatan penggunaan kad kredit orang ramai dan keselamatan maklumat-maklumat peribadi dan komersial yang bersifat rahsia di samping memberi keselesaan kepada orang ramai yang menjalankan urusan niaga elektronik yang betul-betul *one click away*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan hak para pengguna dan pedagang adalah paling penting dalam sesuatu rang undang-undang yang berkaitan dengan perdagangan elektronik. Biar pun begitu rang undang-undang yang kita ada pada hari ini tidak lebih daripada senaskhah risalah yang menerangkan beberapa terminologi yang biasa kita dengar dalam dunia perdagangan elektronik dengan memberi takrifan terhadapnya tanpa sebarang *substance* bermakna yang penting terhadap pembangunan perdagangan elektronik di Malaysia.

Saya tidak menolak kepentingannya untuk memberi takrifan yang jelas dan jitu terhadap terminologi-terminologi ini. Tetapi isi kandungan utamanya tidak harus difokuskan kepada terminologi sahaja. Pemberian takrifan kepada terminologi tidak akan membawa manfaat kepada kualiti terhadap pengawal aturan yang amat diperlukan untuk pembangunan perdagangan elektronik di Malaysia. Perlindungan hak para pengguna dan pedagang serta peranan kerajaan dan tindakan hukuman ke atas mereka yang didapati bersalah langsung tidak disebut dalam rang undang-undang ini.

Malahan lagi, Tuan Yang di-Pertua, persoalan sama ada maklumat-maklumat individu itu mendapat perlindungan di bawah rang undang-undang ini juga merupakan tanda soal yang besar kerana jikalau kita meneliti rang undang-undang ini, kita langsung tidak dapat mencari mana-mana peruntukan yang berkaitan dengan perlindungan maklumat-maklumat individu yang sebenarnya merupakan satu aspek yang cukup *integer* dalam dunia siber.

Saya rasa Yang Berhormat bagi Bera pun memberi hujah yang panjang lebar terhadap kekurangan ini. Mana-mana rang undang-undang yang menyentuh perdagangan elektronik perlulah mengandungi bahagian-bahagian berikut:

- Bahagian Pertama. Mengenai pembekal perkhidmatan cryptography (*cryptography service providers*) yang mencadangkan satu skim pelesenan sukarela untuk menawarkan perkhidmatan dan bantuan untuk membangunkan pembangunan e-dagang. Misalnya tandatangan-tandatangan elektronik dan transmisi data yang selamat. Ini adalah perlu kerana ia dapat melibatkan sektor swasta untuk menceriakan industri ini.
- Bahagian Kedua, adalah mengenai kelicinan perjalanan perdagangan elektronik ataupun dengan izin, *facilitation of e-commerce* yang bertujuan untuk memastikan pengiktirafan dari segi undang-undang terhadap semua tandatangan elektronik supaya ia dapat diterima dalam mahkamah.
- Bahagian Ketiga, siasatan terhadap data elektronik terlindung (*investigation of protected electronic data*) yang merupakan bahagian yang paling kontroversial. Rundingan awam sebenarnya perlu dijalankan supaya siasatan yang dijalankan terhadap data elektronik peribadi tidak akan disalahgunakan oleh pihak penyiasat berkuasa.
- Bahagian-bahagian Tambahan (*supplementary parts*) yang melibatkan pengawal aturan pengusaha-pengusaha telekomunikasi termasuk pelesenan kepada mereka untuk memastikan e-dagang berjalan dengan lancarnya.

Selaras dengan perkembangan pesat bidang IT, bidang e-dagang ini juga turut berkembang pada tahap yang jauh di luar jangkauan kita. Kalau dahulunya kita menjalankan urusan niaga perdagangan elektronik melalui jaringan *internet* secara *dial-up* sekarang kita telah memilih laluan *broadband wireless internet* untuk bukan sahaja berkomunikasi tetapi turut dalam urusan perniagaan dan transaksi perbankan kita.

Baru-baru ini kita dengar berita di R&R PLUS - Utara Selatan pun ada khidmat *wireless* ini yang saya rasa sangat dialu-alukan sebab kita pun selalu singgah di R&R untuk rehat dan kemungkinan dengan kemudahan *wireless* ini lebih ramailah kita boleh dapat mengakses kepada *internet* untuk urusan-urusan yang sesuai. Ini barangkali sebabnya Parlimen kita dilengkapi dengan laluan *broadband wireless internet*.

Walaupun begitu kita harus sedar bahawa dengan kelahiran telefon bimbit *third generation* atau 3G, e-dagang dijangka dapat berkembang dengan lebih pesat lagi. Telefon bimbit 3G membenarkan penggunaanya untuk mengakses *internet* dengan kelajuan yang sama

dengan *broadband*. Dengan perbekalan pengetahuan ini, kita sudah pasti merasa kecewa kerana rang undang-undang ini hanya memberi satu gambaran yang amat kasar dan sama terhadap pengawal aturan industri e-dagang di negara kita. Rang undang-undang yang sama dan kasar sebegini bukan sahaja tidak produktif dalam mengawal atur pembangunan e-dagang di Malaysia, malahan ia sudah pasti akan dipinda dari masa ke semasa supaya ia *up-to-date* menjadikannya sebagai salah satu akta yang tidak efektif dan kekang.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya, saya ingin bertanya adakah kerajaan bersedia untuk mewujudkan pelesenan baru untuk mengadakan satu spektrum radio baru demi membenarkan perkhidmatan *broadband wireless* di seluruh negara. Adakah pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mendapat nasihat perunding daripada Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi ataupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dalam perkara ini. Di samping itu, penggunaan kad kredit yang sering kali diklon oleh sindiket-sindiket kad kredit juga merupakan satu masalah yang perlu ditangani oleh kementerian. Saya melihat ia sebagai satu isu yang perlu diberi perhatian khas dalam Rang Undang-undang ini. Kalau mengikut definisi yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini, penggunaan kad kredit juga merupakan satu bentuk e-dagang. Walaupun penggunaan kad kredit sudah lama bertapak di Malaysia, tetapi masalah klon *credit card* masih berlaku khususnya kad kredit warga asing luar negara yang kebanyakannya tidak dilengkapi dengan chip keselamatan.

Apakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mendapat nasihat perunding daripada Kementerian Kewangan atau Bank Negara? Rang Undang-undang ini sebenarnya merupakan satu platform yang amat penting untuk memastikan keselamatan transaksi-transaksi kad kredit yang dijalankan di Malaysia. Malangnya, aspek yang begitu penting ini, telah dilalaikan atau dikeluarkan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 25 dalam rang undang-undang ini iaitu peraturan-peraturan yang menyatakan Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi memberi kuat kuasa penuh kepada peruntukan Akta ini.

Fasal ini merupakan fasal yang paling samar dan pada pendapat saya ianya memerlukan satu pindaan secara besar-besaran supaya masalah-masalah yang saya timbulkan di atas dapat diberi penjelasan dan takrifan yang jelas. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan terhadap soalan-soalan yang saya timbulkan di atas. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong. Berapa minit Yang Berhormat? 20 minit boleh kah? Tak bolehkah? Baiklah, saya hadkan Yang Berhormat setengah jam, 27 minit.

17.03 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh! Macam mana had pula?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, bolehlah Yang Berhormat ya? Habis pada jam 5.30 petang supaya Menteri boleh jawab, hari Isnin.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hmm.. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam rang undang-undang yang penting ini. Saya setuju kita adakan Rang Undang-undang ini kerana kita perlu memajukan e-dagang di Malaysia. Walhal seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat, hanya 2.4% sahaja yang menggunakan e-dagang ini.

Pertamanya, saya menyeru supaya pihak kementerian mewujudkan satu bahagian khas untuk memantau penggunaan e-dagang dan untuk memastikan keselamatan. Mungkin dipanggil Jabatan Keselamatan e-dagang di Kementerian. Kerana itulah, risiko dan keselamatan yang dibimbang oleh para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama dengan e-dagang ini ialah satu metodologi perniagaan yang menggunakan perantaraan elektronik untuk melakukan keseluruhan transaksi perniagaan dan ini memerlukan pembekal dan pelanggan bertemu dalam suasana maya, suasana virtual untuk melakukan urusan niaga dengan menggunakan teknologi internet, digital dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran yang luas e-dagang menggunakan teknologi internet sebagai *platform* utama perkembangan. Oleh itu, pasarannya seharusnya dilihat dari segi bilangan mereka yang menggunakan internet. Kalau diikuti angka yang diberi oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Unit Perancangan Ekonomi, kita boleh lihat dari segi talian telefon tetap yang beroperasi.

Kadar penubuhan bilangan talian yang beroperasi, kadar penubuhannya 16.6% bagi tahun 2005. 16.6%, dan langganan telefon selular. Kita mesti gunakan telefon selular juga dengan itu G3, dan mungkin G4 dan sebagainya. Bilangan langganan 19.5 juta. Kadar penubuhan ini baik juga, 74.1% bagi tahun lepas dan juga, ha..ini penting, komputer peribadi di pasaran. Kadar penembusan hanya 21.8%, 5.7 juta orang. Langganan internet adalah 3.7 juta. Kadar penembusan hanya 13.9%. Ini memang satu, bila kita sebutkan e-dagang, kita sebutkan penembusan internet. Itulah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

Dan paling malang sekali ialah langganan internet jalur lebar. Bilangan langganannya hanya lebih 490,000 orang sahaja dan kadar penembusannya 1.9%. Penembusan internet dan penembusan kadar jalur lebar. Itulah yang disebutkan hari ini, untuk e-dagang. Kalau hanya 1.9% bagi jalur lebar, macam mana kita boleh menjayakan e-dagang? Mungkin Yang Berhormat kementerian, bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan kementerian-kementerian lain untuk meningkatkan penembusan internet dan jalur lebar. Ini menunjukkan bahawa kadar penembusan internet di Malaysia masih lagi di peringkat yang rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti New Zealand. New Zealand 76.3%. Ini, setengah jam tak cukup dah. ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang tak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Bacalah. Kalau baca, lima minit boleh habis.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tak ada, saya memang tak ada teks. Kerana di dalam peraturan tetap kita, kita tidak membenarkan teks langsung....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: lalah...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya mengikut peraturan sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau kita bandingkan dengan bukan sahaja dengan New Zealand, Amerika Syarikat 68.6% penembusannya, Jepun, 67.2%. Mahupun Singapura, 67.2%, dan anggaran langganan pada 2010 juga adalah lebih rendah dengan kadar penembusan semasa negara-negara maju yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di dalam rang undang-undang ini, ada disebutkan kaedah pembayaran untuk transaksi e-dagang, ini memang melibatkan pihak ketiga seperti bank, syarikat kewangan mengeluarkan kredit dan badan-badan sejiran. Apabila pembeli membuat sesuatu pembelian, mereka akan diminta memberikan nombor kad kredit mereka untuk meng*inscription*kan oleh komputer tersebut. Kaedah *incription* inilah akan membenarkan komputer penjual memintas nombor kad kredit pembeli untuk menyelesaikan proses pembayaran. Dengan ini nombor kad kredit pembeli tidak akan dibaca oleh penjual. Di antara teknologi yang menyokong pembayaran melalui kaedah ini ialah *secure electronic transaction* - SET yang dibangunkan oleh MasterCard dan Visa serta *secure socket player* - SCP.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan di Malaysia ini, apakah kaedah atau sistem akan kita gunakan. Sama ada kita akan gunakan SET atau SCP kerana ini memang penting dan selain itu terdapat beberapa cara pembayaran yang diperkenalkan organisasi yang membangunkan e-dagang seperti tunai digital, *digital cash*. Memang ada banyak jenis digital *cash*. Sebenarnya. Macam mana kita.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya tidak tegur. Saya tidak panggil tengok jam.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ok, terus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya memang suka dengar ucapan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang, memang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri pun bersetuju.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini memang baik. Kalau tidak dipengaruhi oleh Yang Berhormat bagi Padang Rengas, lebih baik lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia kacau tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia mana kacau awak? Yang Berhormat sendiri kacau sendiri. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tidak kacau sesiapa. Cuma dia pengaruh Yang Berhormat menteri sehingga orang sudah baik, dia pengaruh jadi rosaklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat mungkin belum siapkan bahan-bahan untuk berucap.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan tidak siap, kita mesti siap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mengapa orang lain lima minit boleh selesai, tujuh minit boleh selesai.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia baca dari teks.

Beberapa Ahli: Ooo.....!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Di dalam Dewan yang mulia ini tidak dibenarkan teks. Boleh tanya yang menjaga Parlimen, menteri ini. Apakah dia faham mengenai.... dia tidak tahu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia sibuk dengan Tun Mahathir.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:*[Ketawa]* Dahulu pun Tun Mahathir tolong dia juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan sangkaan jahat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]* Saya tidak ada sangkaan jahat langsung.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sangkaan yang baik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Adakah Tun Mahathir pernah tolong dia?.... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang menteri yang lain akan menjawab.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terdapat beberapa cara bayaran yang telah diperkenalkan organisasi yang membangunkan e-dagang seperti tunai digital, cek digital dan teknologi sokongan seperti sistem cryptography, PKI - *public key infrastructure* dan sijil digital. Kaedah tunai digital membolehkan pembeli menghantar wang di dalam talian tanpa menggunakan nombor kad kredit. Kaedah pembayaran dipelopori oleh DGH, *Net Trader* dan *Cyber Cash* di Amerika Syarikat. Di Malaysia kaedah ini mula dibangunkan oleh MIMOS, ini baik. MIMOS Bhd. dan High-Tech Niaga Sdn. Bhd melalui laman web, *Jaring's Mail*. Saya memang ini satu perkara yang baik dan saya berharap mereka dapat mempertingkatkan penggunaan *digital cash*.

Apa yang perlu dilakukan oleh pengguna ialah mengisi borang permohonan dan memilih nilai wang digital yang mereka kehendaki. Setelah proses pembayaran jaring mel

dilakukan, pihak pengguna akan diberikan nombor rahsia yang membolehkan anda melakukan pembelian. Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya kita perlukan *cryptography* yang lebih canggih di Malaysia. Mungkin kementerian dapat menyebarkan maklumat, bagaimana kita dapat maklumat untuk *cryptography* untuk *inscription* dan sebagainya. Ini memerlukan teknologi ini bagi memajukan e-dagang kita dan setakat adakan rang undang-undang ini memang tidak cukup. Misalnya Yang Berhormat bagi Padang Rengas pun dia tidak kira, tidak kisah sama ada kita ada *cryptography* ataupun *inscription* dan sebagainya. Itu caranya, tetapi dia hendak majukan e-dagang pula. Saya berharap kementerian dapat mengkaji bagaimana Yang Berhormat dapat menolong pengguna e-dagang untuk memajukan - satu kaedahnya ialah memajukan *cryptography* dan *inscription*.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada bahagian yang menyebutkan mengenai keselamatan di dalam rang undang-undang ini, misalnya pembentukan kesahan kontrak dan tentangan meterai dan penyimpanan dokumen dan penyampaian dan penyerahan dan sebagainya memang ada, tetapi masyarakat e-dagang memang bimbang dengan isu dan risikonya. Isu keselamatan, salah satu isu yang amat penting di dalam e-dagang ialah kebimbangan pengguna terhadap keselamatan. Ramai pengguna masih ragu-ragu terhadap keselamatan transaksi melalui talian di mana terdapat kemungkinan maklumat peribadi mereka serta nombor kad kredit akan dipintas oleh penjahat, penggodas sistem komputer.

Di sinilah terletaklah salah satu faktor yang boleh dibantu oleh Yang Berhormat. Bagaimana kita dapat mengatasi ragu-ragu orang ramai terhadap e-dagang. Selain daripada mengadakan jabatan untuk keselamatan e-dagang, mungkin satu bahagian lagi kita adakan di dalam kementerian, iaitu bahagian untuk menyemai maklumat supaya para pengguna dapat memahami, ini tidak ada risiko ataupun risiko itu tidak begitu tinggi. Dengan kemunculan SPT SSL serta peningkatan 'fire ball', saya berharap pengguna tidak perlu bimbang lagi tentang keselamatan semasa melakukan pembayaran. Mungkin Yang Berhormat dapat menyebarkan maklumat ini.

Teknologi ICT memerlukan pembeli, penjual dan pihak bank berdaftar dengan badan persijilan tertentu bagi mengesahkan identiti mereka semasa melakukan urusan niaga. Pengesahan ini akan dilakukan secara luar talian seperti melalui telefon, faks dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun rang undang-undang ini menyebut mengenai penggunaan tidak mandatori di Fasal 3, seseorang itu perlu memberi keizinan mengguna, atau menerima mesej elektronik namun melihat kepada kadar penebusan negara dalam penggunaan internet, kekhuatiran adalah terhadap mereka yang tidak arif mengenai isu-isu atau risiko-risiko penggunaan e-dagang. Tetapi memberi keizinan juga setelah diyakinkan oleh pihak-pihak yang mahu meningkatkan pengguna e-dagang untuk keuntungan.

Dan saya tekankan di sini bahawa itu, kekhuatiran adalah terhadap mereka yang tidak arif mengenai isu-isu atau risiko-risiko penggunaan e-dagang seperti Yang Berhormat bagi

Padang Rengas, memang dia tidak arif di dalam isu-isu dan risiko-risiko penggunaan e-dagang ini dan masih memberi izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada lapan minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lapan minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tapi tak ada had masalah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah had setengah jam tadi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tapi ini pada permulaan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lama.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lagi lapan minitlah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apa samanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab banyak Tanjong sudah cakap tadi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya cakap dari segi aspek baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih kurang macam Tanjong sama Bukit Bintanglah, sudah cakap banyak.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak sama, saya punya yang lain, dari segi aspek yang lain, perspektif lain. Kita ada masa, macam mana nak hadkan pula?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setengah jam dah cukuplah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Merapulah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak merapu, merapu apa? Yang Berhormat, kalau kita di Malaysia ini di dalam 20 negara yang mempunyai penebusan internet yang tinggi, nama Malaysia tidak ada. Apa nak merapu lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hal dia adalah, sekarang dia....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Number one*, tunggal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tinggal enam minit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:*[Ketawa]* Yang Berhormat Menteri, saya berharap dapat mengkaji bentuk-bentuk kegagalan yang boleh dikenal pasti dalam penggunaan e-dagang seperti *data base*, *server failure*. Itu Yang terhormat bagi Puchong macam mana? Tak ada orang yang sebutkan, serupa sahaja, tidak ada.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *Service provider* macam mana pula? Itu ala GERAKAN. *Data base failure, web server failure, cast server failure, network failure, hard ware failure, navigation failure* dan *process failure*....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan kedai kopilah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya setuju Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong nak cakap bangunlah. Bukan kedai kopilah ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini memang bukan kedai kopi, dia anggap ini kedai kopi, *Kopitiam*.... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, empat setengah minit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya berharaplah Yang Berhormat dapat mengenal pasti kegagalan-kegagalan seperti yang saya sebutkan ini. Ini memang satu yang perkara rumit, yang saya pun tak begitu faham, saya mengakuilah... *[Ketawa]* Saya pun tak berapa faham kegagalan itu. Mengenai kegagalan, Yang Berhormat bagi Padang Rengas faham kah itu? Yang Berhormat bagi Puchong pun dia tak faham, dia anggap ini kedai kopi, itu kefahaman ini kedai kopi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *You* pun tak faham.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana itu? Saya tak faham mengenai kegagalan-kegagalan, Yang Berhormat Menteri pun kurang faham juga mengenai keagalannya. Dan inilah kalau saya ada sepuluh minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, empat minit saja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Empat minit saja ya. Dalam empat minit macam mana kita nak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gulunglah, gulunglah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Gulung, saya nak gulung empat minit. Dan mengenai risiko-risiko yang akhir sekali. Mengenai risiko-risiko, kalau Yang Berhormat nak menjayakan, menguatkuasakan rang undang-undang ini kita mesti memberi perhatian kepada risiko-risiko yang ada. Dan misalnya, itu pendusta, penjual-penjual yang dusta, yang bohong, *seller as impostor* dan kecurian maklumat. Yang kedua, ini merupakan satu penipuan yang besar di dalam d-dagang dan ketiga mengenai *interception*.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya, ini bukan *Kopitiam*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong, ini bukan *Kopitiam*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini bukan *Kopitiam*, itu salah anggap. Dewan yang mulia tahu? Ya, itu macam mana di dalam *interception* ini, setengah orang dapat maklumat seperti *packet sniffing* di dalam *Kopitiam*. Yang Berhormat bagi Puchong memang tak tahu. *Packet sniffing!* Adakah Yang Berhormat bagi Padang Rengas yang tidur sekarang ini faham, *packet sniffing?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:[Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Sri Gading]: Siapa tidur?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia tidurlah, Padang Rengas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Orang tutup matalah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bangunkan dia.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dan di dalam keadaan negara ini, kita penembusan hanya 19% penggunaan *internet*, ini bermakna ramai yang tak faham, tak serasi, tak selesa dengan e-dagang. Dan juga tidak mempunyai pengalaman di dalam internet. Inilah masalahnya. Bagaimana pihak kementerian dapat mengatasi hal ini? Pengguna yang tidak serasi dengan e-dagang, pengguna yang kurang faham termasuk Yang Berhormat bagi Padang Rengas, kurang faham dan kurang pengalaman kerana dia serahkan kepada kakitangan sahaja, itu yang saya tahu. Dia bergantung kepada kakitangan. Dan satu minit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekian, terima kasihlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Satu minit sahaja. Akhir sekali, saya tidak payah ulang hingga ada wujudnya banyak....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tengok jam.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tengok jam? Oh ya. Banyak kelemahan-kelemahan mengenai rangkaian ini, *linkage* dan macam mana dengan kelemahan-kelemahan ini kita dapat *server* yang selamat. Ini memang penting kalau hendak menjayakan e-dagang, kita mesti ada *server* yang selamat dan yang dapat keyakinan pengguna di dalam *service provider*....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dengan ini saya berharap Yang Berhormat boleh menumpukan perhatian kepada mewujudkan pembekal atau *service provider* yang selamat. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik terima kasih. Menteri boleh jawab minggu depanlah. Yang Berhormat ada Usul Penangguhan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hujah yang tidak bernas langsung.

USUL

**MENANGGUHKAN MESUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang”.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

**MASYARAKAT INDIA TIDAK MENDAPAT FAEDAH
DARIPADA PROGRAM RMK-9**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, sila.

5.31 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Rancangan Malaysia Kesembilan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri pada 31 Mac 2006 menyatakan bahawa orang India telah menjauhi prestasi daripada kalangan bumiputera dan rakyat Malaysia yang lain. Nampaknya ini adalah tidak betul dan dalam keadaan sebenar kebanyakan orang India masih lemah dari segi sosioekonomi dan diketepikan dari aliran utama pembangunan.

Yang berikut adalah pertikaian dari Rancangan Malaysia Kesembilan;

- 1) Rancangan Malaysia Kesembilan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri menyatakan bahawa pendapatan kasar purata bulanan bagi isi rumah orang India pada tahun 2004 ialah RM3,456 dan pendapatan bumiputera ialah sebanyak RM2,711 dan pendapatan isi rumah rakyat Malaysia ialah RM3,249;
- 2) maklumat di atas bermaksud bahawa pendapatan purata bulanan bagi isi rumah orang India adalah 27% lebih tinggi dari bumiputera dan 6% lebih tinggi daripada isi rumah rakyat Malaysia yang lain.
- 3) Maklumat ini disertakan lima contoh dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menyatakan bahawa orang India memperoleh 27% pendapatan lebih tinggi daripada bumiputera;

- 4) Rancangan Malaysia Kesembilan selanjutnya menyatakan bahawa matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan adalah untuk menghapuskan jurang ketidaksamarataan pendapatan antara kaum. Dijangkakan paras pendapatan bumiputera akan diperbaiki untuk mengurangkan ketidaksamarataan berbanding dengan orang India dari paras 27% pada tahun 2004 kepada 15% pada tahun 2010 dan paras yang sama pada tahun 2020; dan
- 5) implikasi di atas ialah orang India telah menjauhi prestasi bumiputera dan oleh itu teras utama Rancangan Malaysia Kesembilan adalah untuk memperbaiki bumiputera demi mengejar orang India dan Cina.

Bertentangan dengan di atas Rancangan Malaysia Kesembilan juga menyatakan yang berikut:

Dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bahawa pendapatan dari gaji menyumbang 74.3% daripada pendapatan isi rumah orang India manakala 71.2% bagi bumiputera dan 62.1% bagi orang Cina. Jika orang Cina dihubungkan dengan paras pendapatan tertinggi dan dengan berdasarkan orang India merupakan kumpulan makan gaji yang terbesar, maka mereka merupakan kumpulan yang memperoleh paras pendapatan yang paling rendah.

Jadual 16/4 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan atas kategori pekerjaan pada tahun 2005 menunjukkan 16.3% daripada orang India berada di dalam kategori pekerjaan asas berbanding dengan 8% bagi orang Cina dan 99% bagi bumiputera. Bagi kategori operator, orang India mencapai 20.1% berbanding dengan 11.1% bagi orang Cina dan 15.5% bagi bumiputera. Oleh itu, orang India mencapai peratusan tertinggi dalam dua kategori yang dibayar gaji yang paling rendah.

Jadual 16/6 dalam Rancangan Malaysia Kesembilan atas saham menunjukkan orang India hanya mencapai 1% pada tahun 2004. Jika orang India menjauhi prestasi daripada kalangan bumiputera dan rakyat Malaysia yang lain, maka penunjuk-penunjuk seperti pegangan saham dan syarikat awam disenaraikan harus menggambarkan keadaan sedemikian. Dalam keadaan sebenar, pekerjaan orang India kebanyakan berdasarkan kelas buruh yang muncul sebagai kumpulan kelas pertengahan. Pekerja perladangan dan mereka yang dialihkan dari bidang perladangan menguasai pekerjaan yang mempunyai gaji rendah. Dianggarkan kira-kira 1/3 orang India berada dalam kategori ini. Upah dalam bidang perladangan dan kilang adalah pada nama sahaja dan isi rumah yang mempunyai dua ahli bekerja paras pendapatan adalah di bawah RM1,000.

Pasaran pekerja Malaysia telah dibahagikan mengikut kaum diskriminasi terselindung dan terang benderang dalam perkhidmatan awam dan sektor swasta telah memaksa orang India menguasai pekerjaan yang dibayar gaji yang rendah. Orang India tidak mendapat faedah

daripada Rancangan Malaysia Kesembilan. Tiada program campur tangan untuk menstrukturkan semua kedudukan sosioekonomi orang India. Dalam kesan terus pendapatan, orang India tidak mempunyai wang simpanan untuk membentuk modal dalam komuniti. Ini dijelaskan dalam pegangan saham awam sebanyak 1.2%. Masalah sosial yang semakin meningkat telah menunjukkan penepian orang India adalah berterusan dan ketidakupayaan dalam mencapai kemajuan setanding dengan kaum-kaum lain.

Oleh itu, kami berasa amat bimbang maklumat yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah tidak selaras dengan kedudukan orang India. Statistik yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah tidak realistik dan dipersoalkan. Sehubungan dengan itu ia telah menjadi kewajipan kerajaan untuk mendedahkan dan mengemukakan yang berikut:

- 1) saiz sampel bagi tujuan itu;
- 2) sifat-sifat isi rumah dan di manakah mereka;
- 3) cara perangkaan yang digunakan;
- 4) margin kesilapan dalam tinjauan itu; dan
- 5) data utama yang digunakan untuk membuat kesimpulan seperti dalam perkara 1, 2 dan 3 dan 4 di atas.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.37 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang telah membangkitkan pelbagai isu berkaitan dengan pencapaian kaum India. Sebenarnya banyak daripada kenyataan yang dibuat oleh ahli Yang Berhormat itu tidak mencerminkan keadaan yang sebenar.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memberi penjelasan yang menyeluruh dan tepat mengenai isu ini. Hakikatnya banyak yang telah kerajaan laksanakan untuk membantu membangunkan keadaan sosioekonomi kaum India. Kita juga tidak menafikan bahawa masih terdapat jurang ketidakseimbangan di kalangan kumpulan etnik di Malaysia. Berdasarkan kepada kedudukan semasa inilah, kerajaan telah melancarkan misi nasional dan memberi tumpuan khusus untuk mengurangkan ketidakseimbangan yang wujud. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga telah memberi jaminan bahawa tiada komuniti yang akan ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan sumber statistik yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan menjalankan penyiasatan pendapatan isi rumah atau *household income survey* dengan izin dua kali setiap lima tahun. Tujuan mengadakan *household income survey* ini adalah untuk mengumpul

maklumat mengenai taburan pendapatan isi rumah mengikut pelbagai ciri sosioekonomi serta untuk mengenal pasti golongan miskin. Penemuan *survey* ini digunakan untuk membuat perancangan pembangunan negara. *Survey* telah mula dijalankan sejak tahun 1974 lagi dan yang terkini ialah pada tahun 2004 yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saiz sampel yang digunakan dalam *survey* itu ialah sebanyak 40,000 isi rumah. Saiz sampel ini adalah berdasarkan taburan penduduk mengikut kumpulan etnik. Bagi tahun 2004, saiz sampel bagi *survey* meliputi 65.9% isi rumah bumiputera, 25.3% isi rumah cina, 7.5% isi rumah India, dan 1.3% isi rumah kumpulan etnik lain.

Saiz sampel ini juga mengambil kira taburan isi rumah mengikut negeri, bandar dan luar bandar. Dari segi data pendapatan, saya ingin menjelaskan bahawa pendapatan isi rumah yang dimaksudkan dalam *survey* meliputi pendapatan tunai dan bukan tunai. Punca pendapatan merangkumi penerimaan daripada pekerjaan bergaji, bekerja sendiri, harta benda, pindahan semasa dan pendapatan lain. Mengenai margin kesilapan yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat, ianya adalah dalam lingkungan 5% dan merupakan antara yang terendah di dunia. Saya ulangi merupakan antara yang terendah di dunia bagi kajian-kajian pendapatan isi rumah.

Pada keseluruhannya kaedah dan metodologi yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan dalam merangka *survey* mengguna pakai konsep dan definisi pendapatan dengan mengambil kira panduan dan amalan institusi-institusi antarabangsa, seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Bank Dunia serta Biro Statistik Australia. Pendapatan isi rumah bagi semua kumpulan etnik telah meningkat dengan kadar pertumbuhan purata hampir sama di mana kadar pertumbuhan purata tahunan pendapatan kaum India adalah sebanyak 5% bagi tempoh 1999 hingga 2004. Kadar pertumbuhan ini adalah hampir menyamai kadar pertumbuhan tahunan kumpulan etnik Cina iaitu 5.1%, dan bumiputera 6.4%.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pendapatan isi rumah juga dikategorikan kepada tiga kumpulan pendapatan iaitu kumpulan pendapatan rendah, isi rumah, yakni isi rumah berpendapatan kurang daripada RM1500 sebulan, pendapatan menengah iaitu di antara RM1500 hingga RM3500 sebulan dan pendapatan tinggi melebihi RM3500 sebulan. Pada tahun 2004, hanya sebanyak 24.9% di kalangan kaum India adalah terdiri daripada isi rumah dalam kumpulan yang berpendapatan rendah berbanding dengan bumiputera sebanyak 39.5%. Manakala dalam kumpulan berpendapatan pertengahan, kaum India mencatatkan 43% berbanding dengan bumiputera sebanyak 38%.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa kaum India tidak mendapat faedah daripada Rancangan Malaysia Kesembilan adalah sama sekali tidak berasas. Banyak program telah dilaksanakan untuk memajukan kedudukan sosial ekonomi masyarakat India yang di laksana di bawah Rancangan Malaysia Kelapan yang lalu dan akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Di antara program yang telah dilaksanakan termasuklah latihan kemahiran yang disediakan di Pusat Giat Mara, yang selama ini hanya melatih pelajar

bumiputera. Bermula pada tahun 2004 yang lalu, Pusat Giat Mara telah membuka peluang kepada remaja India menyertai latihan kemahiran di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Sehingga akhir tahun 2005, seramai 1093 remaja India telah pun menyertai pelbagai kursus kemahiran di Pusat Giat Mara. Peluang yang sama juga diwujudkan di Kolej Komuniti di seluruh negara. Di samping itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Pusat Putra akan ditubuhkan untuk melatih belia termasuk belia di kalangan etnik India dalam bidang kemahiran yang diperlukan oleh sektor perindustrian. Sekian. Terima kasih.

MASALAH PENUKARAN STATUS AGAMA DALAM SIJIL KELAHIRAN TIGA BERADIK KAUM INDIA

5.44 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya ialah untuk meminta Menteri di JPM menjelaskan bagaimana anak-anak kepada ibu bapa kaum India yang tukar agamanya kepada Islam dapat menukar nama dan agama dalam sijil lahir mereka. Ini mengenai kes permohonan untuk betulkan nama anak-anak dalam sijil beranak D856226, E567419 dan F732987. Pemilik surat lahir tersebut di atas dilahirkan beragama Islam, India Muslim, kerana ibu bapa mereka tukar agama mereka dari Hinduisme ke Islam.

Mereka mengatakan mereka mengamalkan cara-cara hidup Hindu sejak kecil hingga sekarang, ibu bapa mereka juga terus mengamalkan agama Hindu, mereka telah melebihi 21 tahun. Tetapi masih tidak memohon untuk mendapat kad pengenalan kerana tidak mahu dikenali sebagai orang Islam. Bapanya yang kini telah meninggal pernah memohon untuk membetulkan nama-nama mereka dalam sijil lahir dari nama orang Islam ke nama Hindu pada tahun 1997 dan 1998 tetapi tidak berjaya. Mereka sekali lagi memohon menukar nama mereka melalui Syarikat Subaya Advocate and Solicitors pada tahun 2000, juga tidak berjaya.

Kehidupan mereka memang sulit tanpa kad pengenalan, mereka beli motosikal atas nama orang lain, hendak bersembunyi daripada anggota-anggota penguat kuasa. Saya pernah bawa kes ini kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, pegawainya menasihatkan mereka memohon kepada Mahkamah Syariah untuk keluar Islam. Tetapi Pegawai Mahkamah Syariah mengatakan pada waktu ini masih tiada prosedur untuk keluar Islam. Perlembagaan Negara memberi jaminan kepada warga negara ini bebas memilih agamanya. Saya berpendapat dalam kes ini mereka berhak memilih agama mereka. Oleh yang demikian, saya memohon pihak kerajaan menjelaskan prosedur untuk membolehkan mereka menukar nama Islam ke agama Hindu dalam sijil lahirnya dan seterusnya membolehkan mereka memohon kad pengenalan sebagai orang bukan Islam. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ada membangkitkan isu-isu mengenai maklumat dalam dokumen sijil kelahiran.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat yang terdapat di dalam sijil kelahiran adalah maklumat dan keterangan semasa kanak-kanak tersebut dilahirkan. Semua maklumat tersebut diberikan oleh orang-orang yang mengetahui mengenai kelahiran tersebut seperti ibu bapanya sendiri, datuk atau nenek dan keluarga di kedua-dua belah ibu bapa kepada kanak-kanak tersebut. Maklumat yang akan diberikan oleh pemaklum, di dalam borang pemaklum ialah nama kanak-kanak, tempat dan masa kelahiran, berat badan kanak-kanak, keterangan ibu-bapa serta dokumen yang dipegang, keturunan, keterangan pemaklum serta agama ibu bapa.

Sebelum November 2005, agama kanak-kanak ditentu melalui sistem *generate*, yang ditentukan oleh agama bapa kanak-kanak tersebut, tetapi selepas November 2005, agama kanak-kanak ditentukan oleh pemaklum sendiri. Ketentuan diambil memandangkan banyak perkahwinan yang berlaku sekarang adalah terdiri daripada pasangan yang berbeza anutan.

Dengan perubahan ini, masalah kecuaiian di kaunter pendaftaran kelahiran dan masalah tiada persetujuan ibu bapanya adalah tidak timbul kerana agama kanak-kanak adalah ditentukan sendiri oleh ibu bapa mereka. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, keterangan ini adalah keterangan semasa kanak-kanak dilahirkan sahaja. Sebarang perubahan maklumat setelah kanak-kanak tersebut membesar tidak membolehkan maklumat di dalam Sijil Kelahiran dipinda dengan sewenang-wenangnya. Pindaan butiran di dalam Sijil Kelahiran hanya dibenarkan oleh undang-undang jika terdapat kesilapan perkeranian ataupun kesilapan teknikal sahaja. Pindaan kerana dengan sengaja ingin meminda untuk keperluan peribadi tidak diizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pindaan butiran di dalam kad pengenalan adalah dibenarkan mengikut peruntukkan di bawah Peraturan 14, peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan) 2001. Butiran yang dimaksudkan di bawah peraturan ini ialah butiran nama, taraf kewarganegaraan dan juga alamat. Manakala pindaan mengenai butiran agama hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa agama iaitu Pejabat Agama Islam. Jabatan Pendaftaran Negara tidak mempunyai kuasa untuk menukar orang-orang yang menganut agama Islam kepada agama yang lain

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, semakan terperinci mengenai kes yang dirujuk tidak boleh dibuat kerana maklumat yang diberi adalah terlalu umum. Jika sekiranya semasa kanak-kanak tersebut dilahirkan dan ibu bapa subjek masih beragama Islam dan di dalam borang pemaklum, pemaklum mencatatkan nama bapa adalah Islam, maka agama kanak-kanak akan menjadi Islam dan ia mengikut peraturan.

Namun kanak-kanak tersebut boleh memohon meminda butiran agama Islam di dalam kad pengenalan. Jika kanak-kanak berkenaan mempunyai Kad Pengenalan, tertakluk kepada bukti dan amalan yang sedang dianuti oleh pemegang kad itu. Masalah permohonan itu mempunyai kes untuk dituntut adalah merupakan satu kekuatan, sesuatu tuntutan yang dibuat kepada pihak berkuasa. Dalam hal ini pihak berkuasa ialah Mahkamah Syariah.

Daripada penjelasan Yang Berhormat, pemohon juga telah menggunakan khidmat guaman bagi menyelesaikan masalahnya. Akhirnya saya ingin menegaskan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara tidak mempunyai kuasa untuk meminda nama atau agama di dalam dokumen pengenalan kecuali telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa Jabatan Agama Islam. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dengan ini saya tangguhkan mesyuarat. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari Isnin minggu depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.52 petang